

MELAYU

HILANG KEBERANIAN?

— Suatu Polemik —

M

964209

MELAYU

HILANG KEBERANIAN?

— *Suatu Polemik* —

Diselenggarakan oleh

A. KARIM HAJI ABDULLAH

Dengan Kata Pengantar

TAN SRI DR. A. SAMAD ISMAIL

1998

PUSTAKA BUDAYA AGENCY SDN. BHD.
Petaling Jaya

MELAYU HILANG KEBERANIAN? - Suatu Polemik

diterbitkan oleh
PUSTAKA BUDAYA AGENCY SDN. BHD
73, Jalan Datuk Aziz 14/29
46100, Peling Jaya, 46100 Selangor.

Cetakan Pertama 1998
© Karya : Para Penulis dan Penyumbang
Penyelenggaraan: A. Karim Haji Abdullah

Diatur huruf oleh:
Daya Grafik
12B, Jalan Cempaka 15,
Taman Cempaka,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin penerbitnya.

Dicetak di Malaysia
oleh
UTUSAN PRINTCORP. SDN. BHD.
Lot 184, Sek. 92, Jalan Lima Melalui Jalan Chan Sow Lin
55200, Kuala Lumpur.

Harga RM15.00

AA
320.7595

MEL

M

964209

25 NOV 1998
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	i
<i>Kata Pengantar</i>	ii
<i>Penghargaan dan Terima Kasih</i>	iii
<i>Surat Tun Daim Zainuddin</i>	iv
PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI (<i>sajak</i>) - <i>Mahathir Mohamad</i>	1
SUARA MELAYU, UMNO DAN KERAJAAN - <i>A. Kadir Jasin</i>	4
PANDANGAN DAIM TENTANG MELAYU - <i>Lanang Sejagat</i>	10
ORANG MELAYU HILANG KEBERANIAN - <i>Daim Zainuddin</i>	12
SURAT UNTUK TUN DAIM ZAINUDDIN - <i>Jaafar Rahim</i>	15



SUARA CERDIK PANDAI MELAYU TIDAK LAGI LANTANG - Abu Bakar Hamid	75
TIUPAN ANGIN PERUBAHAN? - Syed Husin Ali	80
MEMECAH KEBISUAN INTELEKTUAL MELAYU - Abdul Shukur Harun	87
TULISAN DAIM : BUKAN KERANA TAK BERANI - Nasrul Hadi	92
PERANAN INTELEKTUAL MELAYU - Sanusi Osman	98
NILAI NEOFEUDAL MELUAS - Syed Husin Ali	108
PEMANDULAN INTELEKTUAL - Mohamad Abu Bakar	113
PENYUMBANG	120
KERATAN AKHBAR	123

GAMBARAN "KEYAKINAN PALSU" POLITIK DAN EKONOMI MELAYU...?	22
- <i>Hussain Mohamed</i>	
DAIM MENANGGUK DI AIR KERUH	28
- <i>Zainuddin Maidin (ZAM)</i>	
DAIM TEBAR GAGASAN MELAYU	32
- <i>Jamaluddin Abdul Aziz</i>	
SUARA BERANI, SUARA SUMBANG	35
- <i>Rustam A. Sani</i>	
DAIM LEBIH BERANI JIKA MILIKI AKHBAR BEBAS	41
- <i>Haji Subky Abdul Latif</i>	
KEMANDULAN POLITIK MELAYU: DI MANA PUNCANYA	46
- <i>Mahadzir Mohd Khir</i>	
SIAPAKAH INTELEKTUAL MELAYU?	53
- <i>A. Nazri Abdullah</i>	
TIDAK BERANI ATAU BERPUAS HATI	56
- <i>Kassim Ahmad</i>	
SIAPA KATA MELAYU HILANG BERANI	60
- <i>Ramli Simbok</i>	
SUARA MELAYU: BOLA DI KAKI AKHBAR	63
- <i>Mohd. Safar Hashim</i>	
TIADA LAGI SUARA MELAYU?	69
<i>M. Noor Azam</i>	


PRAKATA

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin-Nya, dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya telah merangsang dan mendorong minat saya untuk menyusun dan menyelenggarakan buku ini yang diberi nama 'MELAYU HILANG KEBERANIAN - SUATU POLEMIK?'

Perkataan *polemik* mengikut Kamus Dewan membawa erti perbahasan, (perdebatan) pertahanan dengan rencana atau tulisan dalam surat khabar, majalah dan lain-lain.

Dengan demikian, kandungan buku ini menghimpunkan eseи, komentar tulisan dan reaksi terhadap eseи Tun Daim Zainuddin bertajuk *Melayu Hilang Keberanian* yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 10hb Mac 1996. Eseи ringkas Tun Daim itu pun merupakan ulasan beliau terhadap rencana Datuk Kadir Jasin berjudul '*Suara Melayu, UMNO dan Kerajaan*' yang pertama kali tersiar dalam *Mingguan Malaysia* pada 18hb Februari 1996.

Kolumnis Mingguan Malaysia, *Lanang Sejagat*, sewaktu memperkenalkan tulisan Tun Daim antara lain menyatakan: 'Benarkah orang Melayu sudah hilang keberanian? Benarkah orang Melayu kini hanya pentingkan kekayaan



KATA PENGANTAR

Rencana Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin dalam *Mingguan Malaysia 10 Mac, 1996* ringkas sahaja tetapi ia mencetuskan perdebatan yang rancak dalam masyarakat antara cerdik pandai. Usaha Tuan Haji Karim Haji Abdullah mengumpulkan rencana-rencana yang tersiar dalam media kita yang ditulis oleh berbagai tokoh mengenai fikiran Daim yang provokatif itu, perlu diberi penghargaan.

Tentulah pendapat dan pandangan masing-masing penulis tidak sekata tetapi tulisan-tulisan itu wajar menjadi renungan kita kerana topik yang dibincangkan adalah tepat sekali dengan keadaan kita sekarang.

Adakah benar kita kini takut memberikan pandapat? Adakah akhbar-akhbar kita keberatan menyiarkan pendapat yang bertentangan dengan aliran fikiran kerajaan? Adakah cerdik pandai kita takut menyuarakan pendapat mereka secara terbuka kerana hendak mempertahankan kepentingan kedudukan dan pangkat? Penulis-penulis yang rencana-rencana mereka dikumpulkan oleh Haji Karim dalam buku ini cuba menjawab sebanyak sedikit pertanyaan itu.

Saya pernah memberikan ceramah tidak lama dahulu mengenai peranan cerdik pandai dalam pembangunan bangsa dan

sahaja? Apakah orang Melayu hanya menerima apa sahaja yang disogokkan kepada mereka secara membuta tuli?

Lanang Sejagat menegaskan "tulisan ini patut menjadi bahan perbincangan dan renungan. Isunya memang kontroversial. Tetapi penulisnya tentulah berniat baik untuk menyedar dan menggerakkan sekiranya benar bangsanya dalam kealpaan dan kekenyangan bagaikan tikus jatuh ke beras".

Bermula dengan tersiarinya kedua-dua artikel, Datuk Kadir Jasin dan Tun Daim itu, maka tercetuslah polemik dan perdebatan yang panjang dalam media-massa kita. Selama beberapa bulan, telah disiarkan komentar, eseи, dan reaksi terhadap kedua-dua tulisan dua orang tokoh itu. Pelbagai golongan termasuk tokoh korporat, para intelektual dan tokoh akademik, tokoh politik, wartawan dan editor, aktivis sosial turut menyumbang pandangan dan pemikiran mereka dalam akhbar-akhbar mingguan, majalah, jurnal yang membahaskan isu yang penting itu.

Memandangkan polemik yang berlaku dalam media-massa itu merupakan salah satu polemik yang penting untuk menjadi bahan perbincangan dan renungan bersama, maka saya telah mengambil inisiatif mengumpulkan polemik itu dalam buku ini yang saya beri judul '*Melayu Hilang Keberanian-Suatu Polemik?*', mengambil sempena judul artikel Tun Daim Zainuddin itu.

Ada juga beberapa artikel yang saya petik dari buku-buku yang tidak tersiar dalam media-massa kita. Tetapi oleh kerana artikel tersebut amat relevan dengan topik perbincangan, maka saya mengambil artikel tersebut untuk dimasukkan dalam buku ini. Artikel Dr. Sanusi Osman bertajuk '*Peranan Intelektual Melayu*', sebuah artikel beliau yang saya petik dari buku '*Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*' yang diterbitkan oleh UKM, 1989.

sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah terdapat pengkritik yang 'neutral'?

Buku yang diselenggarakan oleh Haji Karim ini berguna sekali kerana ia memaparkan fikiran dan pendapat dari pelbagai individu, masing-masing dengan pendekatannya yang tersendiri.

Kepada YB Tun Daim Zainuddin, bahawa tulisannya begitu luas menjadi perhatian umum tentu memerlukannya juga. Setinggi-tinggi tahniah kepada beliau kerana dapat mencetuskan polemik dan perdebatan yang sihat mengenai apa yang dianggapnya sebagai satu gejala yang menarik dikalangan kaum cerdik pandai kita sekarang.

Saya mengenali YB Tun Daim Zainuddin agak rapat dan satu dari wataknya yang menarik ialah sikapnya yang berterus terang dalam menyatakan pendapatnya. Rencananya yang singkat dalam *Mingguan Malaysia* itu memang cocok sekali dengan wataknya.

TAN SRI A. SAMAD ISMAIL

28 April 1998

negara sekarang. Golongan cerdik pandai Melayu kini jauh lebih besar dan lebih pandai dari masa sebelum perang dan sebelum merdeka dahulu. Sebelum perang cerdik pandai yang lantang suaranya ialah kaum guru Melayu hingga kepada dekad sebelum merdeka. Peranan mereka cukup dan memadai untuk memenuhi keperluan perjuangan zaman mereka. Tetapi kini kita membangun sebuah negara dan suatu bangsa. Maka itu tentulah golongan cerdik pandai yang kita perlukan tidak sekadar orang yang pandai meneriakkan slogan politik dan berpidato diatas pentas kepada khalayak orang-orang kampung.

Adakah benar kita sekarang takut menyatakan pendapat kita yang tidak selari dengan pandangan kerajaan? Saya tidak fikir kita kini diserang budaya takut untuk bersuara menyatakan pendapat kita. Bahkan media kita juga tidak selamanya akor sahaja dengan pendapat pihak berkuasa.

Sekiranya kita menganggap tulisan yang kritis terhadap kerajaan harus bercorak kritikan semata-mata memang tulisan sedemikian jarang tersiar melainkan dalam akhbar pembangkang. Tetapi kritikan terhadap kerajaan bisa mengambil berbagai bentuk dan juga cara.

Satu soal yang timbul ialah apakah kerajaan meminggirkan golongan intelektual? Atau sebaliknya adakah golongan cerdik pandai kita sengaja mengasingkan dan menjauahkan diri mereka dari kerajaan?

Ada golongan intelektual yang menyerapkan diri ke dalam arus perdana establisment dan berperanan sebagai pengkritik dalaman yang menurut mereka lebih berkesan. Di samping itu peranan itu memberikan faedah juga dalam erti mereka dapat menikmati ganjaran yang agak setimpal dengan gaya hidup mereka sebagai golongan menengah.

Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Selaku penyelenggara buku ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh-tokoh yang disenaraikan di bawah ini kerana memberi keizinan bertulis kepada saya menggunakan eseи-eseи mereka yang dimuatkan dalam buku ini.

Mereka ialah Datuk A. Kadir Jasin, Lanang Sejagat, Tun Daim Zainuddin, Encik Jaafar Rahim, Dr. Hussain Mohamed, Datuk Zainuddin Maidin, Encik Jamaluddin Abdul Aziz, Encik Rustam A. Sani, Tuan Haji Subky Abdul Latif, Encik Mahadzir Mohd Khir, Datuk Ahmad Nazri Abdullah, Dr. Kassim Ahmad, Encik Ramli Simbok, Dr. Mohd Safar Hashim, Datuk M. Noor Azam, Datuk Haji Abu Bakar Hamid, Dr. Syed Husin Ali, Tuan Haji Abdul Shukur Harun, Sdr. Nasrul Hadi, Dr. Sanusi Osman, Encik Mohamad Abu Bakar.

A. Karim Haji Abdullah



Cik Juwita Zainal Abidin dari Daya Grafik yang tidak jemu-jemu membantu dalam mengatur huruf kepada Sdr. Wahba dan Sdr Talib Samat yang banyak menggalakkan saya mengusahakan penyelenggaraan buku ini, dan kepada sahabat saya Sdr Jaafar Rahim yang selalu bertanya, bila buku akan terbit, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada anda sekalian.

Semoga buku ini dapat diterima sebagai satu bahan dokumentasi yang berguna kepada khazanah perpustakaan kita.

Salam hormat.

A. KARIM HAJI ABDULLAH

1 Mei 1998

Petaling Jaya

Demikian juga artikel Prof Madya Mohamad Abu Bakar bertajuk '*Pemandulan Intelektual*' saya petik dari Majalah 'Pemikir' yang judul asalnya ialah '*Manusia Akademik Sebagai Intelektual*' keluaran April-Jun 1996. Artikel Dr. Hussain Mohamed berjudul '*Gambaran 'Keyakinan Palsu' Politik dan Ekonomi Melayu*' yang pertama kali tersiar dalam akhbar mingguan '*Utusan Zaman, 17 Mac 1996*' telah dirombak dan diolah semula oleh beliau untuk disesuaikan dengan tujuan penerbitan buku ini.

Kepada Dr. Syed Husin Ali, saya mengucapkan terima kasih kerana telah menyerahkan kepada saya sebuah lagi esei beliau berjudul '*Nilai Neofeudal Meluas*' yang saya kira sesuai untuk buku ini.

Sesungguhnya agak jarang berlaku polemik yang serius seumpama ini tersiar dalam media-massa kita. Kalau adapun tempoh polemik itu tidaklah panjang.

Saya menyedari bahawa masih banyak lagi esei, komentar dan tulisan membincangkan isu ini yang barangkali terlepas dari pengetahuan saya. Namun demikian pengumpulan esei-esei dan komentar yang terdapat buku ini sudah memadai sebagai bahan kajian dan dokumentasi buat generasi kini dan generasi yang akan datang.

Dalam usaha penyusunan dan penyelenggaraan buku ini saya telah banyak mendapat kerjasama dan dorongan dari pelbagai pihak. Istimewanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada para penulis dan penyumbang yang telah memberi keizinan bertulis kepada saya bagi menggunakan esei-esei mereka. Kepada Tan Sri Dr. A. Samad Ismail (Pak Samad) yang telah sudi menulis kata - pengantarnya. Kepada Encik Hamid Othman, Encik Mohd Nor Othman dari Utusan Printcorp yang banyak memberi kerjasama dalam proses penerbitan, Encik Rathuan Md. Som dan

Daim Zainuddin S.S.M, D.H.M.S, S.S.A.P
(Ahli Parlimen Merbok)

13 September 1996

Encik A Karim Haji Abdullah
No 73 Jalan Datuk Aziz 14/29
46100 Petaling Jaya

Saudara

**KEIZINAN MENGGUNAKAN ESEI BERJUDUL
'MELAYU HILANG KEBARANIAN'**

Surat saudara bertarikh 30 Ogos 1996
selamat diterima dan diucapkan terima
kasih.

Saya tiada halangan untuk saudara
menggunakan eseai saya untuk dimuatkan
didalam buku saudara berjudul 'Melayu
Hilang Keberanian.'

Sekian.

Yang ikhlas



DAIM ZAINUDDIN

TINGKAT 9, WISMA YPR
NO.1, LORONG KAPAR OFF JALAN SYED PUTRA, 58000 KUALA LUMPUR.

the first time, the author has been able to show that the β -ray energy spectrum is not a simple power law, but is rather a power law with a sharp cut-off at high energies. This result is in agreement with the results of the experiments of G. E. Brown and R. L. Hill [Phys. Rev. 72, 100 (1947)] and of J. C. D. Clark [Proc. Roy. Soc. (London) A 200, 161 (1950)]. The present theory also predicts that the β -ray energy spectrum is a power law with a sharp cut-off at high energies, and that the cut-off energy is proportional to the mass number of the source. This result is in agreement with the results of the experiments of G. E. Brown and R. L. Hill [Phys. Rev. 72, 100 (1947)] and of J. C. D. Clark [Proc. Roy. Soc. (London) A 200, 161 (1950)].

The author wishes to thank Dr. G. E. Brown for his valuable suggestions and help in the preparation of this paper. He also wishes to thank Dr. R. L. Hill for his help in the preparation of this paper.

Received June 1950

PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

Sesungguhnya tidak ada apa yang lebih menyayat
dari melihat bangsaku dijajah
Tidak ada yang lebih menyedihkan
dari membiarkan bangsaku dihina

Air mata tiada erti
sejarah silam tiada maknanya
sekiranya bangsa tercinta terpinggir
dipersenda dan dilupakan

Bukan kecil langkah wira bangsa
para pejuang kemerdekaan
bagi menegakkan kemuliaan
dan darjat bangsa
Selangkah bererti mara
mengharung sejuta dugaan

Biarkan bertatih
asalkan langkah itu yakin dan cermat
bagi memastikan negara
merdeka dan bangsa terpelihara
Air mata sengsara
mengiringi setiap langkah bapa-bapa kita



Tugas kita bukan kecil
kerana mengisi kemerdekaan,
rupanya lebih sukar dari bermandi
keringat dan darah menuntutnya

Lagi pula apalah ertinya kemerdekaan
kalau bangsaku asyik mengia dan mendidakkan,
mengagguk dan membenarkan,
kerana sekalipun bangganya negara
kerana makmur dan mewahnya,
bangsaku masih melata
dan meminta-minta di negaranya sendiri

Bukan kecil tugas kita
meneruskan perjuangan kemerdekaan kita
kerana rupanya selain memerdekaan,
mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya
bukankah sejak zaman berzaman
mereka menjadi pelaut, pengembara
malah penakluk terkemuka?
Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap,
menjadi pedagang dan peniaga
selain menjadi ulama dan ilmuwan terbilang?

Bukankah bangsaku pernah mengharung
samudera menjajah dunia yang tak dikenal
Bukankah mereka pernah menjadi wira serantau
yang tidak mengenal erti takut dan kematian?

Di manakah silapnya hingga bangsaku
berasa begitu kecil dan rendah diri?
Apakah angkara penjajahan?
Lalu bangsaku mulai
melupakan kegemilangan silam
dan sejarah gemilang membina empayar?

Tugas kita belum selesai rupanya
bagi memartabat dan memuliakan bangsa
kerana hanya bangsa yang berjaya
akan sentiasa dihormati

Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
bukan sekadar memerdeka dan mengisinya
tetapi menangkat darjah dan kemuliaan
buat selama-lamanya

Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku
kerana masa depan belum tentu menjanjikan syurga
bagi mereka yang lemah dan mudah kecawa

Perjuangan kita belum selesai
kerana hanya yang cekal dan tabah
dapat membina mercu tanda
bangsanya yang berjaya

DR. MAHATHIR MOHAMAD
MALAM PUSSI UTUSAN
4 MEI 1996

(Sajak ini telah dideklamasikan oleh
Dr. Mahathir Mohamad pada Malam
Puisi Utusan pada 4hb. Mei 1996)

SUARA MELAYU, UMNO DAN KERAJAAN

Oleh A. Kadir Jasin

KETIKA Pemuda UMNO ghairah dengan *road show* ke seluruh negara bagi mencanangkan pemulihian kepimpinannya dan di waktu Internet didaulatkan sebagai saluran maklumat dan ilmu mutakhir, satu persoalan pokok yang seakan-akan dilupakan ialah masih adakah suara yang mewakili orang Melayu dan rakyat pinggiran.

Soalan ini tercetus kerana wujud tanda-tanda kelompok tertentu dalam masyarakat Melayu sedang dipinggirkan, daripada yang menganggap diri mereka cendekiawan di kampus universiti kepada rakyat biasa di kampung dan caruk.

Misalnya, siapakah di dalam struktur kuasa yang bercakap bagi pihak orang Melayu mengenai hal-hal pokok seperti bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi. Apakah suara kerajaan yang ramai perwakilan Melayu boleh dianggap sebagai suara orang Melayu?

Apakah UMNO yang dianggotai majoritinya oleh Melayu menjadi suara mutlak kaum itu? Atau apakah Pemuda UMNO menerima atau setidak-tidaknya menganggap, suara pemimpin Melayu dalam kerajaan sebagai suara yang mewakili mereka. Dalam erti kata lain, suara kerajaan adalah suara Melayu dan suara Melayu adalah suara kerajaan.

Walaupun tanggapan ini tidak seratus peratus meleset,

ia tidak pula sepenuhnya benar.

Wakil Melayu adalah kerajaan, sama juga dengan wakil Cina, India, Kadazan dan Iban, adalah wakil keseluruhan rakyat Malaysia dan bukan wakil kaum mereka saja.

Kebenaran hal ini lebih jelas di dalam masyarakat berbilang kaum Malaysia, yang majoriti pemimpin yang menganggotai kerajaan dipilih oleh pengundi pelbagai kaum dan agama.

Manakala kepekaan majoriti pemimpin Melayu di dalam kerajaan terhadap hasrat orang Melayu atau isu-isu yang membabitkan orang Melayu tidak boleh dipertikaikan, adalah tidak wajar juga bagi orang Melayu mengharapkan mereka memperjuangkan hak orang Melayu semata-mata.

Tanpa tujuan mempertikaikan kewibawaan dan keprihatinan pemimpin Melayu di dalam kerajaan memperjuangkan hak orang Melayu, adalah tidak merugikan jika masyarakat Melayu memikirkan semula hal ini dengan mengambil kira suasana dan persekitaran semasa.

Jika media massa diterima sebagai saluran maklumat dan ilmu yang paling sejagat, apa yang berlaku sekarang membimbangkan. Manakala pengarang akhbar menerima tiga atau empat kenyataan akhbar mengenai pelbagai perkara setiap hari daripada parti-parti pembangkang, khususnya DAP, amalan itu hampir-hampir sudah mati di kalangan parti kerajaan.

Melalui kenyataan ini, DAP dan parti-parti pembangkang lain memberikan pandangan parti atau kaum yang mereka wakili terhadap pelbagai isu dan perkembangan semasa.

Di pihak yang lain, kita hampir-hampir tidak lagi mendengar pandangan daripada UMNO atau suara yang mewakili masyarakat Melayu secara bebas dan berasingan daripada pandangan kerajaan.

Ini mungkin juga kerana pemimpin Melayu dalam kerajaan berasa mereka boleh memberi pandangan yang mewakili kerajaan dan orang Melayu sekali gus manakala orang Melayu pula menganggap apa yang disuarakan oleh

pemimpin Melayu dalam kerajaan adalah suara orang Melayu.

Dengan tidak bertujuan untuk mengkritik atau memburukkan sesiapa, kita boleh mengambil kedudukan pemimpin Melayu daripada UMNO yang memegang jawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai contoh.

Walaupun beliau berusaha keras mendaulatkan kesenian dan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaam, beliau tidak boleh menidakkannya kesenian dan kebudayaan kaum-kaum lain.

Beliau juga mempunyai kuasa pelesenan ke atas kegiatan kesenian yang didatangkan dari luar negara. Walaupun beliau peka terhadap perasaan orang Melayu, beliau tidak boleh menolak hak kaum-kaum lain atau kelompok tertentu masyarakat daripada menghayati atau menikmati karya seni dan budaya mereka.

Maka beliau terpaksa membenarkan kumpulan kebudayaan, kesenian dan muzik dari luar, sama ada Amerika, Hong Kong, Taiwan, China atau India walaupun ini mungkin tidak disenangi oleh keseluruhan atau sebahagian masyarakat Melayu.

Tetapi tidak mustahil beliau sendiri lega dan berani mengatakan "tidak" pada permohonan membawa masuk kegiatan budaya, seni dan muzik luar yang jelas bercanggah dengan kebudayaan kebangsaan atau kehendak agama jika beliau tahu beliau mendapat sokongan atau didesak oleh orang Melayu.

Anggapan sesetengah pemimpin UMNO bahawa mereka tidak perlu menghantar kenyataan akhbar kerana media massa memihak kepada mereka bukan sahaja songsang malah berbahaya.

Hakikat bahawa media massa kerap kali memihak kepada kerajaan atau sekurang-kurangnya tidak menentang kerajaan tidak bermakna media massa boleh dipandang ringan.

Mengapa DAP terus mendapat ruang di dalam

sebahagian besar akhbar? Jawapannya mudah, iaitu pengarang nampak dan mengakui kegigihan parti itu menyuarakan pendapat serta membuat pendirian mengenai pelbagai isu dan perkembangan berkaitan negara dan rakyat.

Kekaburuan garis pemisah antara apa yang dianggap suara orang Melayu dengan suara UMNO dan suara kerajaan berlaku kerana perubahan besar dalam struktur kuasa politik orang Melayu sejak kebelakangan ini.

Pertama, boleh dikatakan hampir semua orang menganggotai Majlis Tertinggi UMNO, sama ada kerana menang dalam pertandingan parti atau dilantik oleh Presiden, diberikan jawatan kerajaan.

Ini menjadikan mereka pemimpin Malaysia dan sekaligus menumpulkan kemampuan mereka bercakap khusus untuk orang Melayu.

Kedua, pemuda UMNO yang dulunya bertindak sebagai kumpulan pendesak dan pemegang amanah isu-isu kemelayuan dan keislaman nampaknya sudah menjadi sebahagian daripada establisment. Seperti juga dengan Majlis Tertinggi, sebahagian besar ahli majlis kerja Pemuda memegang jawatan dalam kerajaan.

Ketiga, tidak ramai lagi pemimpin UMNO berasal dari golongan tertindas atau dari latar belakang yang tebal dengan semangat idealisme dan semangat perjuangan seperti yang wujud di kalangan generasi revolusi kampus.

Dan keempat, politik lebih dianggap sebagai kerjaya dan bukan lagi perjuangan atau landasan menabur bakti. Justeru kejayaannya diukur dari segi pangkat, gaji dan kuasa ekonomi.

Menjelang pemilihan UMNO November ini, mungkin elok jika ahli parti memikirkan soal pemisahan antara parti dengan kerajaan kerana dibimbangi jika semua pemimpin parti turut dilantik memegang jawatan dalam kerajaan, sedikit sebanyak ia mungkin akan menumpulkan kemampuan mereka bersuara untuk orang Melayu.

Ini harus dianggap penting, pertamanya kerana kita

ini berada di ambang abad ke- 21 dan sedang bergerak pantas ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, yang menegaskan jati diri kita sebagai bangsa Malaysia.

Kedua, proses globalisasi yang semakin pantas akan lebih hebat mencabar kita dari segi kebangsaan, kesenian, kebudayaan dan nilai. Tanpa ‘kemelayuan’ yang kuat dan terisi dengan ilmu, kerohanian dan kebendaan - orang Melayu mungkin terpinggir.

Ketiga, pengaruh teknologi, terutama di dalam aspek maklumat, akan mengubah cara kita belajar, berfikir dan bertindak.

Siapakah yang akan bersuara bagi pihak orang Melayu mengenai kebaikan dan keburukan teknologi maklumat canggih seperti Internet sedangkan masih banyak kampung dan caruk, sekolah desa dan ladang yang belum menerima bekalan elektrik dan tidak kenal komputer?

Siapa yang akan bersuara mengenai lepasan sekolah desa yang lemah Bahasa Melayu dan buta Bahasa Inggeris, yang gagal Matematik dan tidak lulus Sains, yang baca akhbar sekali seminggu tetapi fasih setiap lagu rock dan pop?

Apakah ini sebahagian daripada gejala perbandaran kepimpinan UMNO yang lebih ramai pemimpinnya tinggal dan bekerja di bandar daripada di desa, tempat asal mereka, sehingga perhubungan dengan akar umbi dengan kampung dan caruk menjadi renggang?

Mungkin lebih baik bagi Pemuda UMNO menghabiskan lebih banyak masa dan tenaga mendengar keluh resah orang Melayu, daripada wak penjual sate yang duduk termenung di atas cakruk kepada belia yang melepak di kompleks beli-belah dan cendikiawan di menara gading yang berasa disisihkan.

Ini mungkin jauh lebih baik daripada mengadakan *road show* untuk memperkenalkan semula pemimpin.

Di kalangan cendikiawan yang paling rapat dengan kepemimpinan pun terdapat tanggapan bahawa UMNO semakin terpisah daripada cerdik pandai Melayu yang suatu

masa dulu amat berpengaruh dalam UMNO.

Di saat semakin ramai pemimpin UMNO, termasuk dalam Pergerakan Pemuda, memakai label korporat, bertambah ramai pula belia Melayu yang menagih dadah dan runtuh moralnya.

Apakah UMNO, terutama Pergerakan Pemuda mempunyai agenda untuk menebus maruah bangsa yang tercemar kerana najis dadah ini.

Kalau gadis Cina yang dipaksa melacur atau ibu yang anak gadisnya lari dari rumah boleh meminta bantuan Michael Yeoh dan Biro Pengaduan Awam MCA, berapa ramaikah gadis Melayu yang dipaksa melacur atau ibu Melayu yang anaknya lari dari rumah sudah mendapat bantuan Pemuda UMNO?

Apakah politik merupakan jalan untuk membuat kebaikan untuk masyarakat atau politik merupakan jalan dan tujuan untuk mengisi agenda peribadi?

Tidak cukup bagi Pemuda UMNO sekadar memberi jaminan bahawa pergerakan itu mengasaskan dasardasarnya di atas landasan perlembagaan dan undang-undang serta berikrar mempertahankan kepentingan Melayu, Bahasa Malaysia dan Islam apatah lagi di saat-saat timbul banyak tanda yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dan Islam sedang diancam krisis moral dan jati diri.

Kegawatan ini mungkin terjawab jika orang Melayu menilai dirinya dan isu-isu berkaitan masyarakatnya dari aspek yang berasingan - sebagai individu Melayu, sebagai pemimpin UMNO dan sebagai pemimpin dalam kerajaan.

Mungkin pemisahan kuasa yang lebih jelas antara UMNO dan kerajaan akan membantu proses ini.

(Esei ini pertama kali tersiar dalam 'Mingguan Malaysia', 18 Februari 1996)

PANDANGAN DAIM TENTANG MELAYU

Oleh Lanang Sejagat

TULISAN Tun Daim Zainuddin "Orang Melayu hilang keberanian" pada halaman sebelah cukup provokatif. Sudah sekian lama kita tidak mendengar suara selantang itu, apalagi yang datang dari orang yang hampir dengan serambi kuasa. Daim bukan sebarang orang, maka pandangannya, walaupun dalam bentuk tulisan yang ringkas, pasti akan menggegarkan negara ini beberapa ketika.

Benarkah orang Melayu sudah hilang keberanian? Benarkah orang Melayu kini hanya pentingkan kekayaan sahaja? Apakah orang Melayu hanya menerima apa sahaja yang disogokkan kepada mereka secara membuta tuli?

Tulisan ini patut menjadi bahan perbincangan dan renungan. Isunya memang kontroversial. Tetapi penulisnya tentulah berniat baik untuk menyedar dan menggerakkan sekiranya benar bangsanya dalam kealpaan dan kenyangan bagaikan tikus jatuh ke beras.

Lebih besar daripada itu, mengambil semangat tulisan itu, ialah soal yang melibatkan cerdik pandai Melayu. Apakah benar terdapat krisis intelektual yang parah hari ini? Apakah benar kalangan intelektual menjadi bisu dan kaku? Apakah benar suara wibawa dan keyakinan yang menjadi lambang kelompok ini semakin menipis?

Tidak ada salahnya pelbagai institusi yang sebenarnya

menjadi sarang kelompok intelektual Melayu - dari institusi pengajian tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka, hingga organisasi media seperti Utusan Melayu. Begitu juga sekian banyak maktab perguruan, badan penulis malah sanggar seniman.

Bukankah selama ini suara keberanian menjadi teras pada perjuangan memerdekaan tanah air, mendaulatkan bahasa dan memastikan kuih ekonomi diagih sama rata?

Bukankah minda Melayu secara kolektif - baik datangnya dari kalangan wartawan, sasterawan, ahli politik, guru-guru sekolah Melayu dan pondok, malah posman dan tukang kebun menjadi suara Melayu yang sebenar?

Apakah akibat daripada kejayaan gerakan memerintah batukan bangsa, orang Melayu kini menjadi complacent? Apakah perjuangan memuliakan bangsa dan mengharumkan budaya sudah berakhir apabila telah lahir kalangan korporat berjaya dan sekian macam jutawan segera dan pasang siap?

Benarkah, sekali lagi memetik Daim, "Kita lebih suka tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa." Pertanyaan paling menarik ialah "Inikah Melayu yang kita mahu bariskan?"

Sekali lagi, reaksi orang Melayu sendiri, terutama dari kalangan intelektualnya amat dialu-alukan.

(*'Mingguan Malaysia'* 10 Mac 1996)

ORANG MELAYU HILANG KEBERANIAN

Oleh Daim Zainuddin

KADIR JASIN telah mengupas kedudukan orang Melayu sekarang (Mingguan Malaysia, 18 Februari 1996). Kadir menyoal siapa menjadi suara orang Melayu? Setahu saya, orang Melayu (selain daripada penyokong Pas menganggap UMNO sebagai Melayu dan Melayu itu UMNO.

Kadir betul apabila beliau mengatakan ketua-ketua UMNO semua mahu menjadi ahli MT UMNO kerana ada balasan. Bila menang mereka akan dilantik jadi menteri, timbalan menteri dan sekurang-kurangnya Setiausaha Parlimen. Kalau kuota habis, jadi pengurus badan-badan berkanun ataupun syarikat-syarikat. Bila dilantik menjadi menteri, mereka adalah dalam Kerajaan barisan dan kepentingan Barisan mesti diutamakan.

Walaupun kepentingan Melayu diberi perhatian tetapi kepentingan kaum-kaum lain juga diketengahkan.

Yang malangnya, apabila kerajaan membuat satu-satu dasar ataupun apabila satu keputusan dibuat, walaupun ada golongan memberi pandangan atau teguran, mereka ini tidak diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka.

Sebaliknya akhbar-akhbar akan menghentam mereka ataupun surat dan pandangan mereka tidak disiarkan.

Jadi siapa hendak menyuarakan pandangan Melayu? Semua saluran ditutup. Akhbar-akhbar begitu berjaya sekali

membisukan suara Melayu. Kalau sayang bangsa kita mesti jadi golongan penyayang.

Bagi pihak-pihak bukan Melayu mereka ada banyak saluran. Mereka ada parti pembangkang, akhbar-akhbar dalam bahasa mereka, ada persatuan dan dewan perniagaan untuk memberi pendapat dan pandangan mereka. Pendapat dan pandangan ini mendapat perhatian ahli-ahli politik.

Sebaliknya orang Melayu, kerana UMNO itu dianggap Melayu, apa yang dibuat oleh UMNO semua dianggap baik pada pandangan mereka.

Ini tentu pandangan yang tidak tepat. Kita sebagai manusia sudah tentu ada kalanya membuat kesilapan.

Jadi apabila Akta Pendidikan dipinda dan dibuat yang baru, kalau ada golongan Melayu menyatakan mereka ini tidak dilayan.

Sebaliknya pandangan mereka dianggap sebagai ketinggalan masa.

Bila disoal sama ada pertumbuhan yang begitu tinggi yang kita alami sekarang ini baik untuk Melayu ataupun tidak, golongan ini dianggap sebagai anti pertumbuhan dan mahu Melayu ketinggalan di dalam kepesatan pertumbuhan ekonomi.

Apalah salahnya kalau ada yang memberi pandangan? Yang baik diterima, yang lain diketepikan.

Apabila disebut tentang rasuah, ada yang marah, macam salah kalau perkara ini dibangkitkan. Padahal kerajaan menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BRR). Kalau rasuah tidak dibendung ini akan membunuh negara, seperti barah membunuh manusia.

Rasuah telah menular dengan begitu ketara di dalam masyarakat dan belum ada tanda-tanda yang ia boleh dibendung. Agensi-agensi kerajaan kalau disemak dengan rapi, kita akan lihat kepincangan.

Kalau tidak ada rasuah negara akan bertambah maju dan pertumbuhan lebih baik. Tapi kerana rakyat melihat yang berkuasa mempamerkan kemewahan, mereka juga ingin menurut jejak langkah sehingga pemain bola pun

terlibat dalam amalan ini. Semua gila kekayaan dan mahu kaya dengan cepat tanpa berusaha.

Melayu kini hanya pentingkan kekayaan sahaja. Ini bukanlah satu kesalahan, tapi masa depan Melayu juga penting.

Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka jika tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa. Inikah Melayu yang kita mahu bariskan?

Kalau sebelum merdeka akhbarlah menjadi suara orang Melayu, tapi sekarang akhbar menjadi suara rasmi. Takkan semua dasar atau cara penggubalan dasar betul dan tidak ada satupun yang silap?

Kita mahu orang Melayu berani berterus-terang seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Tan Sri Musa Hitam dengan pendiriannya di era Tunku dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sanggup ditahan di bawah ISA.

Tidak adakah lagi Melayu seperti Dr. Mahathir di dalam tahun 60-an dan 70-an? Kita mahu Melayu yang berani beri buah fikiran. Melayu mesti melahirkan pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran bernes kalau mahu terus maju.

(*Mingguan Malaysia*, 10 Mac 1996)

SURAT UNTUK TUN DAIM ZAINUDDIN

Oleh Jaafar Rahim

ESEI Tun Daim Zainuddin, *Orang Melayu Hilang Keberanian* (Mingguan Malaysia 10 Mac 1996) sungguh menarik perhatian saya. Esei Tun pendek tetapi padat dengan segala macam pandangan. Saya fikir Tun ada keberanian yang luar biasa untuk meluahkan pandangan. Tiada ketakutan langsung. Kadang-kadang saya terfikir juga mengapa Tun "membuang masa" menulis eseи pendek yang meluahkan perasaan tentang "masalah" orang Melayu selama ini.

Bukankah lebih baik Tun menulis eseи tentang bagaimana orang Melayu boleh menjadi orang korporat, bagaimana orang Melayu boleh hidup maju dan berfikiran positif, bagaimana orang Melayu dapat menghilangkan rasa rendah diri, kasihan diri dan menghilangkan sikap-sikap negatif yang lainnya? Bukankah lebih baik Tun menulis tentang cara orang Melayu bermiaga dengan baik dan berkesan? Atau bagaimana orang Melayu berusaha untuk terus hidup dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain?

Bukankah eseи ini lebih bermakna untuk kemajuan orang Melayu? Bukankah ini antara cara yang baik untuk mengerakkan bangsa Melayu? Orang Melayu ingin tahu tentang cara Tun berusaha sehingga meniti tangga kejayaan. Orang Melayu ingin tahu juga tentang kesusahan Tun untuk naik. Orang Melayu ingin tahu tentang siapa yang jadi penghalang kejayaan Tun.

Tetapi saya fikir mungkin Tun ada cara lain untuk menggerakkan orang Melayu. Tun tidak memotivasi, tetapi melakukan *demotivation*. *Demotivation* ialah istilah yang menunjukkan bahawa kita boleh melakukan hal yang sebaliknya untuk "menggerakkan" orang Melayu. Contoh: Kalau kita hendak menaikkan semangat orang, kita puji orang itu. Tetapi Tun tidak. Dia kutuk orang itu.

Saya fikir cara kutukan yang Tun lakukan ini cukup baik. Orang Melayu sudah muak dengan pujian sehingga ada di antara mereka yang lupa daratan. Mereka melupakan akar. Mereka menganggap diri mereka 'dewa dewi' yang tidak cacat celanya. Mereka tidak boleh ditegur. Kata orang Melayu di sebah Utara - saya kira Tun pun faham - kita puji orang patut padan. Jangan sampai pujian meninggikan hidung seseorang. Dia menganggap dirinya *smart* sehingga tidak perlukan pandangan orang lagi. Malah pandangan orang lain sering diperkecilkan dan dininabobokkan (diperlekehkan).

Sikap pemimpin Melayu seperti ini harus diubah. Pemimpin Melayu dalam segala bidang - politik, sosial, sejarah, agama dan sebagainya - kena dengar pandang orang. Jangan ego dan sompong diri. Sikap seperti ini harus diubah kalau pemimpin Melayu ingin disayangi. Kita kritik mereka kerana kita sayangkan mereka. Kita bukan bencikan mereka. Jadi saya nasihatkan pemimpin Melayu supaya, jangan sompong diri. Mereka harus turun ke padang dan sayangi ahli.

Saya setuju dengan pernyataan Tun, "kalau sayang bangsa kita mesti jadi golongan penyayang". Pernyataan Tun banyak maknanya bagi mereka yang malas berfikir. Kalau kita saling menyayangi orang, kita selalu mengambil berat akan masalah orang lain. Tetapi ada pemimpin politik Melayu yang hanya mengambil berat akan masalah orang lain kalau orang itu boleh menjaga kepentingan politik dia. Sikap ini salah. Kita berkhidmat untuk seluruh masyarakat, bukan hanya kepada orang yang memenuhi kepentingan politik kita sahaja.

Selanjutnya Tun, saya boleh bersetuju dan tidak boleh bersetuju dengan pandangan Tun bahawa suara dan pandangan orang Melayu terus tertutup. Kata Tun, "yang malangnya apabila kerajaan membuat satu-satu dasar ataupun apabila satu keputusan dibuat, walaupun ada golongan memberi pandangan atau teguran, mereka ini tidak diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka. Sebaliknya, akhbar-akhbar akan menghentam mereka ataupun surat dan pandangan mereka tidak disiarkan".

Saya fikir bahawa pernyataan Tun ini ada benarnya. Tetapi ia bukan suatu kebenaran yang menyeluruh. Tetapi jangan kita lupa bahawa akhbar-akhbar Melayu terutama *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* tetap menjadi jagoan dan wira Melayu yang memperjuangkan kelangsungan hidup orang Melayu. Hingga banyak pandangan yang kontroversial dan panas tentang orang Melayu yang disiarkan. Saya fikir bahawa cara penyiaran pandangan dan suara orang Melayu begini cukup penting. Biar orang Melayu terasa dirinya panas. Biar dia merasakan dirinya dikutuk. Dari sini dia bangkit dan mengubah sikap.

Begitulah Tun, sikap orang Melayu secara menyeluruh termasuklah pemimpinnya. Kebanyakan mereka tidak (mahu) mendengar pandangan dan idea orang lain apalagi mengembang dan menyuburkan idea tersebut. Pemimpin Melayu membuat tembok untuk menghalang idea. Tembok ini menjadi semakin kukuh apabila kuasa mereka semakin besar dan kuat. Mereka menganggap pandangan dan idea daripada orang bawah, daripada rakyat sebagai lekeh dan laih. Mereka hanya mendengar pendapat dan pandangan daripada orang-orang yang dekat dengan mereka yakni penasihat mereka yang kadangkala memberi gambaran yang salah terhadap sesuatu pandangan atau isu. Akhirnya pandangan tinggal pandangan, isu tinggal isu.

Tun, begitulah sakitnya apabila ada orang Melayu hendak ke depan untuk mengemukakan gagasan atau idea baru. Ada sahaja orang yang menghalangnya. Malah ada sahaja orang yang merendahkannya. Tun, orang Melayu

bukan tidak berani, tetapi dalam banyak keadaan keberanian mereka tidak ditolong.

Pernah dahulu saya mengemukakan idea tentang orang Melayu harus berani berfikir secara yang baru. Orang Melayu berfikir secara gila-gila, bebas, tidak bergantung kepada orang lain. Orang Melayu harus meninggalkan zaman kolotnya tradisinya yang lapuk. Tun tahu apa kata sesetengah orang Melayu kepada saya? "Jaafar tu nak tunjuk terror. Macam dia sahaja yang berfikir orang lain tidak. Macamlah kita ni bodoh sangat. Tak pernah berfikir." Seorang profesor Melayu pernah berkata "Melalui idea kreatifnya, Jaafar nak ajak orang Melayu buat layang-layang cara baru." Seorang ulama pernah mengkritik saya, bahawa idea kreatif tak ada faedah kepada orang Melayu. Takut akan nanti terlalu kreatif hingga kita lupa agama.

Begitulah Tun, yang menjadi penghalang kepada penyumbang idea terutama yang kreatif adalah orang Melayu kita sendiri. Kalau tidak percaya tanyalah pada Ainon Mohamad, Mokhtar Mansor atau Bohari Mohammad tentang kesusahan mereka. Bagaimana sulitnya mereka hendak melobi idea mereka supaya dapat diketengahkan kepada masyarakat. Ada orang Melayu memandang rendah akan idea mereka. Ada yang tidak kisah. Sebaliknya apabila datang sahaja seorang sarjana dari China yang bergelar profesor dalam bidang matematik, Kementerian Pendidikan meletakkan hamparan permaidani kepadanya. Riuh rendah sambut sang profesor itu. Akhbar dan media elektronik beri publisiti besar-besaran. Idea mereka dipuji, dilobi sana sini sehingga ia dapat masuk ke sekolah.

Tun, tololnglah bantu kami mengembangkan idea yang kreatif demi kepentingan orang Melayu. Kami proaktif. Kami tidak kasihan diri atau empati. Kami tidak berserah kepada Tuhan sahaja kalau idea kami diketepikan. Kami adalah orang Melayu yang berusaha siang dan malam, melobi idea kami terutama untuk menembusi tembok kukuh yang dibina oleh orang-orang tertentu terutama orang yang berkepentingan.

Tun, harap tolong beritahu orang media tentang keinginan kami. Jangan *quote* ucapan pemimpin politik sahaja; Menteri Besar, Ketua Menteri, atau Exco sahaja. *Quotelah* ucapan-ucapan pemimpin NGO - belia, sosial dan sebagainya - orang-orang yang tiada kuasa dan nama. Cara *quote* ucapan pemimpin politik sahaja menyebabkan berita akhbar agak membosankan kerana kesamaan nilai beritanya.

Kalau hendak salurkan pandangan orang Melayu, akhbar harus quote pandangan orang bawah dan pemimpin NGO sama banyak dengan pandangan pemimpin politik. Pada saya, dalam banyak keadaan, paradigm pemberitaan di akhbar dan media elektronik harus diubah untuk kepentingan orang Melayu. Ini ingatan, bukan kebencian.

Begitulah Tun, saya agak terkejut dengan pernyataan Tun. "Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara membuta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersoal lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka jika tidak digangu." Adakah Tun fikir bahawa masyarakat Melayu sekarang masyarakat pak turut, masyarakat penakut atau masyarakat yang jumud? Adakah hal ini demikian kerana tembok yang ada dalam fikiran sang penguasa semakin tebal?

Tun, kata Rolloy May dalam bukunya *The Courage to Create*, "Untuk menjadi kreatif, kita haruslah berani." Maksud berani mungkin bukan saja berani mengemukakan idea, sekaligus berani menanggung risiko sewaktu mengemukakan idea. Begitulah Tun, dalam masyarakat Amerika yang terbuka, bolehlah kita menjadi pemberani. Orang Amerika menyokong si pemberani. Tetapi di negara kita, si pemberani tinggal di ceruk. Si pemberani ditekan, dan diketawakan. Tun, di negara kita orang yang berani haruslah terlebih dahulu ada kuasa yang kuat yang tidak boleh digugat lagi. Lagi kuat kuasanya, lagi beranilah dia. Sebaliknya kalau dia tidak ada kuasa-kuasa politik misalnya - jangan haraplah ideanya hendak didengar. Memasang telinga pun jauh sekali.

Wahai Tun! Orang Melayu kita lebih banyak dengar cakap orang berkuasa daripada orang yang tidak berkuasa. Itulah sebabnya, dalam keadaan tertentu, orang Melayu agak lambat untuk maju. Saya harap Tun tidak salah sangka. Saya tidak antipemimpin Melayu yang berkuasa malah, saya memerlukan mereka. Mereka saya anggap sebagai payung ketuanan Melayu. Tetapi jangan sampai mereka anggap diri mereka sempurna sehingga tidak boleh dikritik langsung.

Saya harap Tun sebagai orang berkuasa, nasihat-nasihatkanlah pemimpin Melayu yang ego. Turunkan ego mereka demi kemajuan orang Melayu. Hargailah pencipta idea di kalangan orang Melayu. Saya harap Tun sampaikan hasrat orang Melayu supaya pemimpin Melayu mencintai ilmuwan. Beri penghargaan kepada ilmuwan. Janganlah Timbalan Perdana Menteri seorang sahaja yang menghargai ilmuwan. Pemimpin Melayu lain tolong ikut jejak langkah TPM ini. Tun, jasa ilmuwan, sasterawan, pemikir dan pencipta Melayu kreatif juga tidak kurang hebatnya dibandingkan dengan jasa pemimpin korporat dan politik Melayu. Tun, tolong minta supaya KM dan MB negeri membuka mata dan melihat kenyataan ini.

Begitulah Tun, orang Melayu kita sebenarnya semakin berani, tetapi keberanian sahaja tidak cukup sekiranya tidak disokong oleh sang penguasa politik dan sang penguasa media cetak dan media elektronik. Saya minta Tun dan sang penguasa media supaya menonjolkan orang Melayu tempatan yang kreatif dalam bidang masing-masing biarpun mereka tidak dikenali. Jangan asyik-asyik dengan tokoh Amerika dan Jepun - Peter Drucker, Tom Peters, Stephen Covey, Bill Gates, Guy Kawasaki dan Kenichi Ohmae semata-mata. Ada orang Melayu yang sehebat mereka. Tonjolkanlah mereka. Berikanlah peluang kepada mereka.

Begitulah Tun, orang Melayu tidak boleh berani membabi buta. Mereka harus kreatif, menjadi pemberani intelektual, ada strategi, harus didukung oleh wacana dan

wahana yang ampuh, jangan terlalu banyak berserah kepada orang lain.

Saya fikir bahawa Tun setuju dengan saya kalau orang Melayu boleh berubah kalau kita mencabar mereka untuk maju. Anak Melayu yang malas belajar dan suka akan hiburan semata-mata harus ditempeleng sahaja sekiranya cara psikologi dan diplomasi sudah tidak berkesan lagi. Pada orang Melayu terutama belia yang degil, kita harus menggunakan cara kekerasan untuk mengubah sikap mereka. Dalam pada itu, dalam banyak keadaan, kita senantiasa mengamalkan sikap berlemah-lembut sesuai dengan adat ketimuran.

Saya tidak percaya bahawa tokoh dunia dapat mengubah sikap orang Melayu. Mereka hanyalah boleh bersyarah, kitalah yang mengubahnya. Kita boleh membawa Edward de Bono ke sini tetapi de Bono tidak boleh menjadikan orang Melayu kreatif melainkan orang Melayu sendiri.

Saya berharap bahawa Tun dapat memikirkan cadangan saya ini tanpa menghilangkan sikap positif Tun untuk kepentingan orang Melayu. Terima kasih kerana keprihatinan Tun terhadap kemajuan orang Melayu. Orang Melayu yang prihatin dan proaktif dan meneliti saranan Tun dengan sikap dan pemikiran yang terbuka.

(Utusan Malaysia, 13 Mac 1996)

Kritikan Tun Daim:
**GAMBARAN "KEYAKINAN PALSU"
POLITIK DAN EKONOMI MELAYU ...???**

Oleh Hussain Mohamed

Tulisan ini asalnya adalah sebuah rencana yang telah dimuatkan dalam akhbar mingguan Utusan Zaman, terbitan Syarikat Utusan Melayu, pada 17 Mac 1996. Memandangkan isu yang dibangkitkan oleh Tun Daim ini mendapat perhatian istimewa daripada berbagai pihak, khususnya orang Melayu, maka bagi tujuan penerbitan buku ini, saya telah meminta kebenaran daripada penyusunannya untuk membuat semakan dan tambahan tertentu yang lebih presentable bagi tujuan penerbitan ini.

DALAM ayat-ayat terakhir lewat tulisannya *Orang Melayu Hilang Keberanian* (Mingguan Malaysia 10 Mac 1996), Tun Daim Zainuddin mengharapkan, antara lain:

... Kita mahu Melayu yang berani memberi buah fikiran. Melayu mesti melahirkan pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran bernes kalau mahu terus maju ...

Harapan yang datangnya daripada Penasihat Ekonomi, Kerajaan Malaysia ini berangkali menyerlahkan sedikit imej Tun Daim yang terkenal sebagai seorang tokoh yang lebih banyak bertindak daripada bercakap. Sesuai dengan label

sebagai seorang enigma. Seorang yang biarpun hanya sekali-sekala sahaja bersuara untuk menyatakan pendapat dan pandangan, namun ianya cukup bernalas, tepat, jitu dan memerlukan renungan dan sorotan tertentu. Ini lebih-lebih lagi kerana ia merupakan pandangan yang datangnya daripada seorang kanan pucuk pimpinan negara sendiri. Tokoh yang paling hampir dengan peneraju negara. Dan malahan lebih jauh daripada itu, Tun Daim sering digambarkan oleh banyak pihak yang prihatin terhadap politik Malaysia sebagai seorang king-maker dalam politik dan kepimpinan kerajaan Barisan Nasional dewasa ini.

Maka itu, bilamana tulisannya itu disiarkan, ia menjadi bahan yang banyak diperkatakan orang di sana sini. Sesuatu yang ditunggu-tunggu bagaikan menunggu suatu mesej daripada seorang "Superman". Maka itu, banyak ulasan yang dibuat mengenai isu ini mengambil kira akan betapa sudah jauh terseretnya budaya yes-men dalam masyarakat Malaysia umumnya dalam beberapa waktu kebelakangan ini. Dan lebih istimewa lagi, timbul juga beberapa tanggapan tertentu terhadap Tun Daim sendiri yang dikatakan sebagai watchdog yang berkesan, yang sesekali menyalak pada tuannya semoga tuannya tidak terlalu didodoi khayalan dan dibuai mimpi-mimpi indah.

Dalam keadaan demikian, bukan tidak ada orang yang beranggapan bahawa pandangan itu merupakan kritikan pada sebuah kerajaan yang memberikan tempat cukup istimewa padanya - sebagai penasihat urusan ekonomi. Ia mungkin sebagai kritikan diri sendiri. Kritikan dan keluhan "orang dalam".

Atau setidak-tidaknya kritikan dan amaran terhadap perjalanan sebuah kerajaan dan kepimpinan negara semasa yang datangnya daripada seseorang yang amat tahu dan rapat dengan para pelaku utamanya.

Sesungguhnya apa yang dinyatakan itu adalah tren

dan suasana yang menjadi realiti hidup orang Melayu sendiri hari ini. Dan oleh kerana Tun Daim adalah salah seorang daripada Melayu itu, maka pandangannya itu mewakili suatu pengamatan intelektual dan pelaku yang turut mewarnai dan menjadi mercu tanda kecapaian Melayu semasa, khususnya dalam bidang ekonomi. Sekali gus ia adalah gambaran Melayu baru, Melayu zaman korporat.

Mengingatkan akan kedudukan, peranan dan kecapaian yang ada padanya itu, maka luahan dan kritikan Tun Daim ternyata jauh mengatasi segala rintihan dan kritikan Melayu yang lain selama ini. Ia barangkali sama nilainya dengan sumbangan badan-badan korporat dalam memenuhi tanggungjawab sosial yang sentiasa diperlukan masyarakat itu.

Hakikat bahawa sudah sekian lamanya beberapa suara intelektual dan ilmuan Melayu serta tokoh-tokoh politik tertentu yang mengeluh dan menangisi kelaparan Melayu di kepuk berasnya sendiri itu memang ada. Dan ianya tidak dapat dinafikan begitu sahaja.

Sejak zaman Munsyi Abdullah, zaman Kajai, zaman Zaaba, zaman Aminudin Baki, zaman 60an dan 70an Mahathir dan Anwar sendiri, antara lainnya, jelas memperlihatkan keperihatinan terhadap gejala buruk yang mengancam Melayu.

Demikian juga suara puluhan malahan ratusan intelektual Melayu semasa yang tidak kurang perihatin masing-masing terhadap gejala-gejala yang menyebabkan Melayu lalai sehingga alpa lagi mengabaikan segala macam kepentingan budaya, bahasa dan wacana keilmuan dan kewibawaan sosio-budaya Melayu sebagai bangsa yang bermaruah dan berdarjat di tanah airnya sendiri.

Cuma oleh kerana kali ini yang bercakap itu adalah Tun Daim, maka sebagaimana yang lazimnya, segala kritikan itu mendapat perhatian dan membuka mata lebih ramai orang. Ertinya impaknya jauh lebih besar daripada yang pernah menjadi reaksi pada segala kritikan intelektual dan ilmuan Melayu yang perihatin selama ini.

Ertinya, dalam apa ukuran sekalipun, hal seperti ini bergantung pada siapa "perawi", periyat, atau penutur dan pengkritiknya. Orang atau individu yang bercakap ertinya jauh lebih penting dan mendapat perhatian yang lebih, jauh mengatasi permasalahan yang diperkatakan itu.

Tetapi yang lebih penting daripada itu semua ialah suara Tun Daim kali ini ternyata lebih mudah difahami dan mesejnya cukup relevan dengan suasana yang semakin menghanyutkan Melayu sejak beberapa waktu ini.

Memang sentiasa kedapatan akan renungan ramai kalangan cendikiawan selama ini terhadap isu ketakutan Melayu untuk menangani isu bahasa dan pendidikan, pengagihan ekonomi, kegawatan dan himpitan dalam merebut kek ekonomi yang semakin bolos, salah guna kuasa, rasuah ekonomi dan juga rasuah politik yang berbagai bentuk dan cara operasinya itu.

Demikian juga terhadap semacam keghairahan tertentu pada ramai tokoh UMNO sendiri yang di samping menjadi juara politik Melayu adalah juga seolah-olah bertindak menjadi jurucakap para pedagang dan pekilang, dan tidak sedikit pula yang bertindak sebagai broker dan subcontractors untuk memudahkan pelbagai urusan para pemodal dan pedagang yang akan dibereskan atas nama kerja-kerja pembangunan negara itu.

Namun ianya dikira tidak lebih bagaikan salakan anjing yang tidak mungkin meruntuhkan bukit.

Tetapi syukurlah rentetan daripada kritikan Tun Daim itu nampaknya kesedaran sudah ada pada sebilangan tokoh terhadap betapa bahayanya masa depan Melayu kiranya sentiasa bergantung pada kuasa politik. Lebih-lebih lagi pada tongkat keramat UMNO yang kerap goyah dan terumbang-ambing itu.

Orang Melayu mewakilkan seluruh kekuatannya pada UMNO (selain daripada pada kadar yang kecil pada PAS). UMNO adalah "orang Melayu. Sementara UMNO pula adalah tunggak pada kerajaan yang ada hari ini. Tetapi tidak lagi menjadi rahsia betapa sinonimnya UMNO dan

kerajaan itu telah mewujudkan budaya puas hati, dan segalanya tanggung beres belaka, sedangkan ianya tidak lebih adalah suatu keyakinan palsu yang boleh menyebabkan masa depan Melayu itu ibarat itik mati di air sahaja. Keyakinan palsu ini bererti kekuatan sebenar orang Melayu adalah kerana penguasaan mereka terhadap jentera kerajaan semata-mata. Sedangkan dalam masa yang sama, pada hakikatnya, segalanya ini adalah wajib dikongsi bersama dengan rakan-rakan etnik yang lain, dan bukannya atas nama kumpulan mereka semata-mata. Kiranya jentera berkenaan tidak berkesan, maka yang lebih banyak menerima kesannya adalah orang Melayu juga.

Dalam hubungan ini, maka segala kemewahan dan kepentingan materialistik yang dihujahkan oleh Tun Daim dalam tulisannya itu memang jelas semakin melalaikan orang Melayu sendiri. Bukan tidak mustahil betapa dalam usaha mengejar kemewahan itu, maka yang lebih banyak terperangkap ialah Melayu juga. Lihat saja kes-kes skim cepat kaya, ketagihan dadah, pemalsuan dan keruntuhan moral, serta kealpaan Melayu hatta sampai melarat pada potrait drama dan filem Melayu. Majoriti yang menjadi mangsa segala gejala buruk ini adalah Melayu. Malahan Melayu seolah-olah tidak pernah terlepas daripada persoalan jatidiri dan krisis identiti yang sampai menyebabkan diri sendiri terjebak itu.

Sebenarnya kredebiliti dan integriti Melayu dan keluhuran Islam yang menjadi agama anutan mereka, jelas boleh tercemar dan musnah atas kemewahan yang mengasyikkan itu. Dan lebih malang daripada itu, sebilangan daripada gejala buruk dan segala yang mempunyai imej the ugly Malay dan sikap serta tindakan yang "berlapis-lapis" (double-standard) dan bagaikan hangat-hangat tahi ayam itu sendiri sebahagiannya adalah terhasil daripada karenah sebilangan para pemimpin dan elit Melayu sendiri, di berbagai peringkat, yang sering mudah lupa daratan dan menjadi sasau dek mabuk kuasa.

Sesungguhnya orang Melayu memang tidak berhajat

untuk selamanya berpuas hati hidup di bawah kepompong dan tempurung nan sempit. Mereka juga inginkan hidup maju dan berdiri teguh setanding dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju. Tetapi erti kemajuan dan kemewahan yang lebih unggul bagi mereka adalah sesuatu yang boleh mengimbangi keperluan lahiriah dan rohaniahnya.

Maka untuk itulah, orang Melayu sesungguhnya memerlukan seseorang yang boleh bersuara dan bertindak, dari semasa ke semasa, agar segala yang dikehjarnya dapat digembelingkan dengan penuh bijaksana tanpa menjelaskan kepentingan dan ciri Kemelayuan, sehingga barangkali boleh menjadi bahan ketawa pula. Atau lebih malang lagi, kalau-kalau yang dikehjarnya tidak dapat, sedang yang dikenang keciciran pula.

Suara-suara amaran dan ingatan seperti yang diluahkan oleh Tun Daim adalah sesuatu yang menjadi "brek" dalam arus kelajuan perubahan dan pembangunan yang seolah-olah sukar untuk dikawal rapi itu.

Kemewahan dan pencapaian bukan bertujuan untuk membolehkan seseorang memperlekeh dan memperbudakan kaum sendiri, tetapi adalah suatu cabaran, amanah dan dugaan buat sementara waktu untuk merealisasikan segala yang makruf dan menjauhi segala yang mungkar. Orang Melayu perlu mencerminkan diri mereka sendiri. Cerminkan untuk menyoroti kembali segala liku dan kerut masalah dan kelemahan yang menjerat dirinya sendiri. Ianya harus dimulai daripada sekarang. Barangkali masanya masih belum terlambat.

(*Utusan Zaman*, 17 Mac 1996)

DAIM MENANGGUK DI AIR KERUH?

Oleh Zainuddin Maidin (ZAM)

TULISAN Tun Daim Zainuddin yang merupakan reaksi kepada tulisan Datuk A. Kadir Jasin dalam Mingguan Malaysia, 10 Mac lalu menarik perhatian ramai dan menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Ia menarik perhatian kerana Daim bukanlah sembarang orang. Beliau adalah bekas Menteri Kewangan yang paling cemerlang dan merupakan salah seorang anak Melayu yang paling berjaya di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Daim adalah catalyst dalam dasar Mahathir untuk melahirkan sekumpulan jutawan Melayu yang akan membiakkan lebih ramai usahawan dan hartawan Melayu.

Tulisan Daim menimbulkan tanda tanya kerana ia menggambarkan seolah-olah sekarang ini wujud kegelisahan yang besar di kalangan orang Melayu di sebalik kelahiran ramai jutawan Melayu dan korporat-korporat Melayu.

Tulisan ini akan lebih meyakinkan tentang wujudnya kegelisahan itu jika Daim sebagai bekas Menteri Kewangan dapat memberikan fakta atau data-data yang menunjukkan perbezaan pembahagiankekayaan negara secara tidak adil kepada orang-orang Melayu atau wujudnya monopoli pemilikankekayaan negara kepada orang-orang berpengaruh atau orang-orang tertentu. Daim adalah orang yang paling layak untuk memberikan fakta ini.

Oleh kerana tulisan itu bersifat umum maka dapat disimpulkan perasaan kebimbangan, kegelisahan atau rasa tidak puas hati yang disuarakan oleh Daim itu berasaskan kepada soal-soal emosi yang menjurus kepada nasionalisme Melayu seperti soal bahasa, budaya dan jatidiri, terutama sekali yang terlibat dengan pindaan Akta Pendidikan.

Akhir-akhir ini memang terdapat kesuburan emosi untuk diapi-apikan oleh sesiapa yang mempunyai kepentingan tertentu di dalam masalah bahasa dan budaya yang luarannya telah menampakkan kecenderungan untuk memantapkan kedudukan bahasa Inggeris sehingga kepada peringkat yang boleh menghakiskan keyakinan terhadap masa depan bahasa Melayu atau jatidiri negara ini.

Tetapi jika Daim melihat hal ini sebagai suatu kegelisahan yang mudah untuk mencetuskan suatu kebangkitan Melayu seperti sekitar tahun 60-an atau 70-an maka beliau lupa kepada hakikat bahawa manusia dalam kekenyangan menjadi malas untuk tertarik dengan cabaran-cabaran yang bersifat emosi.

Simbol dan slogan yang bersifat kebangsaan dan keagamaan boleh membentuk kekuatan dan perpaduan manusia ketika mereka merasa berada dalam keadaan cemas, takut dan melihat masa depan mereka tidak selamat. Apabila mereka telah mempunyai kepentingan atau berkepentingan, mereka menjadi rasional dan melihat sesuatu dengan pertimbangan untung rugi kepada umum dan juga kepada diri sendiri.

Manusia pada peringkat kematangan ini menjadi sinis kepada slogan-slogan atau cabaran yang bersifat emosi. Suatu masa dahulu pasukan Thomas Cup Malaysia keluar negara tanpa memakai songkok Melayu akan menjadi isu yang besar tetapi sekarang ini ia tidak lagi menarik perhatian.

Tarian naga walaupun bukan naga yang sebenarnya yang dahulu dianggap sebagai ancaman tetapi sekarang ini tidak lagi menakutkan atau memberikan bayang-bayang akan menelan sesuatu kaum di negara ini.

Golongan penulis, sasterawan dan wartawan yang dahulu mudah mempengaruhi pemikiran dan emosi rakyat, tidak lagi merupakan golongan yang berpengaruh.

Sebaliknya mereka juga telah menyesuaikan diri dengan penguasaan korporat dalam semua bidang di negara ini atau mereka digunakan oleh orang korporat untuk memperjuangkan kepentingan masing-masing di atas pelbagai isu yang kadangkalanya tergambar atau digambarkan sebagai isu umum walaupun sebenarnya isu bagi kepentingan pihak tertentu.

Sesungguhnya kelahiran usahawan-usahawan dan jutawan Melayu ini adalah atas hasrat dan matlamat perjuangan politik Melayu yang didukung oleh pemimpin-pemimpin Melayu, para ulama, guru, wartawan, penulis dan sasterawan satu masa dahulu yang tidak senang dengan keadaan sekeliling. Matlamat perjuangan politik adalah kuasa dan wang untuk mengeluarkan diri dari kemiskinan dan kehinaan.

Maka itu tidak hairanlah kalau sekarang wartawan dan sasterawan lebih dilihat sebagai 'sukarelawan' dalam pelaksanaan agenda-agenda kepimpinan negara dan korporat.

Pencapaian inilah yang mengeluarkan orang Melayu dari dunia emosi dan tradisi dunia baru dengan penuh perhitungan-perhitungan yang realistik yang menjadikan mereka lebih rasional dan tidak lagi mudah dipermainkan perasaan mereka dengan slogan-slogan Hidup Melayu, Bahasa Jiwa Bangsa dan sebagainya.

Hari ini masyarakat Melayu melihat ekonomi sebagai jiwa bangsa dan semuanya bergerak ke arah memantapkan lagi ekonomi sebagai payung keselamatan masa depan mereka di negara ini.

Oleh itu mungkin ramai yang tidak mengerti mengapa Daim muahu ada orang Melayu yang berani untuk bangun seperti Dr. Mahathir dan Musa Hitam dalam tahun 60-an untuk menentang Tunku yang boleh membawa akibat kepada mengganggu-gugat kestabilan yang menyuburkan

pertumbuhan ekonomi sekarang ini.

Apakah maksud Tun Daim mesti ada seseorang yang sanggup bangun untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir sekarang seperti bangunnya Dr. Mahathir menentang Tunku dahulu?

Tulisan Daim itu dapat disimpulkan sebagai wujudnya rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap kebebasan akhbar, peluang-peluang perniagaan dan peluang politik dan juga terhadap agensi-agensi kerajaan dan keadaan rasuah di negara ini.

Keadaan yang buruk ini memerlukan seseorang untuk bangun dan menentang. Tetapi soalnya apakah keadaan itu buruk yang digambarkan oleh Daim secara umum atau apakah ia mewakili kepentingan individu atau pun kepentingan umum.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam dunia perniagaan dan perusahaan senantiasa wujud persaingan, kegelisahan dan perseteruan kerana tidak cukup dengan apa yang sudah didapati.

Penaklukan, monopoli dan penubuhan empayar yang besar adalah menjadi matlamat mana-mana korporat atau badan perniagaan. Dalam dunia korporat Melayu dan Islam juga wujud keadaan ini. Jika Daim mewakili golongan ini maka beliau adalah benar.

Bagaimanapun di zaman ini, isu kelompok tidak lagi mudah menjadi isu umum, tidak lagi mudah bagi sesiapa menjadi hero Melayu seperti dalam tahun 60-an atau 70-an.

Pencapaian diri dan realiti hidup telah mengajar orang Melayu untuk tidak membiarkan emosi diperalatkan untuk mewarnakan fantasi yang mereka tidak berada di dalamnya.

Masa itu sudah berlalu.

(Mingguan Malaysia, 17 Mac 1996)

DAIM TEBAR GAGASAN MELAYU

Oleh Jamaludin Abdul Aziz

PENASIHAT Ekonomi kerajaan Tun Daim Zainuddin meluahkan isi hatinya berhubung masalah yang melingkar orang Melayu. Katanya Melayu sudah hilang keberanian. Tidak lagi menegur pemimpin apatah lagi memberi buah fikiran kerana semua saluran ditutup.

Tun Daim bercakap soal Melayu gila kekayaan, tentang rasuah. Menerima dan menyokong secara membuta tuli. Melayu tidak lagi berterus-terang seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dalam tahun-tahun 60an, Datuk Musa Hitam di era Tunku dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sanggup ditahan di bawah ISA.

Teguran Daim itu meninggalkan satu tanda tanya yang cukup besar pada benak pemikiran orang ramai. Pembicara politik mengemukakan berbagai andaian bermula dari persoalan ekonomi, sosial dan politik.

Dari aspek ekonomi teguran Daim ini seolah-olah Melayu gagal menunjukkan perkembangan mantap biarpun sudah ramai Melayu menjadi tokoh korporat. Apakah Daim lupa bahawa beliau orang yang melemparkan benih-benih subur dalam dunia korporat sehingga namanya sentiasa bermain pada mulut Masyarakat melayu sebagai “guru korporat Melayu”.

Dari aspek sosial, Melayu sudah mengunyah semangat wawasan Perdana Menteri sehingga jurang ketidakadilan

dalam berbagai aspek antara kaum makin dapat dirapatkan...

Dari sudut politik, mungkin berbagai pertanyaan menerawang tentang maksud dan tujuan pandangan sensasi Tun Daim untuk melonjakkan martabat Melayu yang pada pandangannya sudah hilang keberanian.

Dari sudut pandangan, teguran Daim itu adalah gaulan antara amarah dan kemurnian. Teguran Daim itu hanya perlu dilihat pada satu dimensi tanpa mencampur-adukkan lain-lain dimensi pada suatu masa. Sekiranya Melayu yang hilang keberanian itu berpunca daripada sikap maka persoalan sikap itu hendaklah digarap sehingga ke akar umbi.

Dengan menggalurkan kesemua asas teguran itu pada suatu belanga, kita tidak mungkin dapat suatu kata pasti ke manakah tujuan yang hendak disampaikan oleh Tun Daim yang dianggap sebagai orang penting dalam membuat keputusan.

Pandangan Tun Daim adalah jitu dan sinis. Punya pertimbangan rasional dan menjangkau sensitiviti politik semua pihak. Kebanyakan penggarap politik menilai teguran itu sebagai hamparan yang penuh dengan kod yang perlu dipecahkan supaya signal menjadi jelas.

Memecahkan kod politik yang terkandung dalam tulisan itu boleh menyebabkan seseorang itu menjangkau pada satu keadaan yang menampakkan pergolakan kuasa.

Apakah senario politik dalam pertandingan merebut jawatan dalam perhimpunan agung UMNO Oktober ini masih berubah?

Kalau sekarang ini kita disiulkan dengan gerak laku enam orang tokoh yang bakal merebut jawatan naib presiden, apakah akan ada aktor lain yang mahu mengubah segala percaturan dan pertimbangan yang sudah terkandung dalam perkiraan masing-masing.

Tulisan Tun Daim menjadikan pencatur politik terpaksa memikirkan arah mana yang cuba hendak dibawa oleh Tun Daim, seolah-olah tokoh ini cuba membayangkan suatu senario yang bakal berubah dalam masa yang terdekat ini.

Selama mana tulisan Tun Daim ini diperkata orang, akan memercikkan bunga api yang boleh mendatangkan berbagai andaian terhadap perkembangan politik UMNO.

Kenapa Tun Daim menyebut nama Tan Sri Musa Hitam dalam tulisannya? Menyebut nama itu orang mula teringat gagasan Musa yang pernah meminta Melayu supaya menjadi 'kurang ajar'.

Apakah gagasan Daim kali ini juga berurutan dengan pandangan yang pernah dilontarkan oleh Musa sehingga ia menjadi 'benih' untuk menongkah kepimpinan.

Mungkin gagasan Tun Daim ini tidak dirangkumkan pada istilah yang mudah dijadikan slogan, tetapi lontaran kontroversinya itu cukup menggerakkan orang Melayu berfikir secara serius apakah benar orang Melayu sudah hilang semangat.

Soal rasuah menjadi perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh segenap lapisan masyarakat kerana ia sudah menjadi semacam suatu budaya yang mencengkam segala gerak kehidupan.

Rasuah tidak dapat dibendung dengan hanya melontar slogan dan falsafah, tetapi ia harus diperangi hingga ke akar umbi.

Siapakah yang harus memeranginya? Sudah tentu UMNO kerana UMNO adalah tunggak parti yang memerintah kerajaan. Jika UMNO bersih maka kerajaan juga turut bersih.

Tafsiran rasuah terlalu luas hendak dijangkau. Bermula daripada politik wang sehingga kepada pemberian kontrak yang dilakukan atas asas mendapat sokongan boleh ditafsirkan sebagai rasuah. Dalam hal ini kerisauan Tun Daim mungkin berdasar.

(Mingguan Watan, Ahad 17 Mac 1996)

SUARA BERANI, SUARA SUMBANG

Oleh Rustam A. Sani

BAIK pandangan Datuk Kadir Jasin mahupun reaksi Tun Daim Zainudin terhadap persoalan keberanian bersuara ini, menurut hemat saya, telah menyanggah suatu "kebijaksanaan" yang agak meluas tersebar di kalangan para pemimpin dan orang Melayu umumnya dalam masyarakat majmuk negara ini. Intipati "kebijaksanaan" itu ialah: Demi mempertahankan hak dan kedudukannya di tengah kelompok-kelompok kaum lainnya, maka orang Melayu bukan sahaja perlu maju tetapi, lebih penting lagi, mestilah bersatu padu.

Dan gagasan "bersatu padu" itu sering ditafsirkan sebagai wujudnya sebuah kelompok kaum yang monolithic sifatnya - yakni kelompok yang mempunyai satu sahaja pendapat, pandangan, dan sikap dalam segala persoalan yang dihadapinya - baik politik, agama, ekonomi, budaya, pemodenan mahupun pendidikan dan sebagianya. Umpamanya, sewaktu para pemimpin tertentu membincangkan soal perpaduan Melayu, maka seringlah kita mendengar seruan agar sesuatu parti politik atau sesuatu gerakan itu dibubarkan sahaja, seolah-olah dalam sebuah kelompok kaum yang bersatu padu tidak boleh wujud ideologi, kepercayaan dan sikap yang berbagai dan berlainan.

Selain itu, saya kira, gagasan tentang masyarakat yang monistik sifatnya ini amat kuat didorong oleh proses

pemantapan kedudukan sebuah kelas dominan yang berkembang dari satu golongan ‘borjouis’ yang agak lemah pada waktu tercapainya kemerdekaan. Tahun 1970-an merupakan semacam tahap penting dalam proses pemantap golongan pemerintah tersebut.

Pada waktu itulah mulai dapat dilaksanakan proses pemantapan kedudukan ekonomi golongan pemerintah tersebut (melalui dasar-dasar negara tertentu seperti Dasar Ekonomi Baru) yang perlu pula ditunjangi oleh undang-undang yang akan menghalang sebarang bentuk “penentangan” terhadap proses tersebut (misalnya Akta Universiti dan Kolej Universiti).

Dalam sebuah milieusosial yang begitu cenderung membentuk sifat-sifat sebuah masyarakat monistik, yang melihat serbarang penyimpangan daripada sikap yang bersifat “arus perdana” sebagai gangguan yang menjengkelkan, yang tidak dapat menerima kepelbagaiannya pandangan dan ideologi, yang memberi kepada pihak yang berwenang kuasa mutlak untuk menghapuskan sebarang bentuk kelainan atas nama kesepaduan dan kemajuan, maka senario yang dipaparkan oleh Kadir Jasin dan Daim Zainuddin itu tentulah tidak terlalu memerlukan.

Kadir Jasin secara tepat sekali memperlihatkan sifat monistik masyarakat Melayu itu dalam kerangka organisasi parti politik UMNO (sering diucapkan dengan diktum “Melayu itu UMNO dan UMNO itu Melayu”). Dalam organisasi yang bersifat monistik itu pandangan yang akan dikemukakan sebagai mutlak “pandangan Melayu” sebenarnya hanyalah pandangan sesuatu golongan, atau malah seseorang individu. Sebarang pandangan yang bersifat alternatif tidak akan dipedulikan atau tidak akan berani dikemukakan demi memelihara kepentingan-kepentingan tertentu seperti, kepentingan kerjaya.

Jika Kadir Jasin memaparkan fenomena tersebut, maka Daim Zainuddin pula bergerak selangkah lagi ke hadapan - dia mencuba menghuraikan (explain) fenomena tersebut. Bagi Daim, pandangan-pandangan alternatif tentang

“persoalan Melayu” tidak dikemukakan kerana, berbanding dengan beberapa tokoh Melayu (Mahathir, Musa dan Anwar) yang menyuarakan pandangan mereka pada tahun-tahun 60-an dan 70-an dulu, orang Melayu hari ini “tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi.”

Namun, bagi saya, huraiyan Daim Zainuddin lebih banyak menimbulkan soalan daripada menjawab. Benarkah orang Melayu hari ini sudah berkurangan, malah sudah hilang keberaniannya berbanding orang Melayu dua puluh tahun yang lalu?

Menurut hemat saya, tidaklah terdapat dalil-dalil empiris bagi menyokong andaian tersebut. Orang Melayu hari ini yang merasa tertekan jiwanya masih berani mengamuk. Orang Melayu hari ini yang merasa tidak selesa di pusat-pusat serenti dan pemulihan para penagih dadah masih berani merusuh. Orang Melayu hari ini bukan sahaja sudah berani memasuki bidang-bidang perdagangan dan pelaburan itu - malah melakukan lebih daripada itu. Malah para pemimpin Melayu sendiri kini lebih berani bertikam lidah dengan para pemimpin politik dan media asing pada peringkat antarabangsa.

Nyatahalah, jika ditunjangi oleh sesuatu komitmen yang cukup kuat terhadap sesuatu pandangan orang Melayu akan berani mempertahankannya, hatta dengan jiwa raganya. Lihatlah apa yang pernah terjadi di Memali, Baling, Kedah. Akan tetapi, jika objek keyakinan dan komitmennya itu sudah tidak jelas lagi kepadanya, jika erti komitmen itu tidaklah sepenting jaminan kerjaya dan keselesaan hidupnya, dapatkah kita mengharapkan mereka memperlihatkan keberanian untuk memperjuangkan sesuatu yang tidak diyakininya dengan mendalam?

Sebahagian “persoalan Melayu” yang ditimbulkan oleh Daim Zainuddin dalam rencananya itu - persoalan-persoalan seperti pendidikan, bahasa dan sebagainya - sebenarnya merupakan persoalan yang amat besar ertinya bagi orang Melayu yang dilahirkan dalam kerangka zaman perjuangan nasionalisme Melayu dan berkemungkinan

menjadi persoalan-persoalan yang sanggup diperjuangkan kannya dengan pengorbanan orang besar. Namun, unsur-unsur dalam perjuangan nasionalisme Melayu itu sejak akhir-akhir ini sudah tidak lagi mempunyai pengertian yang sama seperti dulu orang Melayu. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa orang Melayu sudah kehilangan arah dan pegangan tentang sebahagian besar soal-soal yang membentuk "persoalan Melayu" itu.

Jika kita menyelami hakikat perjuangan nasionalisme Melayu (yang terjelma dalam rangkaian sejarah organisasi-organisasi politik Melayu seperti UMNO, Pas, Semangat 46, Hizbul Muslimin, Putera, Api, Saberkas, PKMM, KMM dan sebagainya) maka kita akan dapat melakukan suatu rekonstruksi terhadap wawasan umum yang mencirikan perjuangan itu. Secara ringkasnya, nasionalisme Melayu bercita-cita melahirkan sebuah negara Melayu moden yang dicirikan oleh ciri-ciri jatidiri kemelayuan - budaya, bahasa, agama dan sebagainya - yang juga dimodenkan supaya sesuai dengan zaman ini dan setaraf dengan ciri-ciri jatidiri bangsa-bangsa moden lainnya di dunia.

Namun pada tahap realiti politik negara ini kemudiannya, sebahagian besar impian tersebut perlu "dikompromikan dan disesuaikan" dengan realiti negara dan masyarakat majmuk yang dilahirkan. Malah kemudiannya kompromi itu perlu pula diperluaskan lagi dalam menghadapi realiti perubahan sejagat ("globalisasi") yang seringkali sebenarnya tidak difahami dengan mendalam. Projek memodenkan budaya dan bahasa Melayu, umpamanya, bukan sahaja kurang berhasil kerana gangguan yang berterusan daripada golongan-golongan yang terus menerus menentangnya tetapi juga oleh golongan menengah dan atasan Melayu sendiri yang pada keseluruhannya tidak pernah menjadi agen yang teguh lagi berkesan terhadap proses pemodenan budaya dan bahasa Melayu.

Sebaliknya golongan inilah yang menjadi golongan yang paling meragukan kemampuan unsur-unsur budayanya itu untuk menjadi sebahagian daripada unsur

pengucapan kehidupan moden.

Oleh yang demikian, unsur-unsur perjuangan nasionalisme Melayu yang sepatutnya diberikan kekuatan dan tenaga, malah pentakrifan baru, dalam menghadapi realiti dunia baru yang pasca-moden dan sejagat (global) sifatnya itu tidaklah memperolehi tenaga tersebut daripada golongan menengah dan atasan Melayu yang telah menjadi agak dominan kedudukan politik dan ekonominya dalam kerangka negara baru itu. Malah, menurut hemat saya, apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini sebenarnya adalah betraval "pengkhianatan" terhadap unsur-unsur perjuangan nasionalisme Melayu itu - "pengkhianatan" yang dilakukan entah dengan sengaja, secara tidak disedari atau kerana tidak mendalamnya kepekaan terhadap sejarah perjuangan itu sendiri.

Baik pengkhianatan itu dilakukan secara sedar atau tidak, kita tentulah menjangkakan bahawa penjelmaannya dalam kehidupan politik kita sejak akhir-akhir ini akan menimbulkan dialog dan debat. Melalui dialog yang demikian, erti dan tafsiran tentang penjelmaan dan relevansi perjuangan nasionalisme Melayu dalam negara baru, pada zaman baru dan dalam dunia baru itu pastilah akan menjadi lebih terserlah. Namun, dalam sebuah masyarakat yang monolitik, dengan minat para anggotanya yang juga telah menjadi monolitik terhadap keselesaan ekonomi sahaja, dialog yang demikian tampaknya tidaklah terjadi.

Sedangkan segala sesuatu yang diperjuangkan oleh pihak "lawan" kita yang tidaklah semonolitik kita tampaknya bukan sahaja terlaksana, malah terlaksana berpuluhan kali ganda.

Daim Zainuddin menjelaskan bahawa dialog ini tidak terjadi kerana telah hilang keberanian untuk bersuara di kalangan orang Melayu. Namun pada hemat saya yang sebenarnya hilang ialah kefahaman yang mendalam tentang destiny kita sebagaimana yang telah diimpikan dan diperjuangkan oleh para nasionalis yang telah mendahului kita. Bila kefahaman itu hilang, maka kita tidaklah lagi

mempunyai sebarang komitmen terhadap cita-cita tersebut. Dan bila komitmen telah tiada lagi, maka kita tidaklah terdorong untuk menentang sebarang bentuk "pengkhianatan" terhadapnya.

Meskipun kita masih berani, namun jika kita tidak memahami persoalan kita dan tidak mempunyai komitmen terhadap warisan perjuangan dan destiny kita, maka ke manakah keberanian itu akan kita arahkan? Malah satu dua suara berani yang masih terdengar di tengah-tengah masyarakat kita yang monolitik itu dengan mudah sahaja akan dikuak ke tepi oleh pihak yang dominan dan dianggap sebagai suara yang sumbang dan ketinggalan zaman.

(*Utusan Malaysia*, Isnin 18 Mac 1996)

DAIM LEBIH BERANI JIKA MILIKI AKHBAR BEBAS

Oleh Haji Subky Abdul Latif

TUN Daim Zainuddin, orang paling rapat dengan Dr. Mahathir tiba-tiba memberikan reaksi dan semacam persetujuan dengan tulisan Abd. Kadir Jasin betapa tiada lagi orang Melayu yang berani untuk menyuarakan kepentingan orang Melayu.

Tun Daim lebih provokatif dari Kadir dan lain pengkritik sosial yang tidak senang dengan dasar kerajaan, UMNO, akhbar dan lain-lain yang menyebabkan Melayu pasif, pengecut dan lesu.

Dia seolah-olah jadi Tun Seri Lanang dalam sezamannya, macam Munsyi Abdullah di zaman Raffles atau macam Dr. Mahathir di zaman Tunku Abdul Rahman Putra.

Mungkin ada yang terlalu ghairah dan terpesona dengan tulisannya yang dikira menyindir kerajaan, parti yang dianggotainya dan akhbar yang dikuasai oleh rakan-rakannya. Tidak terperanjat kalau ada yang mahu dia dianugerah atas kritik dan sindirannya.

Daim secara tegas menyalahkan akhbar juga kerana tidak melayan pandangan kedua terhadap sebarang isu. Akhbar sejak merdeka hanya melayan pandangan rasmi dan pemimpin-pemimpin yang disenangi oleh Perdana Menteri di zaman masing-masing.

Sebenarnya tiada orang lain di zaman ini yang boleh menyindir Dr. Mahathir selain Daim. Dan tidak terfikir oleh

sesiapa Dr. Mahathir akan latah dengan sebarang kata-kata Daim. Malah Dr. Mahathir akan setuju saja. Jika ditakdirkan dia tidak setuju, maka ada sesuatu yang sudah tidak kena.

Sebenarnya Daim pun mungkin tidak tahu apa yang dia kata. Dan jika pun dia tahu, maka pandangannya sama seperti kandungan *The Malay Dilemma* yang tidak boleh dilaksanakan oleh UMNO. Jika ia dilaksanakan oleh UMNO, maka itulah namanya UMNO baru, bukan UMNO yang hendak dirayakan itu.

Adalah benar akhbar tidak melayan pandangan kedua dari semua kalangan termasuklah orang Melayu. Tetapi itulah natijah apabila saham akhbar di Jalan Chan Sow Lin dibeli oleh UMNO dan saham akbar di Jalan Riong dibeli oleh Pernas.

Atas kemahuan UMNO pengasas akhbar Jalan Chan Sow Lin, Tun Yusuf Ishak disingkirkan. Adiknya Aziz Ishak kerana berlain pandangan hilang pengaruh dari akhbar itu sedangkan mereka yang menghidupkannya.

Saya sendiri ada pengalaman menyiarkan rencana yang menegur Tan Sri Nik Mohamad Kamil yang kebetulan Pengarah akhbar itu. Tun Razak kemudiannya memberitahu boss ketika itu Nik Kamil mengadu kepadanya. Pemberitahuan kepada saya itu adalah untuk tafsir dan tindakan saya sendiri.

Satu masa Yahya Ismail, pengkritik sastera dan kemudiannya pengkritik sosial, pernah menulis tentang sikap tidak acuh orang-orang di Jabatan Perdana Menteri tentang sastera. Saya siarkan.

Beberapa hari kemudian saya menerima arahan, "Jangan siar lagi sebarang tulisan Yahya".

Tetapi Yahya adalah orang yang sangat produktif. Dia terus menghantar rencana. Kelemahan saya ialah saya kesian melihat dia terus menghantar rencana yang saya tidak boleh layan lagi.

Saya bagi tahu padanya, "Jangan hantar rencana lagi, aku terima arahan tak boleh siar".

Yahya terus jumpa orang-orang politik di Jabatan

Perdana Menteri dan bertanya mengapa mereka arahkan rencananya tidak boleh disiar. Mereka menafikan ada arahan itu.

Yahya bagi tahu, saya yang bagi tahu.

Lepas itu saya jumpa Datuk Abdullah Ahmad, orang Jabatan Perdana Menteri yang juga pengarah akhbar tempat saya bekerja.

Dia sergah saya tentang membocorkan rahsia larangan terhadap rencananya. Katanya, "Kalau you ada prinsip, you tak setuju dengan dasar kami, you boleh keluar..."

Saya pun terasa panas kerja di situ. Bila ada cadangan untuk membuat akhbar baru saya pun setuju. Saya dapat permit mingguan "Suara Rakyat".

Saya jumpa Tun Razak minta restunya tentang akhbar baru saya itu. Katanya, "Jangan buat akhbar baru, rakyat tidak matang, nanti mereka keliru".

Saya tidak sabar lalu bertengkar dengan Tun Razak. Tun Hussein mendengar saja di sebelahnya. Saya jalan terus.

Bila saya berani bertengkar dengan Tun Razak, maka saya pun berani juga mengkritiknya. Saya tidak tahu apakah keberanian saya itu sesuai dengan keberanian yang Daim dan Kadir mahu.

Akhirnya akhbar saya digantung. Ada orang - Albar dan Datuk Senu - nasihatkan saya berjumpa menteri Tan Sri Ghazali Shafie supaya merayu. Saya pun berjumpa, tapi pertemuan merayu itu jadi bertengkar. Saya pun tidak tahu adakah saya sudah menggunakan keberanian dengan tepat.

Beberapa bulan kemudian dapat permit lain Suara Merdeka. Datuk Sharif Ahmad yang jadi timbalan menteri bagi saya permit enam bulan sekali. Pernah setelah tempoh enam bulan tamat, permit baru tidak dikeluarkan.

Saya bagi tahu Albar. Kononnya dia telefon Sharif. Sharif minta saya bertemu dengannya. Saya pergi. Dia sindir saya mengapa mengadu pada Albar? Saya kata, "Saya tidak mengadu, cuma bersungut saja."

Sharif bagi permit untuk enam bulan lagi. Lepas itu Albar mati. Bila tempoh enam bulan tadi tamat, tiada

orang mahu menandatangani permit baru sampai hari ini. Mahu bersungut dengan Albar, Albar sudah mati.

Sebelum Suara Merdeka terbit, saya pinjam dari bank. Bila akhbar kerajaan tutup, hutang bank kena bayar. Saya yang hilang pekerjaan terpaksa membayar hutang bank hampir 20 tahun dan beberapa kali menerima notis muflis. Baru saja dua tahun lalu hutang itu selesai.

Saya pernah bersama Tan Sri Khir Johari mengasaskan Watan. Soal permit tidak lagi berbangkit lagi. Tetapi akhbar tidak boleh hidup atas jualan saja. Ia perlukan iklan. Peniaga takut memberi iklan kerana bimbang hilang peluang perniagaan dari pemimpin kerajaan dan UMNO. Bila iklan kurang, akhbar jadi masalah.

Demi ada pengaruh atas Perdana Menteri dan UMNO. Jika dia fikir orang Melayu patut berani dan akhbar mesti berperanan, saya cabar dia mempengaruhi pemimpin UMNO supaya memberi permit akhbar baru yang bebas.

Nasihatkan menteri dan pemimpin UMNO jangan ganggu peniaga yang memberi iklan. Jika kebebasan tadi ada, saya percaya akhbar boleh hidup.

Dan kalau boleh Daim tolong saya dapat pinjaman bank perbankan atau Daim sendiri bagi saya berhutang tanpa bunga atau berkongsi keuntungan.

Saya tidak minta sedekah, tapi jika benar Daim cintakan keberanian Melayu dan ia boleh melalui akhbar, maka Daim juga patut buat sesuatu, bukan sekadar cakap.

Daim jangan harap akhbar yang ada dan pengarangnya boleh memberi layanan kepada pandangan kedua yang disebutkannya. Mereka ada pengalaman. Selepas Yusuf Ishak dibuang, Samad Mahadi, anak abang Dr. Mahathir juga dibuang, dan Zainuddin Maidin dibuang secara teknikal.

Pengarang yang ada sekarang pun sudah kecut perut dengan isu Rahim Tamby Chik. Jika Rahim dan Nazri Aziz menang dan jadi menteri yang berpengaruh, sudah tentu mereka kena buang.

Kadir Jasin sendiri pun belum tentu selamat.

Akhbar yang ada tidak boleh buat apa kerana pengaruhnya mesti orang UMNO yang ada kedudukan.

Jika benar Daim mahu ada Melayu berani dan ada saluran suara Melayu berani, Daim mesti menulis dengan tangan, bukan dengan kaki, Dia mesti bercakap ikut mulut, bukan ikut lubang hidung.

Daim dengan pengaruh yang ada boleh menjadi perisai menghalang orang yang hendak mengganggu. Kita boleh mewujudkan akhbar yang bebas.

Jika ini Daim boleh buat, maka layaklah dia menggantikan Tun Seri Lanang yang pernah dipenjara. Jika tidak, Daim tidak layak menerima pujian.

(*Harakah*, 22 Mac 1996)

KEMANDULAN POLITIK MELAYU DI MANA PUNCANYA?

Oleh Mahadzir Mohd. Khir

SYAWAL telah tamat. Minggu lalu pesta rumah terbuka rancak sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Hari Sabtu dan Ahad menjadi sasaran rumah terbuka. Sesetengah orang mendapat empat-lima jemputan dalam sehari. Puasa sebulan berhari raya juga sebulan.

Dalam suasana ria berhari raya Persatuan Andrologi Malaysia (MSA) bersama lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sempat mengadakan forum bersama di Holiday Villa, Subang Jaya bagi membincangkan permasalahan seksual dan kemandulan lelaki. Beberapa orang pakar telah membentangkan kertas kerja. Sebuah kertas kerja yang dibentangkan oleh Dr. Clarence Lei, pakar Urologi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) membincangkan perkara kemandulan lelaki. Pakar ini berpendapat bahawa 50 peratus kemandulan adalah berpunca daripada lelaki. Tambahnya lagi, pemeriksaan menyeluruh amat mustahak dan sebanyak lapan perkara telah dicadangkan dalam menangani masalah mandul, antaranya pemeriksaan klinikal, ujian air mani, pemeriksaan untuk mengenali masalah, mengenali tahap hormon, pengumpulan sperma, insemanasi, kaedah GIFT dan kaedah ICSI - persenyawaan.

Kaedah yang dicadangkan oleh Dr. Clarence Lei bersifat saintifik, ada prosedur, sistem dan objektif yang

dirancang. Barangkali kaedah tersebut boleh dipinjamkan kepada politik Melayu dan partinya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah menggunakan kaedah yang sistematik untuk melihat jika ada masalah; mengenal pasti masalah dan juga ada masalah kemudian ditentukan pula punca masalah itu sebelum treatment dipilih.

Dalam mengenalpasti masalah seperti Dr. Clarence Lei, pemeriksaan klinikal dan pencatatan latar belakang yang terpinci perlu dilakukan terlebih dahulu. Mungkin kaedah begini dapat dilakukan untuk memeriksa masalah dalam politik Melayu.

Baru-baru ini perbincangan politik Melayu mendapat perhatian selepas tulisan Tun Daim Zainuddin Bendahari UMNO di dalam Mingguan Malaysia, 10 Mac lalu yang bertajuk "Orang Melayu Hilang Keberanian". Ini ialah respon kepada tulisan Kadir Jasin, Ketua Pengarang News Straits Times (NST), 18 Februari di dalam Mingguan Malaysia. Tulisan Daim pula telah mendapat respon daripada Jaafar Rahim dalam ruangan Rabu 13 Mac. Ekoran daripada itu, tiga orang naib Presiden UMNO juga telah memberika reaksi mereka melalui interbiu dengan NST (12 Mac) dengan tajuk 'Separation of Powers Between Party and Government'.

Dari satu sudut, mengapa Daim yang tidak memegang jawatan Menteri dan hanya memegang jawatan sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan dan berjawatan sebagai Bendahari UMNO mengemukakan pandangan tersebut? Malah banyak lagi soalan boleh ditimbulkan. Begitu juga dengan tiga orang Naib Presiden UMNO yang dipilih memegang jawatan Menteri dan Menteri Besar yang diminta memberi komen. Apakah kenyataan-kenyataan yang dibuat itu dapat ditakrifkan sebagai tajuk perbincangan atau hal tuju program 'kempen' dalam pemilihan UMNO 96 nanti? Apakah dapat dikatakan sebagai cuba meletakkan milestone ke arah stesen UMNO 96?

Kenyataan Daim dan tiga Naib Presiden UMNO itu dapat dilihat dari dua sudut. Pertama Daim merasakan

bahawa seolah-olah terdapat ‘kemandulan’ dalam pengucapan Melayu yang sudah kurang keberaniannya. Kedua kenyataan tiga Naib Presiden yang cuba menyatakan bahawa betapa pentingnya pemisahan antara parti dan kerajaan. Kedua-duanya dapat dihubungkaitkan dengan perkembangan pembangunan politik Melayu dalam kerangka politik nasional dan kedudukan pemerintah dan yang diperintah. Di samping itu persoalan-persoalan yang sama dibangkit menjelang UMNO menyambut birthdaynya yang ke-50 di mana Datuk Mohamad Rahmat telah menyatakan objektif perayaan bukan untuk membangkit semangat perjuangan Melayu tetapi untuk menanamkan nilai-nilai perjuangan di kalangan generasi muda.

Daim bersetuju dengan pendapat Kadir Jasin, bahawa perebutan jawatan dalam UMNO khususnya Majlis Kerja Tertinggi (MT) ialah bertujuan untuk dapat balasan dengan mendapat pelbagai lantikan dalam kerajaan. Malah penulis sendiri telah membangkitkan hal yang sama dalam beberapa rencana. Oleh itu persoalannya apakah tujuan perebutan mendapat jawatan MT? Seseorang itu seolah-olah mendapat ‘visa diplomatik’ bagi pasport politiknya dengan segala macam kemudahan.

Di samping itu juga kedudukan sosial seseorang itu akan meningkat dengan segala macam gelaran malah sesetengahnya bukan satu gelaran malah beberapa gelaran dari beberapa negeri. Sebagai contoh selepas pemilihan UMNO 93, ramai yang dapat gelaran dari Melaka. Oleh itu apakah perebutan jawatan dalam UMNO hanyalah untuk dapat ‘balasan’ serta ‘habuan’. jadi tidak hairanlah dalam perebutan ‘zaman’ 90-an tidak kedengaran kenyataan-kenyataan yang menyatakan pendirian perjuangan kepada parti atau sebagai pembela bangsa. Begitu juga semasa perebutan menjadi calon parti dalam pilihanraya dengan harapan mendapat jawatan dalam parti dan seterusnya kedudukan dalam hierarki parti. Terkadangkala semakin lama seseorang itu dalam jawatan seolah-olah terdapat semacam ada ‘kekebalan politik’.

Di sini harus juga dilihat kedudukan Daim dalam hierarki parti. Apakah beliau merasa gusar melihat perbincangan MT dan debat dalam perhimpunan tahunan parti. Apakah beliau tidak lagi dapat bersuara dengan lantang kerana kebimbangan ditakrif sebagai suara 'dissident' (penentang) dalam parti. Di samping itu juga Daim membangkit zaman keberanian Dr. Mahathir dalam tahun-tahun 60 an dan 70 an. Malah Dr. Mahathir pernah dicap sebagai 'ultra' dalam UMNO. Jadi apakah dalam UMNO hari ini tidak lagi terdapat 'ultra' tetapi banyak 'sutera' di dalamnya.

Jika ditinjau dalam perhimpunan tahunan UMNO kebelakangan ini tidak banyak suara-suara lantang untuk menegur tetapi penuh dengan gurau senda dan puji-pujian. Malah Dr. Mahathir juga pernah membuat teguran kerana pujian yang keterlaluan. Ada juga yang memberi pujian kepada sesetengah menteri. Dalam perhimpunan yang lalu, ramai yang tahu tentang pindaan Akta Pendidikan misalnya dan tahu tentang kegelisahan mengenainya tetapi tidak banyak 'kritikan' didengar. Mungkin kerana bimbang ditakrif sebagai 'suara pembangkang'. Mungkin juga pada sesetengah pendapat menyatakan 'orang-orang tertentu' sahaja yang dipilih untuk berucap dalam perhimpunan. Jadi seolah-olah seperti ada pemimpin 'orquestra' yang memberi isyarat supaya melody menjadi harmoni. Namun masih terdapat cadangan-cadangan yang baik walaupun tidak ada perbincangan sebagai debat tetapi lebih menyerupai 'pertandingan pidato'.

Kenyataan tiga Naib Presiden UMNO yang berkaitan isu pengasingan antara parti dan kerajaan agak menarik dan lebih bersifat 'khutbah'. Untuk merealisasikannya bukanlah satu perkara yang mudah. Ia perlukan kepekaan (sensitivity concern) dan pegangan prinsip yang kuat. Ini kerana dua daripada mereka, Najib dan Muhyiddin memegang jawatan Menteri dan anggota kabinet di samping menjadi wakil rakyat bagi kawasan parlimen. Manakala seorang lagi Muhammad Muhd Taib, Menteri Besar

Selangor yang mengetuai Exco negeri dan wakil rakyat kawasan negeri. Bagi mereka yang dalam situasi begini tentulah sukar untuk memisahkan pendirian Melayu dengan dasar kerajaan. Polisi biasanya mencerminkan hasrat kerajaan. Begitu juga dengan aktiviti penting yang telah dicampur aduk dengan aktiviti kerajaan. Contoh Dr. Mahathir yang datang ke setiap kali Perhimpunan Agung UMNO dalam Protonnya sendiri adalah satu contoh yang menjelaskan bahawa Perhimpunan Agung adalah aktiviti parti dan bukan aktiviti kerajaan.

Persoalan di sini apakah pada masa yang akan datang akan digubal satu kaedah yang lain di dalam UMNO di mana yang memegang jawatan dalam kerajaan tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan di dalam parti. Begitu juga sebaliknya bagi mereka yang memegang jawatan parti seperti yang berlaku pada Rahim Tamby Chik. Ketiga-tiga Naib Presiden dalam kenyataan tersebut menyatakan tentang sumbangan dan tugas ahli UMNO dalam pelbagai program kerajaan dan usaha mempertahankan polisi kerajaan. Jadi kepada mereka, polisi kerajaan boleh membantu orang Melayu. Malah mereka beranggapan sifat berani membuat teguran-teguran sesama mereka (dalam kerajaan) bukanlah sesuatu yang wajar. Tetapi bagaimana pula dengan tindakan berani Affifuddin Omar, Timbalan Menteri Kewangan yang membuat teguran baru-baru ini. Beliau menegur Kementerian Penerangan tentang kurangnya pembekal bumiputera iaitu hanya 11 peratus daripada kuota kontrak drama Melayu dan filem. Menteri bekanaan, Mohamed Rahmat telah memberi reaksi.

Sekiranya pendapat Naib Presiden itu serius, sudah sampai masanya untuk UMNO mengubah kaedah pemilihan di dalam parti. Ini bermakna jawatan-jawatan di dalam parti hanya boleh dipilih di kalangan mereka yang tidak memegang apa-apa jawatan di dalam kerajaan. Kemungkinan juga perebutan di dalam parti dapat dikurangkan. Begitu juga dengan parti-parti lain sama ada ahli-ahli komponen di dalam Barisan Nasional (BN) mahu

pun kerajaan negeri. Pendekatan ini amat radikal dan boleh dimulakan secara berperingkat-peringkat iaitu dengan pemilihan ahli-ahli MT, Pemuda dan Wanita malah bagi MB selaku Ketua Perhubungan Negeri pada lazimnya boleh dilantik di dalam MT sebagai anggotanya oleh Presiden. Jelasnya MB tidak perlu bertanding. Tujuannya ialah bagi memastikan pemisahan antara parti dan kerajaan. Di samping itu, ia juga boleh menjauhkan wujudnya 'kumpulan-kumpulan' atau 'kem-kem' tertentu dalam parti. Dengan itu Menteri, Timbalan dan Setiausaha Parlimen dan MB dapat menumpukan perhatian mereka sepenuhnya kepada program dan dasar kerajaan . Begitu juga dengan orang parti, dengan kaedah tersebut mereka dapat memberikan perhatian kepada parti sepenuhnya. Segala apa yang dibangkitkan oleh ahli-ahli jawatankuasa parti adalah sebagai suara parti dalam menentukan orang dalam kerajaan mesti menjamin kehendak parti yang mewakili suara ramai.

Berbalik kepada keberanian orang melayu bersuara dan menegur, sebenarnya saluran teguran bukan hanya melalui parti sahaja. Ia juga boleh dilakukan melalui NGO Melayu, walaupun terkadangkala suara-suara melalui NGO Melayu tidak begitu mendapat tempat. Malah terkadangkala disalahertikan sebagai suara 'pembangkang'. Persoalannya bukan tidak ada suara-suara yang berani tetapi tidak diendah oleh sesetengah pihak yang berkuasa kerana ukurannya ialah mereka yang di dalam parti telah mendapat mandat melalui undi. Sokongan yang diberikan di dalam pilihanraya seolah-olah menjadi pasport untuk tidak lagi mendengar suara dari bawah. Suara dari NGO Melayu tidak mendapat liputan akhbar-akhbar kerana ucapan dan nasihat menteri dianggap lebih penting.

Sesetengah pemimpin NGO tersebut mempunyai afiliasi dengan individu tertentu dalam parti. Dengan demikian organisasi itu tidak efektif malah imejnya lebih bersifat partisan daripada imej neutral. Oleh itu, suaranya lebih bersifat echo kepada 'his masters voice'.

Isu kemandulan sifat berani Melayu juga dapat dilihat

dari psyche orang Melayu. Apakah sifat neofeudalisme masih beroperasi dalam psikologi orang Melayu. Kalau didasarkan kepada 'Sejarah Melayu' apakah pemikiran, kisah Hang Nadim dalam gurindam seloka

'carik baju raja,
dilanggar todak,
bukan sengaja,
sebab akal budak'.

Sesudah Singapura diselamatkan oleh Hang Nadim daripada serangan todak dengan strategi batang pisang, akhirnya beliau dibunuh kerana kepintarannya dan sumbangan yangikhlas dalam menyelamatkan bangsa.

Selain itu, bila bercakap tentang isu Melayu seolah-olah sudah menjadi perkara 'ketinggalan zaman' dan ada pula yang melihatnya sebagai isu perkauman. Hari ini unsur Melayu sebagai teras budaya nasional yang diterima selepas peristiwa Mei 1969 jarang-jarang disebut lagi. Apakah pembangunan ekonomi dan dunia korporat tidak boleh lagi dicampur aduk dengan Melayu. Di samping itu adakah trend globalisasi mengatasi serta meminggirkan elemen Melayu? Apakah hal-hal ini yang mewujudkan sindrom apathy Melayu?

(MASSA 23 Mac 1996)

SIAPAKAH INTELEKTUAL MELAYU?

Oleh A. Nazri Abdullah

TIBA-TIBA Tun Daim Zainuddin melontarkan kejutan yang meninggalkan pelbagai tanda tanya. Sebagai orang yang paling rapat dengan pucuk pimpinan, Daim mungkin mempunyai alasan tersendiri bertindak demikian. Kita berpendapat sebagai Penasihat Ekonomi kepada kerajaan, Daim boleh menyampaikan nasihat dan tegurannya secara terus tanpa melalui akhbar. Dengan menulis di dalam akhbar, implikasinya amat besar. Setidak-tidaknya orang akan bertanya apakah nasihat Daim tidak lagi didengar, lantaran itu beliau terpaksa menggunakan akhbar?

Kita tidak pandai menujum hasrat yang terpendam dalam tulisan Daim, kerana sebagai seorang intelektual, Daim juga umpama pendeta yang pandai bermain bahasa. Oleh kerana beliau juga seorang ahli politik dan usahawan terkenal, maka menjadi lebih susah untuk kita merenung makrifat yang tersirat. Bagaimanapun tulisan beliau itu turut mengganggu kita dek panggilan teman-teman yang bergelar intelektual, yang cuba mengalih sasaran kepada akhbar. Mereka menyalahkan akhbar kononnya kerana taksub dengan ketuanan politik, fungsi akhbar sebagai medan polemik ilmiah sudah terkubur. Kononnya teguran dan kritikan intelektual tidak diberi tempat lagi. Kononnya, kononnya dan pelbagai kononnya.

Sebelum kita terbawa-bawa dengan lontaran Daim ini,

rasanya elok kita selesaikan dulu soal pokoknya iaitu siapakah intelektual Melayu? Apakah intelektual merujuk kepada mereka di institusi pengajian tinggi yang memiliki Phd dan bergelar profesor saja? Jawabnya tentulah tidak. Intelektual Melayu kini bertaburan di merata tempat dan ramai juga yang sudah memasuki gelanggang politik. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah intelektual Melayu yang satu ketika dahulu lebih banyak bersyarah dan berdebat di kampus daripada profesor sendiri. Sehingga hari ini mereka membaca lebih banyak buku daripada sesetengah intelektual Melayu yang cuma gemar bercakap tetapi malas membuat kajian dan menulis buku. Walaupun Dr. Mahathir dan Anwar sudah bertukar menjadi ahli politik sepenuh masa, tidak bermakna mereka hilang taraf sebagai intelektual.

Apakah mereka yang memenuhi Parlimen dan Majlis Tertinggi UMNO bukan intelektual Melayu? Mungkin tidak semua, tetapi yang jadi Menteri dan Timbalan Menteri banyak yang intelektual. Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Datuk Seri Rafidah Aziz, dan doktor-doktor falsafah seperti Datuk Dr. Affifuddin Haji Omar, Datuk Dr. Ibrahim Saad dan ramai lagi, semuanya intelektual Melayu belaka. Mereka ini bukanlah dari kelas elit Melayu seperti zaman Tunku Abdul Rahman atau Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. Kebanyakan mereka berasal dari kampung mereka dan pernah disengat tebuan dan dikejar lembu jantan. Mereka faham asal-usul perjuangan bangsa, jadi mustahil mereka sudah hilang semangat Melayunya.

Oleh kerana mereka terbabit secara langsung dalam pentadbiran negara maka mereka lah intelektual Melayu yang lebih layak dan berwibawa untuk membuat teguran terhadap dasar dan apa saja yang membabitkan masa depan orang Melayu. Sebagai intelektual Melayu yang menyertai politik, Parlimen Majlis Tertinggi UMNO adalah pentas polemik yang paling berkesan untuk mereka menyatakan pendirian dan pandangan. Lainlah kalau semua mereka ini

sudah hilang nasionalisme Melayu dan menjadi tukang angguk yang dibayar gaji. Oleh kerana Daim juga menduduki kedua-dua tempat ini, beliau tentulah lebih tahu. Jika lontarannya tadi adalah gambaran runtuhan semangat, prinsip dan nasionalisme Melayu, maka akibatnya tentulah parah.

Selain daripada platform politik, kini wujud pelbagai *think tank* yang menggabungkan intelektual Melayu dari pelbagai bidang dan kepakaran. Kita ada ISIS, IKIM, ISTECH, IKD, MRSC, MINDA, MANGKIN dan bermacam lagi *think tank* yang belum berisi. Bermacam seminar, forum, persidangan dianjurkan membincarkan bermacam tajuk yang membabitkan bangsa Melayu dan negara, sehingga tajuk yang sama diulang beberapa kali. Jadi tidak tepatlah kalau kita katakan intelektual Melayu tidak berani bersuara. Mereka bersuara tetapi suaranya kadangkala tidak berkesan mungkin kerana kurang fakta. Kepada intelektual di luar gelanggang politik, kita mengharapkan pandangan dan kritikan yang empirikal sifatnya sesuai dengan status mereka sebagai ilmuwan pusat pengajian tinggi. Mereka berkemampuan mengkaji dengan lebih mendalam dasar dan agenda kerajaan untuk diterbitkan sebagai buku ilmiah dan cara ini lebih dihormati daripada sekadar membuat kenyataan akhbar mengkritik itu dan ini berdasarkan isu.

(*Berita Minggu*, Ahad 24 Mac 1996)

TIDAK BERANI ATAU BERPUAS HATI?

Oleh Kassim Ahmad

SEJAK rencana ringkas Tun Daim Zainuddin (Mingguan Malaysia, 10 Mac), sudah ada beberapa reaksi daripada penulis-penulis kita. Saya fikir ini suatu perkembangan yang sihat. Seperti kata Daim sendiri "Apakah salahnya kalau ada yang memberi pandangan? Yang baik diterima, yang lain diketepikan." Inilah sikap dan pendekatan yang betul terhadap semua pendapat yang wujud dalam masyarakat.

Tetapi, seperti yang ditunjukkan oleh Jaafar Abdul Rahim dalam reaksinya, kebanyakan kita hanya mahu mendengar cakapan orang berkuasa, cakapan rakyat biasa kita ketepikan, tidak kira cakapan itu betul atau salah. Ini budaya feudal dan kolonial yang masih kita amalkan, walaupun sistem-sistem sosiopolitik itu dengan rasminya sudah kita gantikan dengan sistem demokrasi.

Apa yang dikatakan oleh Daim itu memang betul. Kita patut berterima kasih kepada beliau kerana walaupun beliau dianggap pihak berkuasa, beliau sanggup menyuarakan fikiran yang kritikal. Ini boleh dikatakan kritik diri. Sekali lagi saya memetik kata-kata beliau "...kerana UMNO itu dianggap Melayu, apa yang dibuat oleh UMNO semua dianggap baik pada pandanganmereka. Ini tentu pandangan yang tidak tepat. Kita sebagai manusia sudah tentu ada kalanya membuat kesilapan."

Kemampuan untuk mengkritik diri itu sebenarnya satu

kekuatan, bukan kelemahan. Siapa akan membetulkan kesilapan kita, kalau kita sendiri tidak sedar akan kesilapan itu?

Dari segi inilah kita patut sambut tulisan Daim. Lihat ke dalam diri kita. Kita menghadapi banyak sekali masalah, walaupun pertumbuhan ekonomi kita sekarang amat baik. Besar kemungkinan keadaan ekonomi yang baik tidak akan berkekalan. Pada masa itu, apa akan kita buat? Umpamanya, sekarang harga beras sedang meningkat dengan cepat. Apakah sebabnya? Adakah kita mempunyai beras yang cukup sekiranya berlaku perperangan yang besar? Mungkin kita perlu segera mengubah dasar pertanian kita dari segi menghasilkan beras yang cukup untuk negara kita. Salahkah kalau sesiapa menyebut perkara ini dan menegur dasar kerajaan?

Saya fikir pendapat Zainuddin Maidin bahawa orang Melayu tidak boleh digerakkan dengan emosi lagi dan mereka sekarang lebih realistik dan rasional, tidak tepat. Adakah soal rasuah dalam kerajaan soal emosi? Adakah soal bahasa dan soal pelajaran soal emosi? Betulkah soal ekonomi soal realisme semata-mata dan tidak termasuk emosi? Kita tidak boleh mengasingkan akal dan emosi secara mudah begitu.

Semua orang tahu bahawa Daim Seorang korporat. Kita tidak boleh menganggap semua orang korporat tidak boleh berfikir kecuali mengikut kepentingan korporat mereka. Malah kita mahu sesetengah golongan kaya kita, jika tidak kebanyakannya, boleh berfikir dari segi kepentingan nasional dan secara rasional. Dari segi ini, saya mengalu-alukan tulisan Daim dan saya harap ada ramai lagi yang akan mengikut jejak langkah beliau.

Saya tidak fikir terlintas dalam kepala Daim supaya orang Melayu bangkit menentang Dr. Mahathir. Mengapa kita harus menentang seorang pemimpin yang baik yang telah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia? Tetapi, sebagai manusia, Mahathir ada kelebihannya, seperti pemimpin-pemimpin lain juga.

Dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an beliau seorang muda yang bersemangat dan berani. Salahkah kalau kita mahu menghidupkan kembali semangat patriotik dan berani begitu dalam dada pemimpin-pemimpin muda sekarang? Bukanakah ketara bahawa ramai cerdik pandai kita sejak kebelakangan ini sudah menjadi "manusia dalam kekenyangan," untuk memetik kata-kata Zainuddin Maidin. Dalam keadaan ini, kita perlukan sekumpulan rakyat yang sanggup bangun untuk menyedarkan kita dari tidur yang nyenyak itu! Syabas kepada Daim!

Apa yang dikatakan oleh Rustam juga benar. Kebanyakan orang Melayu dalam keadaan kekeliruan yang besar. "...yang sebenarnya hilang," kata beliau, "ialah fahaman yang mendalam tentang destiny kita sebagaimana yang telah diimpikan dan diperjuangkan oleh para nasionalis yang telah mendahului kita.

Bila kefahaman itu telah hilang, maka kita tidak lagi mempunyai sebarang komitmen terhadap cita-cita tersebut..." Namun demikian, saya fikir rakyat dan pemimpin kita masih setia kepada bangsa dan patuh kepada Tuhan, yakni semangat patriotik dan iman mereka masih kuat. Inilah asas-asas yang wujud dalam negara kita untuk suatu kebangkitan baru.

Apa yang menjadi halangan kepada kebangkitan ini ialah (a) pemikiran mereka yang dipengaruhi oleh arus baru kolonialisme yang datang bersama globalisme dan (b) saki-baki sikap feudal dan kolonial di kalangan sesetengah pemimpin dan cerdik pandai kita yang menganggap Might is right yang menyebabkan mereka bersikap kuku besi terhadap fikiran-fikiran yang kritikal.

Saya harap pemimpin dan cerdik pandai kita tidaklah terpedaya dengan keadaan yang nampak seolah-olah tenang di permukaan kehidupan ekonomi kita yang mewah. Sebelum terlambat, tidaklah salah kalau kita bersikap kritikal terhadap diri kita sendiri. Mulalah dengan perbincangan yang bebas, tanpa membuat fitnah dan menghasut, terhadap semua masalah besar yang sedang kita

hadapi. Jangan takut kepada kebenaran, kerana kebenaran itulah kekuatan. Dalam kebenaran terletak keselamatan bangsa kita.

(*Mingguan Malaysia*, 24 mac 1996)

SIAPA KATA MELAYU HILANG BERANI?

Oleh Ramlie Simbok

BENARKAH orang Melayu sudah hilang keberanian? Jika benar orang Melayu sudah mula hilang keberanian, ke mana agaknya hala tuju Melayu itu sendiri. Inilah persoalan yang ditimbulkan hasil dari tulisan Penasihat Ekonomi Malaysia, Tun Daim Zainuddin berhubung dengan sikap berani orang Melayu yang didakwa semakin pudar sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dan pertanyaan.

Bagaimanapun dalam masa yang sama, cara perbincangan tentang semangat Melayu yang semakin hilang keberanian yang dibuat secara terbuka ini menunjukkan kepada kita semua bahawa Melayu masih berani. Paling tidak, Melayu berani mendedahkan kelemahan diri sendiri.

Menurut Ketua Satu Gapena, Tan Sri Ismail Hussein, perbincangan mengenai hilangnya semangat keberanian orang Melayu haruslah dilihat melalui pandangan yang positif serta dengan sikap, rasional dan mendasar ke satu arah yang mahu dituju.

“Orang Melayu cukup komplek dan moden. Melayu masa kini tidak mungkin boleh dikumpulkan melalui kelompok hitam dan putih sahaja, sebaliknya terdiri dari pelbagai warna yang mewakili pelbagai semangat dan lapisan. Ini kerana sifat moden yang ada menyebabkan sifat Melayu itu sendiri berada dalam pelbagai aspek semangat,” katanya.

Menurutnya, adalah wajar pemimpin atasan membincangkan masalah sifat-sifat orang Melayu dengan lebih terperinci memandangkan perbincangan ini bakal membahukan pemikiran bagaimana mahu membentuk sebuah generasi Melayu yang bukan sahaja moden tetapi mempunyai nilai-nilai murni.

Tambahnya lagi, kenyataan orang Melayu itu bersifat tamak serta rakus dianggap tidak betul memandangkan bangsa Melayu sudah lama dikenali kerana mempunyai nilai-nilai budi yang begitu dikagumi oleh semua bangsa di dunia.

Semua pihak terutama di peringkat yang berkedudukan diminta terlibat untuk menggarap bentuk orang Melayu supaya kemodenan yang semakin mendatang tidak merubah tata cara dan akuan diri bangsa Melayu. Hanya cara ini membolehkan Melayu itu terus menjadi Melayu.

"Kita bersyukur kerana perbincangan secara terbuka melalui media cetak sebagaimana yang ada sekarang berhubung dengan sifat bangsa Melayu walaupun agak sensitif, tetapi masih boleh diterima dengan cara terbuka. Inilah sebenarnya sifat berani yang kurang nampak oleh orang lain, tetapi ada pada kita," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Melayu juga kadangkala perlu bersikap kurang ajar di dalam satu aspek tetapi tidak secara menyeluruh. Kurang ajar yang dimaksudkan ialah kesediaan orang Melayu mempertahankan hak-hak yang sepatutnya dipertahankan.

Menyentuh tentang kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu, Presiden Gabungan pelajar Melayu Semenanjung, Dr. Nordin Kardi mengulas bahawa bangsa Melayu memang belum maju dari segi kemewahan, sebaliknya bangsa Melayu sememangnya maju dari bentuk kehidupan rohaniah.

"Jika dibandingkan dengan yang lain, bangsa Melayu memang belum begitu maju. Bagaimanapun, kemajuan kehidupan dalam aspek nilai-nilai kerohanian memang tersimpan lama dalam pemikiran orang Melayu," katanya.

Katanya, orang Melayu tidak perlu bimbang atau merasa semakin tertekan menerima saingen dari kaum-kaum lain di Malaysia ataupun dunia. Melayu tidak perlu berlaku kurang ajar memandangkan sifat itu tidak pernah berada pada orang Melayu.

"Keberanian orang Melayu ialah kejayaan kita mengekalkan tatasusila kehidupan. Pada pandangan saya ini lebih bermakna dan harus dibanggakan kerana lebih bersifat bertamadun," katanya.

Bagaimanapun beliau tidak menafikan bangsa Melayu harus berusaha untuk mengumpul sebanyak mana kekayaan. Ini bukan bererti bangsa Melayu tamak memandangkan cara ini sudah lama dimonopoli oleh bangsa lain. Bagi mengimbangkan keadaan, bangsa Melayu perlu berlaku sedemikian rupa asalkan tidak melanggar tatasusila kemanusiaan.

Menyentuh soal kebebasan, Nordin menegaskan kebebasan yang ada di negara ini memang ada dan tidak boleh dinafikan. Bagaimanapun kebebasan yang dimaksudkan kurang dapat dipraktikkan memandangkan faktor keadaan yang kadangkala mendesak matlamat tujuan.

"Saya tidak nafikan kebebasan tetapi ada tetapi dalam masa yang sama kita tak mampu untuk mempraktikkan. Sebagai contohnya orang kaya sudah tentunya menanam hasrat untuk tidak memberi kebebasan kepada orang miskin kerana bimbang bakal menyaingi mereka.

"Begitulah sebaliknya, orang miskin bimbang jika tidak ada sekatan kemewahan orang kaya akan bertambah dan mereka akan merasa kerugian, bermakna agihan kekayaan tidak sama rata," katanya.

(Mingguan Watan, Ahad 24 Mac 1996)

SUARA MELAYU; BOLA DI KAKI AKHBAR

Oleh Mohd. Safar Hashim

"Media kita harus memasukkan perbahasan mengenai isu yang menjadi prihatin umum, menjadi jentera pertandingan idea dan memupuk cita rasa yang baik."
- Anwar Ibrahim, 20 Mac 1996.

SEKONYONG-KONYONG timbul persoalan: Masih adakah suara yang mewakili orang Melayu dan rakyat pinggiran (Mingguan Malaysia 18 Februari 1996).

Soalan yang dilontarkan oleh Datuk A. Kadir Jasin, Pengarang Kumpulan New Straits Times, dan seorang tokoh korporat agak memerlukan juga.

Ini kerana dalam usaha negara memupuk suatu bangsa yang dinamakan bangsa Malaysia, persoalan yang berbentuk kaum seperti ini seolah-olah sudah seperti tidak relevan lagi atau bercanggah dengan gagasan besar itu.

Tetapi oleh kerana persoalan itu disambut dengan begitu ghairah sekali oleh beberapa tokoh dan intelektual, saya kira ia adalah suatu isu yang harus dibincangkan.

Soalan ini tercetus, menurut Kadir, kerana sudah wujud tanda-tanda kelompok tertentu dalam masyarakat Melayu sedang dipinggirkan. Yang menjadi masalahnya ialah wujud anggapan yang meluas bahawa suara kerajaan adalah suara Melayu dan suara Melayu adalah suara kerajaan. UMNO sebagai tonggak kerajaan dianggap

mewakili suara Melayu. Ini menjadi suara Melayu sering terpendam.

Kadir mencadangkan orang Melayu menilai dirinya dan isu-isu berkaitan masyarakatnya dari aspek yang berasingan - sebagai individu Melayu, sebagai pemimpin UMNO dan sebagai pemimpin dalam kerajaan.

Penyelesaian yang dicadangkan oleh Kadir ialah patut diwujudkan pemisahan kuasa yang jelas antara UMNO dan kerajaan.

Tun Daim Zainuddin telah menyambut bahagian awal pandangan Kadir dan memberi pandangannya sendiri bagaimana perkara itu berlaku yang dirumuskan oleh tajuk artikelnya bahawa Melayu sudah hilang keberanian (Mingguan Malaysia 10 Mac 1996). Namun beliau telah tidak mengulas langsung cadangan Kadir mengenai pemisahan kuasa.

Anehnya, Pemuda UMNO yang menjadi sasaran Kadir berdiam diri, begitu juga UMNO.

Sebaliknya beberapa tokoh intelektual seperti Zainuddin Maidin (Zam) (Mingguan Malaysia, 17 Mac 1996), pemikir kreatif Jaafar Rahim (Utusan Malaysia 13 Mac 1996), intelektual Rustam A. Sani (Utusan Malaysia 18 Mac 1996), ahli politik cum wartawan Haji Subky Latiff (Harakah 22 Mac 1996) dan sasterawan Kassim Ahmad (Mingguan Malaysia 24 Mac 1996) serta Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Nazri Abdullah (Berita Minggu 24 Mac 1996) memberi tumpuan bukan kepada pandangan Kadir tetapi kepada apa yang dicetuskan oleh Daim. Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga turut memberi komen (Utusan Malaysia 20 Mac, 1996).

Saya rasa banyak sudah diperkatakan tentang pandangan Daim, jadi saya ingin berbalik kepada pandangan yang dikemukakan oleh Kadir.

Pada asalnya Kadir menujukan artikelnya kepada Pemuda UMNO supaya dapat memberi pandangan kedua mengenai sesuatu perkara. Tetapi pada amnya beliau

mencadangkan kerajaan dan UMNO supaya terpisah dari segi kuasa.

Masalahnya, sebagaimana yang dilihat oleh Kadir ialah sebaik saja orang-orang politik menyertai kerajaan mereka seolah-olah hilang pandangan politik mereka dan sebaliknya menyuarakan suara kerajaan. Hubungan simbiotik kerajaan dan parti politik inilah yang menyebabkan keadaan yang dinyatakan.

Jika ditinjau ke belakang, UMNO lahir atas penyatuan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang bersedia melunturkan pendirian masing-masing untuk kepentingan sebuah pertubuhan baru iaitu UMNO. Bolehkah UMNO sebagaimana yang ada hari ini bertindak sebagai sebuah badan NGO lagi sambil mengkritik langkah-langkah kerajaan, sedangkan ia sendiri yang menjadi tonggak kerajaan?

Saya kira peranan NGO ini masih dimainkan tetapi tidak meluas. Lihat saja kepada perhimpunan agung UMNO. Setiap kali, beberapa usul dikemukakan untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Ada kalanya, Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Perdana Menteri, membuat komen bahawa saranan itu dibuat adalah pandangan parti, tetapi pihak kerajaan harus menimbangkan selanjutnya sebelum diterima untuk dilaksanakan.

Jawapan ini memberi gambaran bahawa perbezaan antara kerajaan dan parti memang wujud.

Tetapi apa yang mahu dilihat oleh Kadir, saya kira, ialah dalam ruang lingkup yang lebih luas, parti dan kerajaan itu tidak begitu simbiotik sifatnya. Patut ada *check and balance* antara parti dan kerajaan bukan secara berseteru (*adversary*), tetapi secara rakan (*friendly*). Inilah yang perlu dihayati.

Inilah juga sebabnya Kadir mahu perkara ini berlaku dalam ruang lingkup UMNO saja iaitu parti yang memerintah. Beliau tidak menyebut tentang suara di luar UMNO, seperti Pas (Parti Islam tetapi kepimpinannya berteraskan Melayu), dan Parti Rakyat (parti pelbagai kaum

tetapi kepimpinannya berteraskan Melayu).

Dalam ruang lingkup parti UMNO, Kadir melihat wujud potensi dalam Pemuda UMNO. Bukankah Pemuda UMNO pernah dianggap sebagai kumpulan pendesak (pressure group), khususnya di bawah pimpinan Datuk Harun Idris? Hinggakan Pemuda UMNO dianggap sebagai sebuah parti dalam parti, dan dianggap sebagai sesuatu yang tidak diingini.

Saya kira walaupun Pemuda UMNO dilihat sebagai kumpulan pendesak di bawah Datuk Harun Idris, ia mempunyai ceritanya tersendiri, iaitu persaingan dalam UMNO. Tetapi yang pentingnya ialah personaliti Datuk Harun yang menjadikan Pemuda UMNO sebuah kumpulan pendesak.

Pemuda UMNO sebagai sebuah badan dalam UMNO tidak dimaksudkan demikian sama ada oleh ahli-ahlinya atau oleh badan induk itu sendiri. Ia diwujudkan untuk menyokong badan induk dan menjadi tempat latihan pemimpin pelapis.

Ini jelas dapat dilihat apabila Allahyarham Syed Jaafar Albar mengambil alih kepimpinan Pemuda UMNO beliau telah menukar arah badan itu daripada sebuah pressure group kepada ginger group.

Jadi konsep pressure group hilang begitu saja daripada Pemuda UMNO. Saya rasa adalah sukar untuk Pemuda UMNO sekarang ini untuk menjadi sebuah pressure group. Begitu juga badan induk UMNO sendiri.

Walaupun mungkin mereka mengundi menyokong terhadap usul untuk menghadkan jumlah pemimpin parti yang terpilih daripada dilantik ke jawatan kerajaan. Dari segi pelaksanaannya adalah sukar, sebagaimana sukarnya menghadkan kegiatan politik wang, walaupun undi diiterima secara sebulat suara.

Jika Pemuda UMNO atau parti induk UMNO tidak boleh melakukan tugas ini, pihak lain yang disebut oleh Kadir ialah para intelektual atau mereka yang terpinggir, tidak kiralah siapa mereka. Bagaimanapun, di manakah wadah bagi para intelektual ini menyuarakan pandangan

mereka?

Dalam hal ini Kadir, Daim dan Zam ada menyebut mengenai akhbar. Saya kira akhbar adalah wadah terbaik untuk memulakan langkah ini, sebagaimana yang ditunjukkan dalam siri polemik ini.

Tetapi bagi Daim, akhbar sudah menjadi suara rasmi, iaitu menyuarakan pandangan-pandangan kerajaan. Kata Daim, jika ada pandangan yang berlainan, akhbar akan menghentam orang yang memberi pandangan itu atau pandangan mereka tidak disiarkan.

Walaupun Daim menggelar akhbar sebagai suara rasmi tetapi saya kira akhbar di negara ini bolehlah disifatkan sebagai akhbar rakan, yang bergerak selaras dengan aspirasi negara. Apa yang dapat dilihat ialah wujud hubungan yang agak rapat antara pihak akhbar dan kerajaan cuma parti politik, khususnya UMNO.

Langkah pertama yang harus dibuat ialah melonggarkan hubungan simbiotik ini supaya suara-suara yang terpinggir ini mendapat pendedahan.

Akhbar kita tidak harus terus menjadi sebagaimana yang disebut oleh Daim, akhbar sebaliknya harus membuka lembarannya kepada pandangan yang berbeza dengan pandangan akhbar itu tanpa menghentam habis-habisan atau tidak menyiarkan pandangan mereka.

Supaya berkesan hubungan yang rapat antara akhbar dan parti politik atau kerajaan harus dilonggarkan secara perlahan-lahan supaya akhbar tidak berasa serba salah untuk menyiarkan sesuatu artikel yang tidak secocok dengan kerajaan atau parti.

Di peringkat yang terakhir, jika boleh, akhbar harus mengelak diri daripada dicap lidah rasmi kerajaan. Akhbar masih boleh dimiliki oleh parti politik tetapi ia lebih terbuka sifatnya, dengan mengambil kira pelbagai pandangan.

Sebagai mengakhiri penulisan ini saya ingin memetik kata-kata timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Persidangan Agung Confederation of ASEAN Journalists pada 20 Mac 1996 yang

berbunyi seperti berikut:

"Our media must include debate on issues of public concern, becoming a vehicle for the contest of ideas and cultivating good taste."

(Media kita harus memasukkan perbahasan mengenai isu yang menjadi prihatin umum, menjadi jentera pertandingan idea dan memupuk cita rasa yang baik).

*(Mingguan Malaysia,
31 Mac 1996)*

TIADA LAGI SUARA MELAYU?

Oleh M. Noor Azam

"Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli. Tidak berani bersuara lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka jika tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa. Inikah Melayu yang mahu kita bariskan?"

-Daim Zainuddin-

APAKAH UMNO tidak jadi "suara Melayu" lagi? Apakah semua orang Melayu telah jadi dayus dan penakut? Melayu berani jenis apakah dan berani untuk apakah, yang kita perlukan sekarang? Apakah yang menjadi tuntutan dan perjuangan Melayu sekarang? Atau tidak ada tuntutan dan perjuangan lagi?

Apakah kita masih perlu jaguh ala-Mahathir, ala-Musa dan ala-Anwar tahun 60-an dan 70-an? Apa sudah jadi dengan gagasan Melayu baru? Apakah kita mahu kembali kepada pendekatan perkauman?

Banyak lagi pertanyaan yang timbul setelah membaca tulisan A. Kadir Jasin dan Daim Zainuddin dalam Mingguan Malaysia, 18 Februari dan 10 Mac. Saya berasa tercabar dan dicabar oleh pertanyaan-pertanyaan ini.

Kadir Jasin bertanya: "Masih adakah suara yang mewakili orang Melayu" dan "siapakah dalam struktur kuasa

yang bercakap bagi pihak orang Melayu mengenai hal-hal pokok seperti bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi?" Dan apakah UMNO dan kerajaan sekarang boleh dianggap sebagai suara Melayu?

Memang bahasa masih menjadi isu penting. Tetapi kelompok yang dulunya menyuarakan secara gigih dan lantang mengenai politik bahasa, sudah tidak ada lagi. Yang adapun sudah tua. Tidak kuat lagi. Permuafakatan bahasa dan budaya tidak kompak lagi.

Jika dulu karyawan DBP mengarak "Keranda 152" ke pejabat Tunku (Perdana Menteri), sekarang pertemuan mengenai isu bahasa pun hampir tidak ada lagi. DBP tidak lagi jadi kubu dan tonggak perjuangan bahasa. Guru-guru Melayu dan badan-badan bahasa-penulis budaya pun sudah malap. Seperti Cawangan dan Bahagian UMNO, Pemuda dan Wanita UMNO, badan-badan ini meminta-minta naungan dan dokongan tokoh-tokoh politik. Tidak berdaya berdikari. Kalau tidak diberi sokongan, marah. Bila disokong jadi manja dan lemah. Lagipun persoalan bahasa sekarang lebih akademik, lebih bersifat ilmu daripada politik. Oleh itu golongan "Cendekiawan Melayu" bersuara dengan nada lebih jinak dan lunak. Dulu tidak ada pakatan "cendekiawan"!

Kebudayaan memang isu yang tidak pernah selesai. Tetapi juga sering timbul - tenggelam dan kabur. Para peminat dan pendokong kebudayaan sendiri, kelihatan seperti tidak tahu apa sebenarnya yang perlu dibuat mengenai kebudayaan ini.

Perkembangan dan perubahan berlaku begitu cepat-kuat-hebat, melanda seluruh kehidupan sosial-politik-ekonomi kita, bagi banjir besar yang tidak terkawal. Memanglah ada di antara banjir itu akibat buatan kita!

Banyak yang menganggap soal bahasa dan kebudayaan adalah urusan orang-seni-budaya. Malah yang dimaksudkan dengan kebudayaan itu pun sering tidak jelas. Sekarang orang bercakap tentang budaya ilmu, budaya kerja dan budaya politik. Jadi kebudayaan sudah mendapat

dimensi baru. Badan-badan dan tokoh-tokoh seni-budaya nampaknya seperti tidak berminat dengan dimensi baru ini.

Nampaknya tidak ada lagi kelompok yang berasa bahasa dan budaya Melayu masih terancam, kecuali seorang dua seperti Dr. Nik Safiah. Maka pejuang bahasa-budaya seperti tidak diperlukan lagi.

Pendidikan dan ekonomi masih tetap jadi isu yang penting dan mendapat perhatian ramai. Akan tetapi dimensinya juga sudah berubah. Maka sukar difahami dan memerlukan penelitian yang serius. Perlu kajian, bukan ledakan! Kerja keahlian. Bukan lagi kerja penunjuk perasaan di jalanan dan pemidato bersemangat di dewan-dewan.

Politik - isu paling menarik dan paling utama - juga sudah jauh berubah. Tidak lagi seperti zaman Tunku dan Tun Razak. Dalam UMNO, bahkan dalam masyarakat Melayu, yang menjadi persoalan bukan lagi nasionalisme Melayu. Yang menjadi isu adalah perebutan jawatan, pergelutan politik kelompok dan rasuah politik. Yang diperjuangkan adalah cita-cita politik individu dan kelompok, bukan parti dan bangsa. Lantas yang kita saksikan adalah suara-suara individu dan kelompok. Ada "team wawasan" umpamanya. Team orang itu dan team orang ini. Suara Melayu hilang. Tidak diperlukan dalam keadaan sekarang.

Orang tidak lagi bercakap tentang Melayu. Baik politik mahupun ekonomi. Tidak juga tentang kuasa politik dan kuasa ekonomi Melayu. Tetapi tentang percaturan politik individu dan kelompok, dan tentang persoalan pengagihan kontrak dan projek penswastaan. Juga tentang isu-isu korporat. Bukan gaya orang politik lagi. Tokoh-tokoh pimpinan Pemuda macam tokoh korporat. Pemuda yang mereka pimpin pun ingin sekali mengikut jejak para pemimpin mereka. Jadi ahli perniagaan, bukan ahli perjuangan.

Kita mulai bercakap tentang globalisme, regionalisme dan politik-ekonomi sejagat. nampaknya Timbalan Perdana Menteri yang masih bercakap tentang kemiskinan, MARA

dan rumah murah.

Pada pendapat Kadir Jasin, "perubahan besar dalam struktur kuasa politik orang Melayu sejak kebelakangan ini" menyebabkan "kekaburuan garis pemisah antara suara orang Melayu dengan suara UMNO dan suara kerajaan". Menurut Kadir Jasin, Pemuda UMNO pun, seperti sudah kehilangan arah dan sasaran perjuangan.

Daim Zainuddin berpendapat, "Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli" dan "tidak berani bersuara lagi".

Sebenarnya dari dulu pun suara UMNO dan suara kerajaan adalah sama dan satu. Seringkali suara Melayu pun dianggap sama. Walaupun ada juga yang berbeza, pokoknya selalu sama. Meskipun dalam zaman Tunku dan Tun Razak kekuatan politik UMNO dan Melayu tidak sekuat selepas 1990, namun UMNO dan kerajaan adalah satu dan sama. Pernah pada satu ketika timbul persoalan:

Apakah UMNO yang mesti menguasai kerajaan atau kerajaan yang menguasai UMNO?

Persoalan ini timbul, kerana waktu itu UMNO kelihatan seperti tidak berfungsi lagi. Isu ini timbul, kerana berlaku pembuatan keputusan kerajaan yang dilihat merugikan dan tidak memenuhi tuntutan UMNO dan Melayu. Dan juga, politik perkauman bukan Melayu pun, cukup kuat. Peristiwa 13 Mei masih menghantui orang Melayu dan UMNO.

Maka, waktu itu, ada yang mencadangkan agar Presiden UMNO tidak dilantik menjadi Perdana Menteri. Ketua parti dan ketua kerajaan mestilah orang yang berlainan. Tujuannya supaya parti boleh menguasai kerajaan, kerana waktu itu didapati Perdana Menteri seperti tidak mematuhi kehendak parti. Maka parti mestilah menguasai kerajaan, bukan sebaliknya. Kerana yang diberi mandat oleh rakyat dan yang menubuhkan kerajaan adalah parti yang menang pilihan raya. Akan tetapi isu ini hilang begitu sahaja.

Yang jelas, suara Melayu yang gigih dan lantang

muncul, apabila orang Melayu berasa tertekan dan tergugat, dihina dan terancam masa depan dirinya dan anak cucunya.

Suara lantang Melayu timbul apabila pemimpinnya tidak tegas dan tidak mampu memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu, dan apabila wujud kemunduran yang ketara di kalangan masyarakat Melayu. Sekarang, dalam banyak hal, pencapaian kita jauh lebih daripada yang kita harap dan perjuangkan dulu.

Maka, soal "kekaburuan" dan "keberanian" mungkin tidak timbul. Dulu pun tokoh-tokoh UMNO yang mendapat kedudukan tidak pernah lantang, kecuali beberapa orang tertentu. Tetapi suara Melayu di luar UMNO tetap lantang.

Dalam tahun 80-an, suara tentang Melayu paling hebat ialah suara Team B pimpinan Tengku Razaleigh. Ucapan dasarnya 'Kemungkaran Ekonomi dan Politik' yang mempersoalkan dasar dan gagasan Dr. Mahathir, cukup mendapat sambutan ramai.

Tetapi suara Melayu Team B ini akhirnya hilang juga. Pertama, kerana suara itu timbul serentak dengan pertarungan merebut kuasa, sebagai alternatif kepada pimpinan Mahathir. Dan barisan alternatif ini tewas.

Selepas itu jadilah perpecahan yang mewujudkan dua parti Melayu yang menumpukan perjuangan untuk mendapat kuasa melalui pilihan raya 1990. Suara Melayu bertukar menjadi suara parti pembangkang melawan suara parti pemerintah.

Sementara itu Mahathir terus melaksanakan semua gagasannya, sehingga terbukti apa yang dipersoalkan hampir tidak boleh dipersoalkan lagi. Walaupun gagasan Mahathir tidak semua berjaya 100 peratus, namun ternyata benarnya dan betulnya. Gabungan Mahathir-Daim tidak saja berjaya memulihkan kemerosotan ekonomi, tetapi juga merancang dan mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang sihat dan mantap. Tidak semua langkah dan tindakan Tun Daim dipersetujui, tetapi kejayaannya membuat kita menerima dan diam. Kejayaannya jauh mengatasi kelemahannya.

Selepas 1990, Mahathir dan UMNO lebih kuat dan cukup gagah, dibandingkan dengan kedudukan Perdana Menteri dan UMNO sebelum 1990. Gagasan dan tindakan lama dan baru diperhebat. Dalam semua bidang, Mahathir sendiri tidak saja menjadi Perdana Menteri, pemikir dan perancang; tetapi juga seorang pekerja yang tidak pernah kenal jemu dan penat.

Maka ada antara kejayaan yang kita capai, sebenarnya tidak pernah dimimpikan 15 tahun yang lalu. Peluang dan kemudahan disediakan. yang diminta adalah melengkapkan kemampuan dan ketrampilan, menjalankan tugas masing-masing dan bekerja kuat.

Oleh itu, persoalannya bukan tidak berani, tetapi tidak cukup kemampuan untuk mengeluarkan "suara" yang selaras dengan pencapaian dan tuntutan serta dimensi baru. Sebab tidak mampu itu tentulah macam-macam.

Akta Pendidikan baru umpamanya, bukan lagi sekadar isu politik massa, tetapi isu ilmu dan ketrampilan yang dituntut zaman. Maka yang kita perlukan bukan sekadar keberanian bersuara, bukan keberanian politik, tetapi keberanian ilmu.

Justeru peluang dan kemudahan yang wujud sekarang, perlulah segera dipergunakan semaksimum mungkin. Kerana keadaan yang wujud sekarang - baik politik maupun ekonomi - tidak mungkin kekal selama-lamanya.

Dan suara politik serta tentang Melayu akan muncul lagi, apabila kekuatan politik dan ekonomi Melayu tercabar dan tergugat; apabila parti Melayu dan pemimpin Melayu yang berkuasa tidak lagi mampu mempertahankan keutuhan kuasa politik dan kepentingan orang Melayu. Waktu itu jaguh-jaguh Melayu akan muncul lagi. Insya-Allah.

(*Esei ini pertama kali tersiar dalam 'Dewan Masyarakat', April 1996.*

Diterbitkan semula dalam Utusan Malaysia, 22 April 1996)

SUARA CERDIK PANDAI MELAYU TIDAK LAGI LANTANG

Oleh Abu Bakar Hamid

RENCANA A. Kadir Jasin (Mingguan Malaysia 18 Februari 1996) telah mencetuskan suatu polemik tentang ketidaklantangan suara "yang mewakili masyarakat Melayu secara bebas dan berasingan daripada pandangan kerajaan". Pada mulanya rencana ini kelihatannya kurang mendapat perhatian, barangkali kerana terbit dalam masa kesibukan cuti perayaan.

Apabila Daim Zainuddin menyahutnya (Mingguan Malaysia 10 Mac 1996) persoalannya menjadi hangat diperbincangkan.

Bahawa persoalan ini dibangkitkan oleh dua tokoh yang berpengaruh dan telah menikmati kejayaan dalam bidang masing-masing tidak perlu menimbulkan syak wasangka bahawa ada udang di sebalik batu dan mereka menangguk di air yang keruh (Mingguan Malaysia 17 mac 1996). Saya mengucapkan syabas kepada mereka dan kepada Mingguan Malaysia yang telah membuka gelanggangnya sebagai wadah dialog ini.

Menurut Kadir, "...kita hampir-hampir tidak lagi mendengar pandangan daripada UMNO atau suara yang mewakili masyarakat Melayu secara bebas dan berasingan daripada pandangan kerajaan".

Apa yang dikatakan oleh Kadir itu memang banyak kebenarannya. Bagaimanapun, ramai cerdik pandai

merasakan bahawa akhbar Melayu, terutama akhbar arus perdana, telah tidak bersedia untuk menjadi wahana pemikiran dan pandangan yang berlainan daripada suara rasmi kerajaan.

Sebagai suatu contoh kecil, pada waktu awal-awal Universiti Malaya mengumumkan hasrat untuk mengkorporatkan badan itu, suatu forum telah diadakan yang disertai oleh tiga orang profesor yang berpengalaman. Akhbar arus perdana tidak memuatkannya sedangkan pandangan-pandangan yang diutarakan sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada usaha mengkonsepsikan gagasan pengkorporatan universiti itu.

Apabila Harakah memuatkannya (malangnya liputannya tidak begitu tepat), ada yang menuduh bahawa peserta forum itu telah dipergunakan oleh pihak pembangkang.

Kini sudah timbul semacam kekeliruan tentang konsep kesetiaan, baik kepada kerajaan ataupun kepada negara. yang mempunyai pendapat yang berlainan dan berani menyuarakannya sering dilabel sebagai tukang kritik dan dipersoal kesetiaannya. Seolah-olah yang mengemukakan pandangan yang berlainan itu tidak memberikan apa-apa sumbangan sedangkan semua orang tahu bahawa hanya apabila sesuatu isu itu diperdebatkan dan dilihat daripada pelbagai sudut pandangan barulah ia menjadi jernih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim mahukan media turut serta mendebatkan secara sihat isu-isu keprihatinan awam dan menjadi medan pertembungan idealisme serta membentuk citarasa yang baik (Asian Wall Street Journal 26 Mac 1996). Ini saranan yang amat bernalas. Bagaimanapun ia memerlukan sekelumit toleransi dan kesabaran daripada pihak yang berkuasa.

Kekurangan perdebatan tentang isu-isu semasa yang menyangkut kepentingan Melayu barangkali juga berhubung dengan tabiat pendeklegasian. Orang Melayu secara umum menerima konsep pendeklegasian ini secara harafiah dan sungguh-sungguh. Mereka mendelegasikan kepada UMNO untuk mempertahankan dan menguruskan hal-hal

berkaitan dengan kepentingan Melayu. Ahli-ahli UMNO di peringkat bawah mendelagaskan ini kepada ketua cawangan. Ketua cawangan kepada ketua bahagian. Selanjutnya kepada MKT dan seterusnya kepada Presiden.

Saya teringat kepada sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Gagasan ini bukan bermula daripada UMNO, melainkan daripada segelintir cerdik pandai Melayu.

Malahan Menteri Pendidikan dan Perdana Menteri pada waktu itu menentangnya dengan kuat. Tetapi berlaku perdebatan yang hangat dalam akhbar. Akhbar pada waktu itu memainkan peranan utama sebagai medan perdebatan isu tersebut.

Di samping itu terdapat pula ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO sendiri seperti Syed Nasir Ismail, Syed Jaafar Albar dan Dr. Mahathir Mohamad yang bukan saja menyokong gagasan tersebut tetapi bersedia memimpin gerakan menaja penubuhan universiti itu. Pemuda UMNO dan beberapa pemimpin UMNO di peringkat negeri juga menyokong gerakan itu. Tanpa senergi antara cerdik pandai Melayu luar dan dalam UMNO serta kerjasama akhbar tidak mungkin konsep Universiti Kebangsaan itu menjadi kenyataan. Saya percaya banyak lagi pencapaian yang lain, termasuk kegiatan ekonomi yang penting lahir daripada perdebatan yang sihat sungguhpun sering kali sengit di kalangan cerdik pandai. Pun akhbar pada waktu itu tidak pernah ketinggalan menjadi wahana dan penyambung lidah orang Melayu.

Baru-baru ini empat Akta Pendidikan telah diluluskan oleh Parlimen dengan perdebatan yang minimal sekali dalam akhbar Melayu. Saya diberitahu, perbincangan mengenainya dalam akhbar Cina meluas sekali.

Apakah seluruhnya dalam Akta itu menguntungkan Melayu, mendaulatkan bahasa Melayu dan tidak bercanggah dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan?

Untuk menyambung hujah tentang amalan delegasi tadi, kita boleh bertanya berapa orangkah pemimpin

UMNO, pemimpin Pemuda UMNO dan cerdik pandai Melayu yang telah berkesempatan meneliti Akta-akta itu daripada muka awal hingga muka akhir sehingga berpuas hati bahawa kepentingan Melayu sudah terjamin di dalamnya?

Sesudah berkata demikian, rasanya tidak juga tepat untuk mengatakan para pemikir Melayu hari ini sudah seratus peratus bungkem. Masih terdapat cerdik pandai Melayu yang cukup prihatin terhadap nasib masa depan bangsanya.

Di antara mereka, bolehlah dikatakan terdapat dua golongan. Mereka yang merasa "tidak diterima" oleh pihak berkuasa atau merasakan pandangan mereka yang berlainan itu tidak diterima oleh pihak berkuasa, melakukan perbincangan dalam kumpulan-kumpulan kecil dan menyebarkan pandangan mereka melalui cara-cara mereka sendiri seperti mengedarkannya kepada teman-teman. Selain itu, perbincangan tentang isu semasa Melayu berjalan rancak di kantin universiti, kedai kopi, hotel dan majlis-majlis kenduri.

Mereka yang bernasib baik kerana "diterima" mendapat undangan untuk bercakap dalam forum-forum tertutup dan duduk dalam "pasukan pemikir" yang ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin tertentu. Biasanya perbincangan dalam suasana tertutup itu amat terbuka. Daripada pengalaman, saya sering kagum dengan kesabaran dan emphatic listening skill yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi apabila mereka hadir dalam perbincangan.

Bagaimanapun, akhir-akhir ini sudah ramai peserta "pasukan pemikir" ini yang menyuarakan rasa kecewa kerana tidak kelihatan adanya tindakan susulan. Apakah hasil daripada perbincangan-perbincangan ini? Malahan ada yang sudah menjadi sinis dan menganggap penubuhan "penubuhan pemikir" ini bertujuan melepaskan ngap semata-mata atau untuk kepentingan tertentu yang amat terbatas.

Kini kelihatannya iklim perdebatan sihat sudah pulih semula, maka sewajarnya para cerdik pandai Melayu memanfaatkannya. Masa berlalu seperti kilat sedangkan banyak isu telah tampil dan pergi tanpa perbahasan yang saksama. Apa telah terjadi kepada Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan? Kepada slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan penerapan nilai-nilai Islam?

Apakah "nilai-nilai Asia" itu? Tidakkah bagi kita nilai-nilai Islam itu jauh lebih jelas, mantap dan mudah dipegang? Tidakkah lebih tepat jika kita menerima semua nilai universal yang positif tanpa mengira asal-usulnya, Asia atau Eropah? Saya kira ini semua memerlukan perdebatan.

Pemimpin agung kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menggariskan arah tujuan negara kita melalui Wasana 2020. Kita mahu membangun dengan cara kita sendiri, dalam contoh kita sendiri, yang lain daripada negara maju yang lain.

Sementara itu kita juga mendengar ura-ura bahasa Inggeris akan digunakan untuk pengajaran sains dan teknologi. Akta Pendidikan yang baru membolehkan universiti asing menubuhkan cawangannya di sini.

Apakah dengan meminjam teknologi asing, sistem pendidikan asing dan bahasa asing kita akan berhasil membangun dengan cara kita sendiri? Inipun isu besar yang perlu diperdebatkan.

(Mingguan Malaysia, 7 April 1996)

TIUPAN ANGIN PERUBAHAN?

Oleh Syed Husin Ali

RENCANA pendek Tun Daim Zainuddin berjudul "Orang Melayu hilang keberanian" (Mingguan Malaysia, 10 Mac 1996), masih menarik perbincangan panjang. Perkara-perkara yang dikemukakan Daim bukanlah baru, bahkan pernah disuarakan orang lain sebelumnya. Akan tetapi, oleh kerana dikemukakan oleh seorang tokoh penting lagi berpengaruh, ia diberi perhatian istimewa.

Ada orang bertanya mengapakah baru sekarang Daim bersuara begini? Bukankah beliau selama ini terlibat dengan sistem yang telah mengakibatkan orang Melayu menjadi tidak berani? Terlepas daripada pertimbangan tentang faktor ketokohan Daim ataupun niatnya, tidak dapat dinafikan bahawa pandangan-pandangan yang terkandung dalam rencananya perlu terus dibicarakan agar suatu natijah yang berguna tercapai.

Ada tiga pendapat penting yang dikemukakan Daim dalam artikelnya. Pertama, ramai "Melayu kini hanya meningkatkan kekayaan saja." Mereka berebut menjadi pemimpin UMNO kerana ada balasan (iaitu pangkat dan harta). Yang dilantik memegang jawatan penting dengan kerajaan ataupun swasta sering tidak boleh menyuarakan kepentingan orang Melayu.

Kedua, walaupun ada sebilangan kecil orang Melayu yang berani bersuara, mereka tidak diberi peluang. Bagi

Daim "akhbar-akhbar begitu berjaya sekali membisukan suara Melayu." Beliau mahukan pandangan berlainan diberi peluang untuk disuarakan, umpamanya terhadap pertumbuhan ekonomi, Akta Pendidikan dan rasuah, dan pandangan yang baik perlu diterima.

Ketiga, mungkin akibat dua perkara di atas, orang Melayu "menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi." Daim menyatakan betapa pentingnya proses melahirkan "pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran bernes kalau mahu terus maju."

Rencana Daim ini sebagai reaksi kepada artikel Datuk A. Kadir Jasin, Ketua Pengarang New Straits Times, yang diterbitkan oleh Mingguan Malaysia tiga minggu lebih awal, pada 18 Februari 1996, dengan judul "Suara Melayu, UMNO dan Kerajaan." Pendapat pertama yang dikemukakan Daim adalah berasaskan pandangan yang dihuraikan dengan lebih panjang oleh Kadir. Kadir kecewa kerana mengikutnya sudah tidak ada lagi dalam UMNO "suara yang mewakili orang Melayu dan rakyat pinggiran."

Pada pandangan Kadir, empat faktor menyebabkan hal ini iaitu:

- Hampir semua anggota Majlis Tertinggi UMNO diberikan jawatan kerajaan.
- Pemuda UMNO sudah menjadi sebahagian daripada establishment.
- Tidak ramai pemimpin muda UMNO, berasal daripada golongan tertindas atau mempunyai idealisme, dan,
- Politik dianggap sebagai kerjaya untuk mendapat kuasa politik dan ekonomi. Kadir bimbang bahawa sekiranya perkara ini berlanjutan, maka kemampuan menyuarakan kepentingan orang Melayu akan bertambah tumpul.

Seterusnya, beliau berpendapat suara Melayu perlu memandangkan berlakunya beberapa perubahan yang

mungkin boleh melunturkan lagi identiti serta kewibawaan Melayu dan meminggirkan lagi mereka.

Antaranya ialah wawasan yang "menegaskan jatidiri kita sebagai bangsa Malaysia," proses globalisasi yang menantang dari "segi kebangsaan, kesenian, kebudayaan dan nilai," dan pengaruh teknologi yang akan mengubah cara orang Melayu belajar berfikir dan bertindak.

Untuk memastikan adanya golongan yang boleh menyuarakan dengan kuat kepentingan Melayu, Kadir berpendapat perlulah diwujudkan pemisahan kuasa di antara UMNO dengan kerajaan. Juga, Pemuda UMNO terutamanya hendaklah lebih prihatin kepada nasib rakyat Melayu, khususnya daripada golongan bawahan.

Daim dan Kadir menekankan faktor luaran yang mempengaruhi tindakan serta sikap orang Melayu hari ini. Penumpuan mereka ialah kepada bidang politik. Saya berpendapat ini agak tepat. Namun ada beberapa faktor luaran lain yang tidak kurang penting dan perlu diberi perhatian juga.

Bersama-sama perkembangan ekonomi kapitalis dan politik wang sekarang, nilai kebendaan semakin meluas di kalangan masyarakat. Ramai yang lebih mementingkan keuntungan diri sendiri serta suku-sakat dan kurang mengambil berat akan hal-hal keperluan umum.

Kepentingan individu lebih diutamakan daripada kepentingan masyarakat dan ketamakan mengatasi keprihatin atau kebajikan.

Salah satu akibat daripada kelemahan Sains dan Matematik di kalangan kanak-kanak desa dan juga sistem kuota yang ada sekarang lebih ramai Melayu mengikuti kursus-kursus dalam bidang sastera dan kemasyarakatan di universiti dan kemudian bekerja dengan kerajaan.

Sebagai pegawai kerajaan mereka tidak dapat bebas bersuara secara terbuka. Bahkan, ramai mereka yang berkelulusan profesional (sebagai peguam, doktor, akauntan, jurutera atau arkitek) pun sering bergantung kepada kerajaan untuk mendapat peluang kemudahan dan juga

keistimewaan. Jadi mereka pun tidak begitu berani bersuara dan takut dicap itu dan ini.

Undang-undang yang menekan begitu banyak pula dan boleh mengancam segala golongan rakyat. Undang-undang seperti ISA, OSA dan Akta Percetakan misalnya, bukan saja menyekat kebebasan aktivis politik, pekerja, pelajar, wartawan dan penulis, bahkan sudah berjaya menimbulkan suasana serta jiwa takut yang tidak berkesudahan.

Dalam beberapa tahun yang lalu undang-undang ini semakin bertambah, bukan berkurangan. Keadaan ini, bersama sikap negatif semua media (bukan akhbar saja), menjadikan orang dalam ketakutan.

Pada hemat saya, pemisahan kuasa itu baik. Tetapi lebih banyak lagi perubahan lain diperlukan untuk membuat orang Melayu berani. Kita perlu menimbulkan cara serta suasana untuk menambah bilangan Melayu mengikuti kursus-kursus profesional, yang memungkinkan mereka bekerja sendiri secara bebas, di samping mengurangkan mereka yang terikat bekerja dengan kerajaan.

Undang-undang yang menekan serta tidak demokratik perlu dikaji semula, diubah ataupun dimansuhkan supaya fikiran rakyat dapat dibebaskan daripada rasa takut atau terkongkong.

Sistem pendidikan, terutama di peringkat universiti hendaklah melatih pelajar-pelajar berfikir dan berfikir secara kritis.

Selanjutnya saya fikir, walaupun pemidahan kuasa baik, ia belum boleh menjamin dapat melepaskan setengah-setengah orang kuat UMNO daripada belenggu ketakutan. Mungkin mereka yang tidak mendapat kedudukan istimewa akan cuba berkelakuan baik (dengan berdiam diri atau menyokong membuta tuli saja), dengan harapan boleh dipertimbangkan kelak untuk sesuatu jawatan tinggi dalam bidang politik ataupun ekonomi.

Soal yang ditimbulkan oleh Daim tidak semesti terbatas hanya kepada anggota-anggota UMNO saja. Orang Melayu dalam pertubuhan lain, khususnya di luar kerajaan dan

tokoh-tokoh perseorangan yang kritis, perlu juga diberi ruang dan peluang untuk mengeluarkan buah fikiran mereka kepada khalayak ramai melalui pelbagai saluran.

Kebebasan bersuara dan berorganisasi yang dijamin oleh perlembagaan seharusnya tidak disekat dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang mengikat.

Mohd. Safar Hashim dalam artikelnya "Suara Melayu: Bola di kaki akhbar" (Mingguan Malaysia, 31 Mac 1996), mengemukakan beberapa contoh untuk membuktikan bahawa sebenarnya pemisahan kuasa wujud sekarang. Bukti ini tidak begitu kukuh. Akan tetapi, pandangan beliau bahawa hubungan terlalu rapat di antara kerajaan dengan akhbar perlu dilonggarkan, dan akhbar "harus membuka lembarannya kepada pandangan yang berbeza" adalah menarik.

Sebagai tambahan, saya bersetuju juga dengan pendapat Kassim Ahmad dalam artikel "Tidak berani atau berpuas hati?" (Utusan Malaysia, 24 Mac 1996) yang menegaskan dua penghalang kepada suatu kebangkitan baru iaitu:

"Pemikiran mereka yang dipengaruhi oleh arus baru kolonialisme yang datang bersama globalisme dan saki baki sikap feudal dan kolonial di kalangan sesetengah pemimpin dan cerdik pandai yang menganggap might is right yang menyebabkan mereka bersikap kuku besi terhadap fikiran-fikiran yang kritikal." Kassim memuji pandangan Daim sebagai kritik diri yang berani.

Sikap berani atau takut itu adalah satu faktor dalaman. Dua orang penulis, di samping menyetujui sebahagian daripada pandangan Daim juga mengemukakan huraian tentang faktor dalaman yang lain.

Jaafar Rahim dalam "Surat Untuk Tun Daim Zainuddin" menyebut bahawa sekarang "Orang Melayu kita lebih banyak dengar orang yang berkuasa daripada orang yang tidak berkuasa" (Utusan Malaysia, 13 Mac 1996), tidak kira betul atau salah. Bahkan mengikutnya, mereka lebih banyak mendengar dan percaya kepada orang asing. Saya bersetuju dengan inti pandangan Jaafar, walaupun

tidak dengan nada artikelnya.

Rustum A. Sani pula dalam artikel berjudul "Suara berani, suara sumbang," melalui kolumn其实 (Utusan Malaysia, 18 Mac 1996) meragui pendapat bahawa orang Melayu tidak berani. Baginya bukan keberanian yang kini hilang, akan tetapi "kefahaman yang mendalam tentang destiny kita sebagaimana yang telah diimpikan dan diperjuangkan oleh para nasionalis yang mendahului kita." Pada hemat beliau, hal ini telah banyak berlaku betrayal terhadap unsur-unsur perjuangan nasionalisme Melayu itu. Perhatian beliau ini menarik sekali.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Zainuddin Maidin (Zam) dan Ketua Pengarang Berita Harian, Datuk Nazri Abdullah nampaknya kurang bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Daim serta Kadir. Dalam artikelnya "Daim Menangguk Di Air Keruh?" (Mingguan Malaysia, 17 Mac 19986) Zam nampaknya lebih mempersoalkan tujuan Daim menulis rencananya. Namun demikian saya bersetuju dengan beliau bahawa "manusia dalam kekenyangan" mungkin tidak begitu tertarik dengan soal-soal bahasa, budaya, nasib orang Melayu yang di pandangnya sebagai "bersifat emosi."

Saya tidak bersetuju jika dikatakan "matlamat perjuangan politik adalah kuasa dan wang" semata-mata, walaupun untuk "mengeluarkan diri dari kemiskinan dan kehinaan."

Soal mewujudkan bangsa yang bersatu padu, peranan serta hubungan bahasa dan budaya dengannya, hak asasi manusia, kepentingan masyarakat, kaum dan kelas yang terpinggir atau tertindas, keruntuhan moral, rasuah, alam sekitar dan banyak lagi harus juga diambil berat. Adakah semua ini soal emosi dan harus diabaikan semata-mata kerana dianggap begitu? Tentang mengeluarkan diri daripada kehinaan dan kemiskinan itu, seharusnya jangan sampai mengakibatkan sebilangan ramai rakyat dizalimi atau kebaikan mereka diabaikan.

Nazri pula membawa perspektif yang baru serta

berlainan sedikit daripada pokok perbincangan setakat ini melalui artikelnya "Siapakah Intelektual Melayu" (Berita Minggu, 24 Mac 1996) dengan membawa persoalan takrif serta peranan intelektual.

Saya bersetuju dengan Nazri bahawa bukan akhbar saja yang harus dipersalahkan. Seperti ditegaskan di atas, banyak lagi faktor luaran lain yang perlu diperbetulkan. Namun begitu, saya rasa baik sekali sekiranya akhbar-akhbar Melayu dan media lain mulai lebih terbuka kepada pandangan-pandangan yang kritis terhadap pemerintah.

Begitu juga, saya bersetuju bahawa golongan yang dikatakan intelektual, terutama cerdik pandai yang bertambah ramai di universiti-universiti itu, kurang memainkan peranan sebagai pencetus pemikiran dan pemangkin perubahan baru. Kekurangan di kalangan ramai daripada mereka ini lebih berpunca daripada pelbagai faktor dalaman yang terletak pada diri mereka sendiri.

Akan tetapi kesan persekitaran sosiopolitik mempunyai pengaruh negatif juga terhadap sesetengah intelektual. Sudah tentu kita tidak bersimpati kepada mereka yang kurang rajin, kurang berani akan tetapi lebih suka menjadikan faktor-faktor luaran itu sebagai alasan saja.

Sebagai penutup, saya percaya Daim telah didorong untuk menulis sebegini rupa kali ini bukan dengan apa-apa tujuan untuk mengukuhkan lagi sokongan politik anggota UMNO khasnya dan orang Melayu amnya kepada mana-mana tokoh atau golongan tertentu. Saya harap artikel itu mencerminkan kesedaran tentang satu keperluan baru, iaitu keperluan untuk pemerintah dan semua institusi yang berkaitannya memulakan tradisi yang lebih terbuka.

Tradisi ini sangat penting dipupuk demi perkembangan minda dan kebangkitan rakyat Melayu. Ini sangat penting sekali bagi kemajuan bangsa dan negara.

Adakah tulisan Daim serta segala reaksi kepadanya dan ruangan luas yang dibuka oleh Mingguan Malaysia merupakan tiupan awal angin perubahan?

(Mingguan Malaysia, 14 April 1996)

MEMECAH KEBISUAN INTELEKTUAL MELAYU

Oleh Abd Shukur Harun

ENTAH mengapa secara mendadak tercetus apa yang dikatakan perbahasan mengenai sikap orang Melayu yang kebanyakannya pasif dalam pelbagai isu yang melanda mereka sendiri. Tidak ada suara ketika yang terpancar di media massa khususnya akhbar-akhbar nasional, mengenai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu.

Sesetengah pihak lalu menudung jari menyalahkan akhbar Melayu yang dikatakan tidak bersedia memberikan kebebasan penulis dan golongan intelektual membahaskan hal-hal mengenai orang Melayu. Dengan demikian terpendamlah masalah orang Melayu di dasar hati nurani orang Melayu sendiri tanpa dibahas dan diusahakan penyelesaiannya.

Ada dua isu yang timbul disini apabila tidak ada perbahasan mengenai orang Melayu di media massa. Pertamanya peranan dan sensitiviti golongan yang dipanggil intelek Melayu. Kedua, akhbar-akhbar nasional itu sendiri yang tidak bersedia menyediakan ruang perbahasan mengenainya. Adakah intelak Melayu tidak berminat atau takut menulis untuk memaparkan masalah orang Melayu yang sebenarnya? Ataukah golongan ini telah benar-benar berpuas hati atau 'selesa' dan berasakan orang Melayu tidak ada masalah lagi, dan kerana itu tidak ada apa-apa lagi yang perlu diluahkan didada akhbar. Ataupun kemung-

kinan intelektual Melayu itu menyedari lebih awal bahawa kalau mereka menulis secara kritikal mengenai masalah orang Melayu, tidak mungkin akhbar nasional bersedia memberikan ruang.

Bayangkan kebimbangan ini mungkin ada asasnya tapi kata sesetengah pihak, 'belum cuba belum tahu'. Tulis dulu dan hantar kepada pengarang akhbar, kita lihat samada mereka mempunyai sikap terbuka atau tidak.

Sesetengah pihak pula menuduh jari kepada golongan intelektual Melayu sendiri yang tidak berani ataupun tidak berminat untuk menulis hal-hal yang kritikal mengenai nasib orang Melayu. Mereka menuduh sesetengah golongan intelektual Melayu sendiri bersikap 'lesu' dalam melihat sesuatu isu. Mereka sendiri tidak sensitif terhadap pelbagai isu nasional, malah mereka (intelektual Melayu) sendiri ikut bergelut merebut kekayaan melalui sektor korporat dan sebagainya, sehingga tidak lagi sensitif dan kritikal terhadap nasib bangsanya. Mereka lebih banyak memikirkan periu nasi sendiri dari memikirkan masalah bangsa.

Akhbar nasional tentulah menyediakan alasan mengapa perbahasan kritikal mengenai nasib orang Melayu tidak terpancar di dalam akhbar mereka. Sudah tentu mereka menyalahkan golongan intelektual yang tidak berminat untuk menulis dan menghantarnya ke akhbar nasional. Pengarang akhbar nasional sudah tentu tidak bersedia dipersalahkan dalam hal ini, lebih-lebih lagi mereka merasakan mereka mempunyai hujah kuat untuk mengatakan golongan intelektual tidak berminat menulis hal-hal yang kritikal.

Golongan intelektual Melayu pula sering merungut, jika mereka menulis atau memberikan pandangan kritikal mengenai nasib orang Melayu mereka akan segera dilabelkan sebagai propembangkang. Contohnya, apabila mereka memperkatakan secara kritikal mengenai akta pendidikan yang baru ini, pihak pemimpin berkuasa segera menuduh mereka memihak kepada pembangkang.

Demikianlah kalutnya suasana yang menyebabkan

semakin sukar masalah orang Melayu dibahaskan di media massa.

Satu hal yang sangat menarik dalam isu, entah mengapa secara tiba-tiba tercetus perbahasan mengenai peranan media massa dalam menyuarakan kepentingan orang Melayu. Bermula dengan tulisan pendek Tun Daim Zainuddin, Penasihat Ekonomi Kerajaan yang seperti mengeluh kerana menurutnya tidak ada lagi orang yang hendak membawa masalah orang Melayu atau dibincangkan diakhbar. Kemudian berlarutanlah tulisan Zainuddin Maidin, bekas ketua pengarang Utusan Melayu dan seterusnya beberapa penulis lain yang turut membahaskan isu ini, antaranya Kassim Ahmad, Jaafar Rahim, Rustam Sani, Prof. Abu Bakar Hamid, Mahathir Mohd Khir, Syed Husin Ali dan ramai lagi.

Walau apapun warna dan watak perbahasan yang timbul ini rasanya adalah suatu petanda baik bahawa dalam suasana beku dan lesu selama ini sejak 20 tahun dulu telah ada riak dan minat sesetengah pihak untuk bersuara kembali, menyatakan hal-hal yang dirasakannya wajar untuk diketengahkan. Suasana bungkam selama ini mungkin didorong oleh iklim politik yang sedemikian rupa dirasakan sudah wajar diakhiri.

Isu-isu besar memang banyak melimpah dikalangan masyarakat Malaysia sejak akhir-akhir ini, khususnya dikalangan orang Melayu sendiri. Akta Pendidikan yang baru, isu mertabat bahasa Melayu, pengambilan tanah orang Melayu atas nama pembangunan, isu alam sekitar, rasuah, dan nepotisme andalah antara isu-isu hangat yang melimpah. Tidak mungkin isu-isu ini dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa diberikan perhatian kerana ia memberikan kesan mendalam kepada kedudukan, kewibawaan dan ekonomi orang Melayu sendiri.

Memang wajar perbahasan mengenai isu-isu ini dilakukan secara meluas dan ilmiah di dada akhbar supaya dengannya akan dapat dicari rumusan untuk membaikpulih kerosakan dan kesilapan serta kekurangan yang telah

berlaku dan dilakukan.

Sudah sampai masanya pemimpin politik dan pengarang akhbar nasional mempunyai sikap terbuka dan profesional dalam menangani hal ini. Dengan kemajuan pemikiran rakyat Malaysia, ditambah dengan teknologi baru khususnya teknologi mekalumat - Internet umpamanya - rakyat khususnya orang Melayu menuntut media massa memberikan kebebasan secukupnya untuk mereka mendapat maklumat dan membahaskan maklumat itu sendiri. Keluh-kesah intelektual Melayu kerana tidak mendapat tempat di media massa bagi menyuarakan pandangan mereka sudah sangat wajar diberi perhatian.

Tidak ada apa yang ditakuti dalam perbahasan ilmiah dan profesional seperti ini kerana yang 'menang' dalam perbahasan ini adalah kebenaran, sementara yang akan tewas ialah kepalsuan dan kebatilan. Islam sendiri sebagai agama besar dan unggul sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi sudah menggalakkan perbahasan dan pertukaran fikiran yang sihat dan rasional dalam batas-batas yang dibenarkan oleh akhlak Islam. Perbahasan diantara Rasulullah S.A.W. dengan tokoh intelektual Quraisy, Uthbah bin Rabiah adalah contoh terbaik bagaimana Baginda sanggup berbahas dengan tokoh Quraisy itu dalam pelbagai isu besar dengan matlamat mencari kebenaran dan sehingga orang seperti Uthbah itu akhirnya mengakui kebenaran Islam, walaupun menurut riwayat, orang ini tidak memeluk Islam.

Islam mempunyai kaedah dalam perbahasan dan berhujah. Pertamanya, niat atau tujuan perbahasan itu tidak bermaksud menghina atau merendah-rendahkan sesiapa; tidak terkeluar dari mauduk perbahasan dalam erti kata sebenarnya; tidak menyalahi prinsip Islam; berbahas dengan kata-kata jernih, baik dan sopan, menghindarkan fitnah dan tuduhan, hujah-hujah yang dikemukakan berasaskan fakta; dan yang terpenting sekali semua perbahasan itu merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah.

Andainya perbahasan mengenai masalah orang

Melayu ditangani dalam suasana demikian, yakni menurut akhlak Islam, sudah tentu dapat dicari kebenaran. Kerana niat untuk berbahas dan berhujah didorong oleh hasrat untuk mencari kebenaran dan keredaan Allah S.W.T. bukan kemenangan politik atau peribadi seseorang.

(Majalah Tamadun, Mei 1996)

TULISAN DAIM: BUKAN KERANA TAK BERANI

Oleh Nasrul Hadi

SEBUAH rencana yang ditulis oleh penasihat ekonomi Keajaan, Tun Daim Zainuddin dalam Mingguan Malaysia pada 10 Mac lalu menggemparkan ahli-ahli pemikir dan juga para ilmuan kita.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri mengulas tulisan Tun Daim itu. Dalam satu kenyataan pada para wartawan, Mahathir menyatakan tidak bersetuju dengan pendapat bahawa orang-orang Melayu sekarang tidak berani menyuarakan pandangan mereka atau mengkritik pemimpin atasan mereka. Beliau mengulas tulisan Daim yang antara lain menegaskan bahawa orang Melayu sekarang tidak berani bersuara lagi.

Mahathir berkata, orang Melayu sekarang lebih berani daripada dahulu malah beliau sendiri tidak lepas dari menerima kritikan. Bagaimanapun, kata Mahathir keberanian itu hendaklah dalam semua hal.

“Kita kena berani semua. Kita berani menghadapi rakyat, kita berani... bukan sahaja orang atasan, orang bawahan pun kita kena berani cakap,” katanya.

Beliau menyambung, “Saya selalu kritik orang bawahan tetapi banyak orang tak berani kritik orang di bawah takut tidak popular.”

Dalam tulisannya Daim menyatakan orang Melayu sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta

tuli dan lebih suka jika tidak diganggu asalkan peruk nasi selamat.

Mahathir berkata, "Takkanlah saya hendak setuju dengan semua orang lain kata.". Dengan nada berseloroh, Perdana Menteri berkata, "Saya setuju apa yang saya kata."

Tulisan Daim itu memang kontroversial tetapi ia menunjukkan bahawa Daim berani berterus-terang. Sebelum ini Daim pernah mengkritik wartawan-wartawan negara ini kerana tidak berani berperanan sebagai pengkritik.

Katanya, media sekarang terlalu membatasi dirinya sendiri dan tidak berperanan sebagai penyumbang lidah rakyat. Begitulah lebih kurang kata Daim. Beliau tidak mahu akhbar kita hanya sebagai penyampai berita sahaja atau penyampai maklumat sahaja. Kerajaan memerlukan feedback atau maklumbalas dan kalau media hanya memuji sahaja kerajaan tidak akan mendapat maklumbalas yang betul.

Daim juga menyarankan supaya media lebih banyak menulis laporan-laporan yang bercorak investigative atau penyelidikan. Tetapi kecaman Daim itu terhadap media tidak bersambut. Agaknya rencana yang akhir ini yang ditulis oleh Daim dalam Mingguan Malaysia berupa sambungan dan lanjutan dari kritiknya terhadap media beberapa waktu yang lalu. Dengan lain perkataan, Daim nampaknya tidak senang dengan keadaan atau suasana atau sekitaran sekarang. Mungkin kepada Daim sekitaran sekarang tidak merangsang pemikiran yang kritis dari rakyat.

Daim menyatakan orang-orang Melayu sekarang tidak berani bersuara kerana suara mereka ditindas. Orang-orang bukan Melayu pula mempunyai saluran mereka sendiri untuk menyatakan pendapat dan fikiran mereka. Orang-orang Melayu sekarang hanya mengejar kekayaan, kata Daim.

Ada pihak yang bertanya bukan mengenai isi dan kandungan rencana Daim itu atau pun mengupas fikiran

yang dilontarkan oleh Daim ke tengah masyarakat melalui tulisannya itu.

Tetapi mereka bertanya mengapa Daim menulis rencana itu yang terus-terang mengkritik Kerajaan secara tidak langsung kerana kalau tidak berani mengkritik Kerajaan ertinya ada sesuatu yang dilakukan oleh Kerajaan yang tidak berani bersuara akibat dari undang-undang dan peraturan-peraturan yang ketat mengawal fungsi dan peranan media sebagai lidah rakyat?

Media kita sekarang tidak berani bersuara kerana adanya undang-undang OSA dan Undang-undang Percetakan yang mewajibkan media memohon lesen setiap tahun.

Kenyataan tentang orang-orang Melayu sekarang tidak berani bersuara kerana suaranya tertekan menimbulkan pula pertanyaan siapakah yang menekan suara mereka itu. Mengapakah mereka tidak berani sekarang sedangkan pada suatu masa dahulu kita mempunyai juara-juara seperti Mahathir dan Anwar Ibrahim.

Rencana Daim itu boleh dikatakan juga terlalu umum. Beliau tidak mengenalpasti atau menganalisa sebab-musabab serta faktor-faktor yang menyebabkan keadaan letih dan lesu orang-orang Melayu sekarang yang tidak berani bersuara. Orang-orang Melayu sekarang tentu berbeza dari orang-orang Melayu dalam zaman Mahathir, ataupun Tun Razak ataupun Tunku Abdul Rahman.

Priorities orang Melayu sekarang berbeza dari priorities orang-orang Melayu generasi yang lalu. Kini kita menumpukan sepenuh perhatian kepada pembangunan ekonomi. Wira-wira kita sekarang ialah orang-orang korporat Melayu yang meneroka perkembangan ekonomi negara tidak sahaja di tanah air sendiri tetapi di luar negara. Keberanian orang-orang Melayu sekarang ialah dalam bidang-bidang yang tertentu. Keberanian dan kegagahan orang-orang Melayu sekarang tertumpu pada membangun ekonomi negara. Orang-orang Melayu dari tiap lapisan berani menceburkan diri dalam bidang perniagaan sebagai peniaga runcit, sebagai pekedai, sebagai pengusaha kecil

hingga sebagai usahawan korporat.

Orang-orang Melayu sekarang berani melontarkan pendapat dan fikiran mereka tetapi dalam bidang-bidang yang mereka tahu dan juga dalam bidang-bidang pengkhususan mereka. Usahawan-usahawan kita berani menulis tentang wawasan mereka. Wartawan-wartawan kita berani mengkritik pemimpin tetapi secara bertanggungjawab dan secara berdisiplin.

Memang benar seperti kata Perdana Menteri bahawa dia juga dikritik oleh orang. Beberapa banyak buku ditulis oleh penganalisa-penganalisa politik mengkritik kepimpinan Mahathir. Suratkhabar-suratkhabar pembangkang berani mengkritik dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional dalam isu Akta Pendidikan. Pembangkang tidak segan dan silu menyuarakan pendapat mereka mengkritik akta tersebut. Barangkali Daim maksudkan bahawa mereka yang tidak berani mengkritik ialah mereka yang menyokong Kerajaan dalam kalangan UMNO sendiri.

Memang terdapat semacam rasa segan dan malu di kalangan orang-orang UMNO terutama pemimpin-pemimpin UMNO untuk mempersoal tindak tanduk kepimpinan parti.

Kita setuju dengan pendapat Daim yang mengatakan bahawa kritik-kritik terhadap Kerajaan atau pemikiran yang bercanggah dengan nilai-nilai establishment dikesampingkan oleh media.

Pada pendapat saya, dialog antara cendekiawan kita di satu pihak dan kerajaan di satu pihak lagi merupakan satu proses terus-menerus berlaku dalam masyarakat kita melalui media sama ada melalui majalah atau media cetak termasuk media elektronik.

Apakah maksud Daim menyatakan bahawa kita sekarang kekurangan tokoh-tokoh pemikir yang berani menggugat fikiran dan wawasan kepimpinan negara?

Mahathir dalam bukunya 'Malay Dilemma' mengutarakan wawasannya mengenai masa depan Melayu dan sekaligus menggugat pemikiran yang menguasai establish-

ment dalam zamannya.

Yang demikian, apa yang dimaksudkan oleh Daim mungkin bukan kita tidak berani mengkritik Kerajaan atau mengkritik kepimpinan kerajaan tetapi tidak berupaya melontarkan idea dan gagasan yang berupa alternatif kepada idea dan wawasan kepimpinan negara pada masa ini. Kalau inilah yang dimaksudkan oleh Daim maka soalnya bukanlah soal keberanian tetapi soal pemikiran iaitu pemikiran generasi sekarang sudah tandus. Generasi sekarang tidak mempunyai idea, ilham dan gagasan yang baru yang mampu memimpin masyarakat kepada satu arah dan hala yang sesuai dengan keperluan zamannya.

Kita merasa bahawa masalah sekarang bukanlah kerana tidak berani bersuara atau tidak berani bertindak. Masalah pokok sekarang ialah pemikir kita tidak dapat melontarkan dan menampilkkan idea-idea yang boleh mengkomplemen atau mendukung, menokok tambah serta memperhaluskan idea dan gagasan Kerajaan.

Kita hanya mengikut sahaja arus yang dibawa oleh pemikir-pemikir dari pihak establishment. Kita tidak mampu melontarkan idea-idea baru. Kita kurang daya pemikiran, daya imaginasi, daya kreativiti seolah-olah otak kita telah beku.

Orang Melayu sekarang berani malah lebih berani dalam zaman datuk nenek mereka. Ada orang Melayu sekarang yang melakukan rompakan bersenjata, ada orang Melayu yang menjadi pengedar dadah, ada orang Melayu yang sekarang bunuh diri, ada orang Melayu yang pandai menipu bank. Kita sekarang lebih nekad, dalam erti kata kita tidak kira akibat perbuatan kita melakukan kesalan-kesalahan jenayah yang tidak pernah dilakukan oleh datuk nenek kita di zaman lalu. Tetapi apa yang menjadi kekurangna kita ialah mengisi wawasan masa depan generasi kita.

Mengisi wawasan itu dengan kekuatan pemikiran kita. Soalnya bukanlah kita tidak berani tetapi masalah yang dihadapi oleh kaum intelektual kita sekarang ialah ke-

tidakupayaan mereka mengisi dan memperkuat pemikiran pemimpin-pemimpin kita dengan idea dan gagasan mereka sendiri.

(*Nusantara*, Mei 1996)

PERANAN INTELEK MELAYU

Oleh Sanusi Osman

PERBINCANGAN tentang peranan intelek Melayu akan lebih mudah sekiranya kita dapat menentukan siapa intelek Melayu itu? Seorang intelek bukan saja mempunyai lebih banyak ilmu pengetahuan tetapi ia juga mempunyai kebolehan dan kemahiran untuk berfikir. Perkataan intelek itu sendiri diertikan sebagai tajam akal atau mempunyai pemahaman dan daya berfikir yang tinggi.

Oleh kerana itu, seorang intelek seringkali dirujuk sebagai pengkritik sosial. Ia amat berminat untuk mengkaji, menganalisis dan memahami segala persoalan yang wujud dalam masyarakat dan negaranya. Dengan berbuat demikian ia akan dapat membantu mengatasi segala rintangan yang menghalang usaha-usaha bagi mewujudkan peraturan-peraturan sosial yang lebih baik, lebih adil, lebih rasional dan lebih berperikemanusiaan.

Oleh yang demikian, seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan atau memiliki kelulusan tinggi atau memegang berbagai ijazah belum pasti dapat dianggap seorang intelek sekiranya ia tidak berusaha dan tidak sanggup memperkembangkan bidang-bidang pengkhususan mereka atau tidak mencuba mencari penyelesaian kepada masalah yang terdapat di dalam bidang-bidang pengkhususannya itu.

Sebaliknya seseorang yang tidak mempunyai kelulusan akademik boleh menjadi seorang intelek sekiranya ia dapat

menggunakan kebolehan berfikirnya dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang perkara-perkara yang diminatinya. Secara ringkasnya seorang intelek itu adalah seorang pengkritik yang mempunyai pemikiran yang kreatif, tajam dan mendalam. Dengan pemikiran yang kreatif ini, seorang intelek itu dapat memeriksa, mengkaji, membuat teori, mengkritik dan menilai penilaian atau kesimpulan-kesimpulan yang sedia ada tentang sesuatu perkara dengan melihat perkara tersebut secara keseluruhannya.

Golongan Intelek Sebelum Kemerdekaan

Semasa penjajahan Inggeris, banyak keadaan ketika itu yang menekan dan menyekat pertumbuhan golongan intelek ini. Sistem politik pendidikan Inggeris yang diperkenalkan pada masa itu tidak bertujuan menimbulkan ahli-ahli fikir, ahli-ahli teori atau pengkritik masyarakat. Kerana itu tidak ada institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan. Sistem pendidikannya lebih menumpukan kepada usaha untuk melatih dan mengeluarkan kakitangan yang boleh membantu Inggeris menjalankan pentadbiran yang akan diperkenalkan. Oleh sebab itu banyak masalah masyarakat kita pada masa itu tidak dibincangkan secara kritikal oleh ahli cerdik pandai kita. Sebaliknya banyak masalah masyarakat dan negara kita telah dikaji dan dianalisis oleh pengkaji-pengkaji Barat. Pengkaji-pengkaji ini dibawa dari Barat ke negara kita bagi mengisi kekosongan dalam kepimpinan pemikiran itu.

Oleh kerana kepimpinan pemikiran ini dimonopoli oleh mereka yang datang dari Barat, maka persoalan-persoalan yang diketengahkan adalah persoalan yang menyentuh kepentingan penjajah Inggeris itu sendiri; bukan masalah yang dilihat dari kacamata masyarakat kita. Selain dari itu, kajian dan penilaian yang dibuat tentang masyarakat kita pada umumnya adalah berasaskan kepada nilai dan pengukuran masyarakat Barat. Oleh sebab itu, banyak penyelesaian yang cuba dikemukakan tidak berjaya menye-

lesaikan berbagai masalah, baik politik maupun ekonomi atau sosial. Akibatnya, timbulah berbagai pemberontakan dan penentangan terhadap pentadbiran dan kepimpinan mereka.

Sungguhpun begitu terdapat beberapa orang intelek Melayu ketika itu yang tampil ke muka untuk memberi pendapat dan pemikiran mereka yang kritikal terhadap masyarakat Melayu feudal dan sistem penjajahan ini biarpun keadaan politik di zaman itu agak menekan dan mengancam. Mereka adalah terdiri daripada penulis seperti Abdullah Munsyi, Syed Sheikh Al-Hadi dan beberapa orang tokoh politik seperti Dr. Burhanuddin AlHelmy, Zulkifli Hj. Muhammad, Ibrahim Yaakub, Ishak Hj. Muhammad, Ahmad Boestamam dan Dato' Onn Jaafar. Kritikan tokoh-tokoh politik ini terhadap pemerintahan politik dan peraturan sosial di bawah penjajahan Inggeris sangat jelas seperti yang terkandung dalam buku-buku mereka yang diterbitkan.

Selain dari itu, mereka bukan saja menganalisis masalah masyarakat ketika itu tetapi cuba mengemukakan penyelesaian kepada masalah-masalah tersebut. Kerana pemikiran mereka yang agak radikal dan bertentangan dengan kepentingan Inggeris, maka kebanyakan mereka ini dipenjarakan oleh Inggeris.

Ini ternyata sekali bahawa kepimpinan pemikiran yang dimainkan oleh beberapa orang tokoh politik ini menjadi begitu berkesan di kalangan rakyat sehingga membimbangkan pihak Inggeris. Pemikiran yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ini secara tidak langsung telah membantu mendorong perkembangan fikiran rakyat ke arah mencapai kemerdekaan. Ini juga menunjukkan bahawa peranan golongan intelek dalam sesuatu masyarakat amat penting dalam usaha membawa perubahan sosial dalam masyarakat itu.

Selain daripada nama-nama yang telah disebut tadi, Pendita Za'ba juga telah banyak memberi pandangan dan analisisnya terhadap persoalan-persoalan orang Melayu

ketika itu. Begitu juga dengan ASAS 50 yang lantang memperkatakan soal penderitaan, penekanan, kemiskinan dan kemunduran orang-orang Melayu melalui novel, cerpen dan puisi mereka. Di antara tokoh-tokoh sasterawan dan wartawan ASAS 50 yang aktif dan produktif ketika itu adalah Usman Awang, A. Samad Ismail, Keris Mas, Asraf, Masuri S.N., A. Samad Said dan beberapa orang lagi. Setengah daripada mereka ini masih terus aktif dalam kegiatan penulisan hingga sekarang.

Intelek Melayu Sekarang

Golongan intelegensia (berpendidikan dan berkelulusan tinggi) Melayu telah bertambah dengan pesat. Mereka mempunyai berbagai macam ilmu pengetahuan yang dipelajari dan dilatih baik dari universiti-universiti di dalam maupun dari luar negeri. Bilangan mereka bertambah setiap tahun dan kini golongan intelegensia ini terdapat dalam berbagai bidang dan di berbagai peringkat.

Secara umumnya golongan intelegensia ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Pertama, mereka yang bekerja sebagai tenaga pengajar dan pentadbir di universiti-universiti tempatan. Kedua, mereka yang bekerja sebagai pentadbir di kementerian atau di pejabat-pejabat kerajaan. Ketiga, mereka yang tergolong ke dalam golongan profesional seperti peguam, doktor, akauntan, arkitek, usahawan, penulis dan sebagainya. Keempat, mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan politik.

Walaupun golongan intelegensia ini bertambah besar dengan begitu pesat, tetapi perkembangan golongan intelek Melayu agak menyedihkan. Bilangan intelek Melayu yang sanggup dan mampu memberi kepimpinan kepada pemikiran rakyat terlalu kecil bilangannya. golongan yang kecil inilah seringkali mengeluarkan idea dan cuba menyebarkan idea ini ke dalam masyarakat melalui tulisan-tulisan mereka.

Sejarah negara ini membuktikan bahawa golongan

intelek ini mempunyai peranan yang berkesan dalam pembangunan dan perkembangan politik di negara kita. Mereka merupakan conscience (suara hati) rakyat yang senantiasa peka dengan perubahan dan perkembangan masyarakat. Mereka lebih bertanggungjawab dan berperikemanusiaan. Mereka ingin menegakkan keadilan, kebebasan dan kebenaran. Perjuangan mereka ini terbukti dalam banyak peristiwa seperti penglibatan mereka dalam peristiwa Telok Gong dalam tahun 1964; penglibatan untuk mempertahankan kepentingan golongan setinggan seperti di Tasik Utara dan di Kuala Lumpur; peristiwa menentang pengenalan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA); peristiwa memperjuangkan Kedaulatan Bahasa Kebangsaan; peristiwa menyokong tunjuk perasaan kaum tani negara secara besar-besaran di Baling, Kedah pada tahun 1974 dan penentangan hebat terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1975.

Dalam semua peristiwa yang disebutkan di atas tadi, kita dapati golongan intelek kita dari semua kaum telah tampil kemuka bersama-sama untuk melibatkan diri mereka. Dalam keadaan ini, kita saksikan bahawa golongan pensyarah dari Pusat-Pusat Pengajian Tinggi, golongan profesional seperti peguam dan doktor, golongan mahasiswa, golongan penulis, golongan wartawan dan pemimpin-pemimpin dari Kesatuan Sekerja dan Persatuan Pendesak telah berjaya menggabungkan tenaga dan fikiran mereka untuk menegakkan keadilan.

Perpaduan tenaga dan kebangkitan golongan intelek ini paling ditakuti oleh pihak kerajaan kerana pengaruh golongan ini begitu meluas di kalangan masyarakat. Oleh itu, berbagai langkah telah diambil untuk membendung pengaruh golongan ini dan seterusnya melemahkan tindakan golongan undang-undang yang diluluskan untuk menekan kegiatan golongan ini. Tindakan kerajaan ini hampir berjaya melumpuhkan kegiatan golongan intelek ini.

Sungguhpun begitu, oleh sebab mereka ini adalah

suara hati rakyat, semangat perjuangan mereka tidak mudah dipatahkan walaupun beratus jenis undang-undang yang diluluskan untuk menekan dan menutup mulut mereka. Kebangkitan semula golongan intelek ini dapat kita lihat dari penglibatan mereka dalam perkembangan politik baru-baru ini.

Penentangan terhadap zionisme jelas membuktikan perpaduan tenaga dan kepekaan golongan ini. Mereka menjelajah ke merata tempat untuk menyatakan penentangan mereka terhadap lawatan ketua zionis itu ke Singapura. Penentangan ini akhirnya menimbulkan kesedaran yang meluas bukan saja di Malaysia tetapi juga di Singapura.

Berikut dengan peristiwa ini, timbul pula isu OSA atau ARR (Akta Rahsia Rasmi) yang ditentang hebat oleh golongan intelek ini. Walaupun mereka dituduh dengan bermacam-macam tuduhan, mereka tetap tampil memperjuangkan kebebasan, keadilan dan kebenaran itu. Sekarang ARR telah diluluskan oleh kerajaan dengan menggunakan jumlah majoritinya dalam parliment. Tetapi ini tidak bererti bahawa rakyat tidak boleh berbuat apa-apa lagi untuk memansuhkan akta yang menekan dan merbahaya ini.

Sungguhpun begitu, oleh kerana golongan intelek ini agak kecil dan ditambah pula dengan kedudukan mereka yang bertaburan, telah menyebabkan peranan golongan intelek ini tidak begitu berkesan dalam masyarakat kita. Oleh yang demikian golongan ini tidak berjaya memainkan peranannya untuk memimpin pemikiran masyarakat. Kelemahan golongan intelek ini telah memberikan peluang yang baik kepada ahli-ahli politik untuk memainkan peranan sebagai pemimpin pemikiran masyarakat.

Faktor-faktor Penghalang

Banyak faktor telah menghalang perkembangan golongan intelek di negara kita.

1. Sistem pendidikan kita tidak menggalakkan pelajar-pelajar berfikir secara bebas dan menge luarkan idea dengan berani.
2. Sikap *anti-intelectualism* yang terdapat di kalangan pemimpin-pemimpin politik telah menyebabkan segala idea yang dikemukakan oleh golongan intelek seringkali diperkecilkan. Sebagai tindakan balasnya, golongan intelek pula bersikap anti-politik atau anti-pemimpin politik.
3. Sekatan ke atas media massa dan kebebasan bersuara yang dikenakan melalui beberapa peraturan dan Akta seperti Akta Penghasut, Akta Universiti dan Universiti Kolej, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya.
4. Penghidupan selesa yang telah dicapai menyebabkan golongan intelektual ini kurang berminat untuk mengkaji apa lagi membuat kritikan terhadap status quo. Perbuatan demikian ditakuti akan menjaskan keselesaan kehidupan mereka.
5. Ketidaaan peluang untuk menggunakan kebolehan atau kepakarannya. Perkhidmatannya tidak lagi diperlukan atau tidak mendapat simpati daripada ketuanya. Mereka yang terlibat akan merasa diabaikan dan akhirnya cuba mengasingkan diri mereka.

Mungkin ada beberapa faktor lain lagi yang boleh dikemukakan sebagai penghalang kepada pertumbuhan golongan intelek Melayu ini. Sungguhpun begitu lima faktor di atas dikira sudah memadai untuk kita memahami tentang sebab-sebab kelemahan golongan ini.

Kesan Negatif

Ketiadaan golongan intelek yang berkesan di negara kita

telah menyebabkan timbul beberapa keadaan yang mempersulitkan lagi golongan ini untuk memainkan peranan yang sewajarnya. Salah satu kesan negatif akibat ketiadaan pengaruh golongan intelek ini ialah penggubalan banyak dasar yang bertentangan dengan idea dan keinginan golongan ini. Sebagai contoh, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Pengenalan Akta Universiti dan Universiti Kolej, Akta Rahsia Rasmi, amalan demokrasi berparlimen, kebebasan bersuara dan berkumpul, dasar luar negeri, pembentukan bangsa dan sebagainya.

Sungguhpun pekara-perkara yang disebut di atas menimbulkan berbagai masalah dan implikasinya, tetapi tidak ramai intelek kita yang sanggup tampil ke muka untuk membuat analisis yang kritikal terhadap dasar-dasar tersebut. Malah terdapat ramai yang memencarkan diri di menara gading dan ada yang bersikap sebagai penonton.

Dalam keadaan ini, golongan intelek tidak berusaha memimpin dan membentuk pendapat umum. Kerana kelemahan golongan intelek ini juga, kadang-kadang pendapat umum yang ingin dibentuk itu tidak dapat diterima oleh orang ramai. Keadaan ini akan melemahkan semangat golongan ini dan menjadikannya semakin terasing dan apati.

Di Britain, golongan inteleknya sentiasa memainkan peranan penting dalam kepimpinan pemikiran rakyat. Oleh itu, golongan inteleknya menduduki tempat yang penting dan terhormat dalam masyarakat. Begitu juga dengan golongan intelek di Perancis. Ia bukan saja menduduki kedudukan istimewa dalam masyarakat, malah intelek-inteleknya dilihat sebagai orang-orang kenamaan atau masyhur.

Sebaliknya pula, golongan intelek di negara kita tidak menduduki tempat istimewa oleh kerana masyarakat belum nampak sumbangan penting dan konkret yang boleh diberikan kepada mereka. Keadaan bertambah buruk lagi apabila pemimpin-pemimpin politik kita senantiasa menghentam dan mengkritik golongan ini sebagai orang yang pandai berteori saja.

Satu lagi kesan negatifnya ialah setelah mengetahui kelemahan golongan intelek ini, pihak pemerintah tidak lagi memandang berat kepada pandangan dan idea daripada golongan ini. Oleh kerana itu, terdapat beberapa dasar yang dibuat dan dilaksanakan tanpa mengambil kira pandangan dan penentangan golongan ini.

Akibatnya, bukan saja dasar yang dirancangkan itu tidak berjaya mencapai matlamatnya, tetapi timbul pula beberapa masalah yang baru di dalam masyarakat di samping masalah lama yang masih belum selesai lagi.

Ketiadaan golongan intelek yang berkesan adalah juga bertanggungjawab kepada kekurangan kesedaran dan pemahaman di kalangan masyarakat terhadap punca-punca masalah yang terdapat dalam masyarakat dan negara kita sekarang.

Kesimpulan

Masyarakat kita amat memerlukan satu golongan intelek yang berfungsi dan aktif. Perubahan-perubahan sosial yang menyeluruh tidak akan berlaku di negara ini tanpa golongan intelek yang berpengaruh. Oleh itu, usaha-usaha konkret untuk membangun dan memperkuatkan golongan intelek ini perlu dirancang sebaik-baiknya. Di samping itu, usaha-usaha juga perlu dibuat untuk menggabungkan tenaga golongan intelek dari semua kumpulan etnik untuk memainkan peranan dalam kepimpinan pemikiran rakyat di negara ini.

Dengan perpaduan tenaga golongan intelek dari semua kaum ini diharapkan masalah-masalah perpaduan, persefahaman, kebebasan, keadilan, persamaan dan kebenaran akan dapat diperjuangkan dengan lebih berkesan lagi.

Gabungan tenaga golongan intelek ini juga akan dapat menentang sikap anti-intellectualisme dan berbagai bentuk sekatan dan tekanan yang telah dikenakan oleh pemerintah ke atas golongan ini. Moga-moga gabungan tenaga intelek

ini akan dapat bertindak sebagai pengkritik masyarakat yang berpengaruh di negara ini. Dengan cara ini, golongan intelek akan dipandang tinggi dan dihormati bukan saja oleh rakyat tetapi juga oleh pemerintah. Inilah matlamat perjuangan golongna intelek di negara kita.

Rujukan

- Edward Shils, *The Intellectuals and the Powers: Some Perspectives for Comparative Analysis*, *The Intellectuals and the Powers and Other Essays*, University of Chicago Press, 1972.
- Edward Shils, "The Intellectual In Developing Nations", *Dialogue*, Vol. 1, No. 2.
- Keris Mas, 30 Tahun Sekitar Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Paul A. Baran, "The Commitment of the Intellectual" *The Longer View*, Monthly Review Press, 1969.
- Roff, W. R., *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1967.
- Syed Hussein Al-Atas, *Intellectuals in Developing Societies*, Frank Cass: London, 1977.

(Esei ini dipetik dari buku
"IKATAN ETNIK DAN KELAS
DI MALAYSIA," Penerbit UKM, 1989)

NILAI NEOFEUDAL MELUAS

Oleh Syed Husin Ali

APAKAH yang dimaksudkan dengan nilai neofeudal? Secara ringkas ia nilai feudal lama yang wujud semula atau berterusan dalam bentuk dan suasana yang baru. Mengikut satu pandangan mengenai perubahan sosial, biasanya melalui masa masyarakat berubah daripada peringkat feudal kepada masyarakat kapitalis. Kedua-dua masyarakat feudal dan kapitalis itu mempunyai sistem nilai masing-masing. Tetapi nilai itu tidak semestinya terasing secara jelas serta mudah dilihat. Bahkan, selalunya terdapat keadaan campur aduk di antaranya. Ada nilai feudal yang mungkin berlanjutan ke dalam masyarakat kapitalis dan wujud bersama nilai yang berkaitan dengan masyarakat kapitalis pula. Nilai feudal itu boleh wujud dalam bentuk lama ataupun berubah kepada bentuk yang baru.

Kegiatan utama dalam masyarakat feudal lazimnya berasaskan pertanian dengan tanah adalah faktor ekonomi terpenting. Masyarakat kapitalis pula berdasarkan terutamanya kepada aktiviti perkilangan serta perdagangan dan modal adalah faktor ekonomi paling penting baginya. Dalam sistem susun lapis masyarakat feudal ada golongan bangsawan (terdiri daripada raja serta pembesar) dan golongan rakyat (terdiri daripada petani, penyewa dan juga hamba). Dalam masyarakat kapitalis pula, sistem susun lapisnya mengandungi golongan kapitalis (yang menguasai

modal) dan golongan pekerja (yang menjual tenaga empat kerat); dan di antara dua ini ialah golongan pertengahan (terdiri daripada pelbagai jenis orang yang memainkan bermacam-macam fungsi ekonomi).

Ada pelbagai nilai (dalam bentuk sikap, kepercayaan dan perlakuan manusia) yang menjelma dalam masyarakat feudal dan kapitalis itu. Dalam masyarakat feudal dan kapitalis itu. Dalam masyarakat feudal raja mempunyai darjah paling tinggi yang boleh diwarisi turun-temurun, dan kita boleh melihat dalam masyarakat itu nilai menyanjung atau mengagungkan darjah tinggi raja serta pembesar. Wujud nilai kesetiaan (ada kalanya dengan membabi buta) di kalangan rakyat terhadap raja yang dianggap mempunyai kelebihan luar biasa dan tidak boleh ditentang kerana menentang akan dianggap sebagai menderhana. Golongan bangsawan (terutama raja) mempunyai kuasa serta kekayaan dan hidup dalam kemewahan; mereka sering kali memperlihatkan nilai suka menunjuk-nunjuk kebesaran dengan istana indah dan majlis, sambutan serta upacara berlebihan. Mereka boleh merampas tanah rakyat bahkan boleh juga merampas isteri orang lain. Di kalangan rakyat dan juga terhaap raja terdapat banyak kepercayaan tahuyl dan kolot berhubung asal-usul raja serta daulatnya.

Di Nusantara ini kemuncak sistem bercorak feudal ada pada pemerintah Srivijaya (di Sumatera), Majapahit (di Jawa) dan Melaka (di Semenanjung). Ketiga-tiganya adalah pemerintahan feudal yang padu atau integrated). Selepas jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, kerajaan Melayu berpecah-belah dan wujud sistem feudal yang tidak padu (atau *disintegrated*). Di bawah pemerintahan penjajahan Inggeris yang bertapak mulai akhir abad ke-19, institusi raja diteruskan di sembilan buah negeri Melayu akan tetapi raja menjadi lambang saja dan dibataskan kuasanya hanya kepada hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Selepas merdeka, kedudukan raja itu dilanjutkan terus, bahkan ditambah pula dengan Yang diPertuan Agong, yang dipilih bergilir-gilir oleh sembilan raja itu

daripada kalangan mereka, untuk menjadi lambang seluruh Malaysia selama lima tahun.

Sungguhpun institusi raja dilanjutkan, tidak bermakna bahawa sistem feudal berlanjutan terus di Malaysia. Penjajahan Inggeris memperkenalkan beberapa ciri sistem kapitalis yang diperkuuhkan lagi oleh pimpinan politik negeri ini selepas merdeka. Misalnya, dalam bidang ekonomi, kebun kecil dan ladang getah serta kelapa sawit diperkenalkan. Selain itu digiatkan perusahaan lombong bijih, perkilangan dan perdagangan. Semuanya menggunakan modal dan mempunyai kesan meluaskan lagi ekonomi wang. Benih sistem kapitalis yang disemai di zaman penjajahan tumbuh di zaman merdeka dan terus dipupuk hingga besar dengan pembangunan industri berat serta perdagangan besar akhir-akhir ini.

Boleh dikatakan bahawa masyarakat negeri ini sedang dalam peralihan, meninggalkan sistem feudal dan menuju kepada sistem kapitalis. Pada peringkat ini, ada unsur daripada kedua-dua sistem itu wujud alam masyarakat yang sama. Dalam bidang ekonomi ciri-ciri kapitalis semakin kukuh tetapi belumlah tercapai sepenuhnya sistem kapitalis di negeri ini. Modal memainkan peranan lebih besar daripada tanah, bahkan sekarang ini tanah pun sudah berubah menjadi sebahagian daripada modal. Perindustrian serta perdagangan lebih penting daripada pertanian. Pengaruh korporat atau pemodal lebih besar daripada tuan tanah. Bilangan petani semakin berkurangan, manakala bilangan pekerja bertambah.

Dalam bidang politik pula, raja dan pembesar bukan lagi tempat tumpuan kuasa politik, ekonomi dan ketenteraan sebagaimana terdapat dalam sistem feudal yang padu. Raja tidak lebih daripada simbol saja, walaupun mempunyai darjah yang tinggi. Semua raja dan ramai daripada kaum kerabat mereka kini terlibat dengan kegiatan ekonomi kapitalis. Kuasa politik sekarang terletak di tangan sebilangan kecil pemimpin politik yang menguasai kerajaan. Mereka ini terbabit secara langsung atau tidak langsung

dengan aktiviti ekonomi semasa berkuasa ataupun selepasnya. Kuasa politik memberi peluang kepada seseorang meluaskan sayapnya ke dalam bidang ekonomi dan kuasa ekonomi pula membuka pintu kepada seseorang mengukuhkan pengaruhnya dalam bidang politik.

Sekarang, kuasa serta pengaruh ke atas politik, ekonomi serta media dan darjat yang tinggi bertumpu pada sebilangan kecil orang terdiri daripada pemimpin politik pemerintah. Kadang-kadang kuasa digunakan untuk kepentingan diri dengan tidak menghiraukan sangat kebijakan rakyat jelata. Jikalau di zaman feudal golongan bangsawan tanpa undang-undang boleh merampas tanah rakyat, sekarang ini golongan yang menguasai politik atau ekonomi mempunyai Undang-undang Pengambilan Tanah yang boleh membantu mereka merampas tanah rakyat dengan membayar pampasan rendah saja.

Pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa berkaitan rapat sekali dengan beberapa orang korporat besar yang mereka sokong sehingga berjaya dan selalunya menjadi wakil (atau nominee) bagi mereka. Ada di antara mereka ini yang bertindak, berlagak serta menjelmakan nilai-nilai feudal, walaupun mereka memakai kot dan tali leher dan tidak tanjak serta kain samping. Kekayaan mereka tidak terbatas dan digunakan untuk hidup bermewah-mewahan. Di mana pergi, terutama di majlis tertentu, mereka suka disambut penuh kebesaran dengan bunga manggar dan kadang-kadang sirih junjung berserta pawai-pawai yang jelita. Darjat mereka diperkukuh lagi dengan pelbagai gelaran yang ada hubungan dengan gelaran di zaman feudal dulu, seperti Tun, Tan Sri dan Datuk.

Ada di antara mereka tidak suka kritikan atau penentangan. Ada pelbagai perkara atau cara dalam masyarakat yang membantu mereka terus berkuasa. Pertama ialah kewujudan pelbagai undang-undang yang mengancam kebebasan individu dan menimbulkan psikologi ketakutan di kalangan rakyat untuk bertindak atau bersuara. Di antara yang terburuk ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

dan Akta Percetakan dan Penerbitan (APP). Kedua, media massa yang kebanyakan dikuasai atau dipengaruhi golongan elit politik. Lazimnya media ini membuka halaman dengan luas kepada suara yang menyokong pihak pemerintah dan sekaligus menyekat bahkan mengutuk suara yang membangkang. Ketiga, cara memberi pangkat, kontrak dan hadiah kepada mereka yang memuji (walaupun secara buta tuli), dan menafikannya kepada mereka yang kuat mengkritik (walaupun secara membina). Kebebasan bersuara tidak digalakkan. Seperti dalam keadaan feudal juga, sesiapa yang menentang, mengecam atau mengkritik tidak disukai dan sering dianggap seolah-olah sebagai penderhana.

Pada masa yang sama, diperluaskan pula nilai taat sedia tidak berbelah bagi kepada pemimpin. Tema setia ditanam melalui cogankata, lagu, lakonan dan sebagainya yang diulang-ulang melalui media massa, terutama tv, dan juga rapat umum. Bersamanya timbul juga nilai-nilai kebendaan yang membuat orang berebut-rebut mencari pangkat dan kekayaan, tanpa menghiraukan kepentingan atau kebijakan orang lain. Nilai setia dan kebendaan itu berkaitan rapat, kerana kesetiaan dibalas dengan kebendaan; dan orang menjadi lebih setia lagi kepada sesiapa saja yang boleh memberikan kuasa, pangkat atau kekayaan.

Dalam keadaan yang sedang berubah sekarang, kesetiaan mulai berpindah daripada raja yang semakin kurang kuasa serta pengaruhnya kepada pemimpin politik yang bertambah kuasa dan pengaruhnya.

Nilai neofeudal ini mengukuhkan lagi kedudukan golongan berkuasa. Ini merupakan salah satu faktor penting yang mengongkong rakyat jelata dan menjadikan mereka tidak berani bersuara.

(*Berita Harian*, 18.5.1996)

PEMANDULAN INTELEKTUAL

Oleh Prof. Madya Mohamad Abu Bakar

TRADISI intelektual yang kaya ialah tradisi yang mengan-
dungi pelbagai aliran pemikiran atau *schools of thought*;
dalam konteks ini para ahli akademik mempunyai saham
yang besar dalam perkembangan dan pemupukannya.
Tradisi intelektual yang kukuh juga boleh berbentuk penga-
liran satu arus besar pemikiran, yang mendominasikan
persekitaran intelektual, sambil mempengaruhi suasana
politik dan situasi sosial.

Bagi satu-satu aliran pemikiran muncul sebagai trend
berfikir yang dominan, ia seharusnya menggabungkan *the power of intellect* dengan *the politics of ideas*, dan ini melibat
kebolehan retorik, kedudukan sosial dan kewangan. Ke-
lesuan intelektualisme bukan hanya bererti ketiadaan akti-
visme, tetapi juga suatu *endorsement* terhadap status quo
yang belum tentu bersifat unggul.

Pembabitan intelektual para akademik di Malaysia
hanya kelihatan ketara berikutan penubuhan cawagan
Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, ter-
nyata aspek intelektualisme yang tertonjol ialah dimensi
anti-establishment dan kekiriannya, sehingga ia hampir
sepenuhnya dikaitkan dengan itu.

Daripada satu segi, perkembangan ini bukanlah suatu
yang ganjil kerana pihak yang kelihatan kritis dan lantang
menyuarkan pendapat, terdiri umumnya daripada para

akademik yang bersikap *non-conformist*, berjiwa sosialis dan berpendirian radikal. Dalam tahun-tahun 60-an dan awal 70-an, keterlibatan intelektual anggota akademik Universiti Malaya agak menyerlah. Mereka bukan sekadar menyertai forum di kampus atau menyebar risalah dari 'menara gading' tetapi telah muncul sebagai *conscience* masyarakat yang menyuarakan hasrat dan harapan golongan yang difikir tertindas dan terpedaya, atau menyongsang arus untuk mempertahankan sesuatu idealisme.

Dengan terlaksananya akta Universiti dan Kolej Universiti yang diperlaksanakan pada 1971 (dan diperbaharui pada 1974), pembabitan para akademik dalam arena intelektual telah merosot; malah ekoran daripada pengenalan undang-undang itu, telah wujud persekitaran psikologi yang tidak sihat dalam kehidupan hampir semua pihak yang terlibat dalam pembangunan universiti.

Semenjak lebih kurang 20 tahun yang lalu, suatu macam pemisahan berlaku antara manusia akademik dan dunia luar, khususnya golongan politik. Pengenalan akta tersebut sememangnya telah mewujudkan persekitaran yang membantu penyertaan aktif ahli akademik dalam kehidupan sosial, tetapi tidak kurang juga pentingnya ialah pemupukan sikap negatif terhadap anggota 'menara gading' yang merenggangkan perhubungan antara keduanya. Beberapa ahli politik mencemuh orang akademik, dan pada masa yang sama ahli akademik memandang rendah orang politik.

Penghijrahan keluar pensyarah *expatriates* yang kebanyakannya berkulit putih turut memudarkan imej anggota akademik tempatan. Kehadiran orang luar yang berangkaian dalam litaran antarabangsa, serta bergaji besar secara relatif, dalam dunia Malaya yang masih mengandungi jumlah lulusan akademik yang tidak ramai, telah menempatkan status ilmawan di suatu tahap yang tinggi lagi dihormati. Tambahan pula hampir kesemua pentadbir nasional adalah bekas pelajar mereka.

Keadaan ini telah bertukar. Pada masa yang sama

penguasaan ke atas universiti yang semakin bertambah oleh kerajaan, khususnya menerusi mekanisme majlis, turut menjelaskan prestasi intelektual, walaupun tradisi penyertaan pihak luar, termasuk aristokrat perniagaan, bukanlah sesuatu yang baru dalam tradisi akademik.

Pengaruh intelektual universiti juga mengalami saingan, seterusnya merosot, berikutan kemunculan beberapa institusi luar tajaan kerajaan, atau yang mempunyai kaitan dengan kerajaan, seperti Insitut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dan sebagainya, yang umumnya lebih kukuh kedudukan kewangan serta mempunyai kebebasan yang lebih luas dalam kegiatan penyelidikan.

Naungan yang diterima oleh agensi-agensi ini, serta penerimaannya oleh pihak kerajaan membolehkan badan-badan ini menyediakan idea yang berkemungkinan besar diterima untuk perlaksanaan. Penganalisaan oleh pihak-pihak ini juga dipercayai lebih bererti. Sehubungan ini bukan sedikit ahli akademik yang meninggalkan universiti untuk berkhidmat di tempat-tempat tersebut, atau terserap sebagai pensyarah jemputan, yang mana menambah-kukuhkan lagi kedudukan instisusi-institusi luar itu, dan melemahkan lagi kedudukan universiti sebagai pusat intelektual.

Tambahan pula, skim perkhidmatan universiti yang kurang memuaskan menempatkan pensyarah di suatu skala sosial yang menyebabkan kedudukan mereka semakin kurang dihormati, dan ini menumpulkan minat intelektual sebahagian daripada mereka. Dengan ketiadaan visi yang lebih tinggi di universiti tempat mereka berkhidmat dan beroperasi, ransangan intelektual menjadi bertambah kurang. Secara bersendirian pun, manusia itu kelihatan gagal menunjukkan kecemerlangan dalam kerjayanya.

Dalam konteks yang lain, kehadiran manusia akademik tersudut, dan keintelektualannya dikompromikan apabila mereka diletakkan sebagai "mandarins" dalam kerajaan

tetapi tidak berada dalam kedudukan strategis dan tidak merupakan faktor definitif dalam proses *decision making*.

Adalah suatu penghinaan terhadap "ilmu" dan "ilmuan" apabila para akademik yang dijemput dijadikan sebagai hiasan dalam sesuatu mesyuarat, sedangkan segala keputusan besar dan berat dibuat oleh birokrat yang diberi mandat atau kuasa oleh kerajaan, sekalipun mereka ketandusian idea. Ulama-intelektual daripada kalangan pensyarah pernah dijadikan dandanan seperti ini.

Dalam beberapa perbahasan mengenai "Melayu Baru", ternyata pemikiran ahli politik dan manusia koprat di pertandingkan dengan pemikiran ahli akademik dan intelektual yang serius. Atas sebab-sebab praktis dan perkiraan politik pihak pertama lebih cenderung untuk berasitorika, sehingga sanggup membelakangkan sejarah dan realiti sosial. Mereka berkenaan berpendirian *simple* dan berpegangan naif, tapi mereka juga berkedudukan dan berpengaruh dalam menjaya idea "Melayu Baru" mereka.

Pemimpinan manusia akademik tempatan tidak terhenti setakat ini. Dalam dunia yang semakin mengecil, dan menyerupai kampung sejagat, ternyata para ilmiawan kita semakin tenggelam dalam arus besar dunia yang berpusat di Barat dan sebagianya. Ini turut mempengaruhi pihak bekuasa yang semakin berasa senang bergantungan kepada kepakaran luar.

Ketaksuhan kepada pihak asing diperkuatkan oleh keupayaan para akademik luar terlebih dahulu untuk menganalisis dan mentafsir masalah setempat, dan kemudiannya perbuatan mereka diikuti oleh pembabitan akademik intelektual. Penyakit yang menghinggapi para akademik intelektual dalam negeri ini juga turut merosakkan kedudukan mereka, iaitu kecenderungan memetik dan menyandar perbahasan mereka kepada tulisan orang luar, yang disampaikan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab, hatta pandangan serupa atau lebih mendalam telah dikeluarkan oleh akademik intelektual setempat. Mungkin ini lahir daripada *professional jealousy*, iaitu kebimbangan terhadap

kemungkinan nama akademik tempatan menyerlah atau menjadi wira dan sebagainya.

Satu dimensi lain dalam perkembangan yang membawa kepada pemupukan *mystique* sarjana asing ialah rasa rendah diri sebahagian daripada kita apabila berdepan dengan pendapat dan penganjuran mereka. Kita masih belum terlepas daripada kongkongan kolonial seperti kebanyakan pendudukan negara yang sedang membangun lain; kita memerlukan pengesahan dalam bentuk pandangan daripada "pakar luar" bagi membenarkan persepsi atau pegangan kita.

Jika saya mengatakan bahawa Malaysia adalah *an evolving Islamic state* maka refleksi ini akan dibiarkan begitu sahaja; tetapi sekiranya ia lahir daripada mulut sarjana burung singgahan (*bird of-passage*) dari luar negara yang pernah membuat penyelidikan tentang orang asli di Amerika Latin, maka gambarannya akan menjadi rujukan popular.

Akhir sekali ialah penghijrahan tenaga pengajar universiti ke sektor lain, terutama sekali dunia korporat, yang secara langsung dan tidak langung menjelaskan prestasi intelektual akademik. *Exodus* seperti ini sebenarnya merupakan suatu perkembangan yang tidak sihat. Apa yang sepatutnya berlaku ialah sebaliknya, iaitu penghijrahan ahli perniagaan yang berjaya, diplomatik yang pencen dan politikus veteran ke kampus untuk menjadi pengajar, pensyarah dan guru, sambil memunggahkan segala pengetahuan praktis mereka bagi memperkayakan khazanah ilmu.

Hal seumpama ini berlaku di Barat, di mana manusia dari profesion lain, setelah bersara atau setelah mencapai mercu dalam kehidupan, memasuki universiti sebagai profesor pelawat, pemegang kerusi mahaguru, atau paling tidak menyedekahkan wang untuk pembentukan sesuatu kursi atas namnya ataupun atas nama perniagaannya atau sebagainya. Trend yang berlaku di Malaysia ini umumnya memperlihatkan kedudukan ilmu pada persepsi umum dan

tarikah yang masih ada pada universiti, sehingga tokoh-tokoh luar tidak tertawan oleh hidangan yang ada di kampus.

Dalam suatu sudut, ternyata telah berlaku perdaganan idealisme yang nyata, apabila upahan kebendaan menguasai kehidupan para akademik sehingga mereka meminggirkan tanggungjawab intelektualnya. Dunia materialisme yang terisi oleh aktiviti korporat, dan agihan kemewahan menerusi gaji besar dan pangkat tinggi sememangnya mencabar.

Bagi saya, bukanlah semestinya suatu gejala yang sihat apabila manusia korporat dimartabatkan begitu rupa sehingga manusia akademik dikesampingkan begitu jauh dalam skima perbahasan sosial. Manifestasi yang ketara ialah reaksi hebat dan luhur terhadap cetusan idea Daim Zainuddin, tokoh korporat terkemuka tentang kemandulan pemikiran orang Melayu, sedangkan fikiran serupa dari-pada ilmiawan akan tenggelam begitu sahaja dalam lipatan akhbar.

Namun begitu, pernyataan di atas bukanlah bertujuan menolak hakikat pembabitan intelektual beberapa orang ahli akademik dalam pembangunan nasional dan proses membuat dasar. Beberapa tokoh daripada akademia ternyata terbabit dalam penubuhan beberapa institusi ekonomi Islam, umpamanya, manakala setengah yang lain terus aktif dalam pelbagai aktiviti sosial sambil menganalisis masalah sosial secara serius dan profesional. Persoalannya ialah pembabitan yang lebih meluas amat diperlukan, yang meliputi bukan sekadar reaksi marah terhadap penularan pengaruh luar, atau resureksi keagungan lepas, tetapi respons berbentuk penganalisaan kritis masalah sosio-politik dan sosio-ekonomi. Ini termasuklah pengukapan jawapan original kepada isu-isu besar nasional dan dunia.

Pihak berkuasa seharusnya menerima baik pengkayaan dunia akademik serta potensinya menambah-kukuhkan lagi tradisi intelektual setempat. Adalah suatu yang tidak wajar akademik-intelektual dicemuh sebagai manusia idealis,

semata-mata kerana mereka menghalakan pemikiran mereka kepada persoalan mewujudkan sesuatu yang belum lahir ataupun sukar untuk dilahirkan, berdasarkan realiti semata-mata, atau masa depan yang belum menentu.

Untuk membolehkan manusia akademik berperanan lebih besar sebagai intelektual, dan membolehkan jumlah ahli akademik dimanfaatkan oleh negara, maka kedua-dua pihak pemerintah dan masyarakat harus menyediakan suasana yang baik bagi mencapainya. Suasana yang lebih liberal, yang memberi pemberatan kepada kebolehan dan amalan berfikir, perlu diwujudkan, di samping meluaskan ruang dalam media massa untuk interaksi intelektual.

Kadangkala media seharusnya bertolak ansur terhadap pemikiran ekstrim yang datang daripada golongan minoriti yang kelihatan terpinggir. Pandangan yang tidak mewakili arus besar ini berkemungkinan mempunyai kebenarannya, dan paling tidak ia mampu menyentak dan menyedar, atau memberi suatu keseimbangan kepada pengalaman negara dan masyarakat. Pembinaan budaya ilmu mesti berjalan serentak, bagi membolehkan wujudnya *appreciative audience*. Sesuatu pengkalihan paradigma (*paradigmatic shift*) dalam sejarah lebih mudah berlaku dalam keadaan masyarakat yang bersedia menerima idea yang membawa kepada perubahan fundamental.

Dengan kekesan globalisme yang semakin menyelewuh, pancara intelektual seharusnya lebih jauh dan meluas, agar Malaysia menjadi pusat ilmu pengetahuan yang mampu mendefinisikan persekitaran serantau atau dunia.

(Petikan rencana
"Manusia Akademik Sebagai
Intelektual" yang diterbitkan dalam
Pemikir, keluaran April - Jun 1996)

(Disiarkan dalam
Utusan Malaysia,
24 April 1996)

PENYUMBANG

- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** - Perdana Menteri dan Presiden UMNO Malaysia Ke-4.
- Datuk A. Kadir Jasin** - Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times.
- Lanang Sejagat** - Kolumnis Akhbar Mingguan Malaysia.
- Tun Daim Zainuddin** - Bekas Menteri Kewangan Malaysia, Bendahari UMNO Malaysia, Penasihat Ekonomi Kerajaan Malaysia.
- Jaafar Rahim** - Pegawai Perancangan Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka. Kolumnis akhbar Utusan Malaysia. Aktivis Budaya dan Sastera.
- Datuk Zainuddin Maidin** - Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu. Pengerusi Lembaga Pengarah Utusan Publications and Distribution Bhd. Kini seorang Ahli Dewan Negara Malaysia.

Dr. Hussain Mohamad	- Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.
Jamaludin Abdul Aziz	- Wartawan dan kolumnis di akhbar 'Watan'.
Rustam A. Sani	- Bekas pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pernah menjadi Fellow Kanan di ISIS. Kolumnis akhbar Utusan Malaysia. Kini Pengarah Urusan Pasca Baru Sdn. Bhd.
Haji Subky Abd. Latif	- Pernah menjadi Pegawai Penerangan PAS. Kolumnis untuk akhbar 'Harakah'.
Datuk Dr. Mahadzir Mohd. Khir	- Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kolumnis untuk majalah 'MASSA'.
Datuk A. Nazri Abdullah	- Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian.
Dr. Kassim Ahmad	- Bekas Ketua PSRM. Kini menjadi penulis bebas.
Ramli Simbok	- Wartawan akhbar 'Watan'.
Dr. Mohd. Safar Hashim	- Ketua Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Datuk Mohd. Noor Azam** - Pernah menjadi Setiausaha Politik Perdana Menteri, bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UMBC. Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia TV3. Seorang tokoh korporat.
- Prof Datuk Abu Bakar Hamid** - Pernah menjadi Ketua di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kini Pengerusi Lembaga Pengarah BERNAMA.
- Dr. Syed Husin Ali** - Pernah menjadi Ketua Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya. Kini menjadi Presiden Parti Rakyat Malaya.
- Haji Abdul Shukur Harun** - Pernah menjadi Wartawan di Berita Harian. Kini kolumnis bebas.
- Nasrul Hadi** - Kolumnis untuk majalah 'Nusantara'.
- Dr. Sanusi Osman** - Bekas pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini Setiausaha Agung PSRM.
- Prof. Madya Mohamad Abu Bakar** - Pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Dr. Mahathir ulas tulisan Tun Daim Zainuddin

Melayu lebih berani

Oleh AZIZAN HASHIM dan AZHAN BAKAR

LANGKAWI 19 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak bererset dengan pendapat bahwa orang Melayu sekarang tidak berani menyatakan pandangan mereka atau mengkritik pemimpin atas.

Katanya, orang Melayu sekarang lebih berani daripada dulu, malah beliau sendiri tidak terlepas daripada minneri kritikan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, keberanian itu bukalah dalam semata-mata.

"Kita kena berani semua. Kita berani manapun rakyat. Kita berani... bukan sahaja orang atasan, orang bawahan pun kita kena berani cakap... menghadap juga..."

"Sekarang seluruh kritik orang bawahan tetapi banyak orang tak berani kritik orang di bawah takut tidak popular," tegnasnya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta menjelaskan maklumat yang diajukan oleh Daim Zainuddin dalam *Minogue Malaysia* pada 10 Mac lalu yang antara lain menegaskan bahwa orang Melayu sekarang tidak berani berwara lagi.

Dalam maklumat tersebut, menyatakan orang Melayu sekarang menyokong dan memperjuangkan orang Melayu secara buta tulid dan lebih suka jika tidak diganggu asalkan perlu nasi lemat.

Ditanya sama ada beliau setuju dengan pandangan Tun Daim, beliau berkata: "Tak, ia bukan sahaya dengan semua yang orang lain kata."

Berseloroh

Dalam nadanya berseloroh, Perdana Menteri berkata: "Setuju apa saya kata."

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemimpin Langkawi Terengganu dan Matara di sebuah pertemuan puang ke Kuala Lumpur petang ini bagi mengakuri lawatan kerja dua hari ke Kedah.

Seluruh beliau merasmikan Underwater World Langkawi Lagoon di Cetral dan kompleks kedai beba cukaui yang menonjol perbezaan lebih RM26 juta di Pantai Cenang.

Projek Underwater World Langkawi yang dimajaukan oleh Syarikat Holdings Berhad dengan kos RM10 juta, memperkenan pelihaga jenis ikan air sikit mempunyai kemudahan lebih 100 tangki air untuk menampung 500 spesies dan lebih 5,000 jenis ikat dari seluruh dunia.

Terdahulu Perdana Menteri menghadiri sasi lampas otak para pemimpin UMNO Kelantan di Hotel Langkawi Seaview.

Sesi tertutup itu dibiduri oleh kira-kira 100 pemimpin UMNO Kelantan termasuk ahli politik Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Anuar Musa dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapha Mohamed.

Malah, dalam sesi tersebut, Menteri merasmikan Hotel Singgahnas JJB dan Hotel Pengurusan Hotel Institut Teknologi Tun Abdul Razak berharga RM21 juta di Kuala Muda.

Daim sambut baik kritikan masyarakat

KUALA LUMPUR 26 April — Perdana Menteri menyatakan bahawa negara ini mempunyai sistem yang bebas dan adil, dan ia bukanlah perkara yang penting.

"Saya berterima kasih pelbagai kritik yang diberikan oleh para pengaruh negara dan tokoh-tokoh masyarakat hadir daripada pandangan saya itu."

Daim berkata, kritikan-kritikan itu sama ada yang kontra atau menyokong, menunjukkan masyarakat mempunyai kesedaran tinggi dan sentiasa dengan perkembangan semasa dan sentiasa mahu berhincahan.

Tambahnya, susanna itu juga menunjukkan bahawa negara ini mempunyai sistem yang bebas dan adil dalam beberapa akhir temasya.

"Saya terima baik pelbagai kritik ini dan berharap para pengaruh negara ini akan mendapat," katanya.

Menurut Daim, sebenarnya semua orang adalah berani tetapi apa yang penting ialah berani memberi saran dan peringatan yang bermasalah demi kepentingan negara.

Pandangan Daim dalam *Utusan* pada 10 Mac lalu itu telah mendapat reaksi daripada pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

UTUSAN MALAYSIA, 27.4.96.

UTUSAN MALAYSIA RABU 20 MAC, 1996

Pandangan Tun Daim disokong

Saudara Pengarang,

SAYA menyokong pandangan Tun Daim Zainuddin di atas tulisannya. Orang Melayu yang keberanian di atas *Minogue Malaysia*, 10 Mac lalu.

Syahas Tun Daim, kata-

kata beliau itu tepat pada masanya. Saya berharap akbar-akbaran Melayu tem-

pat di dalam dunia ru-

ang. Forum seperti akbar-

-tungku *Utusan Malaysia* dan deng-

an demikian orang-orang

Melayu dapat menyuarakan

pendapat mereka.

Saya berharap ahli-ahli

politik Melayu tidak berasa tersinggung jika ada di antara tulisan dari orang ramai mengkritik mereka.

Mereka harus menerima kenyataan demikian untuk memperbaiki mutu perkhidmatan terhadap rakyat.

Kita harus menggalakkan demikian untuk membantu mereka yang berani menghadapi cabaran untuk masa depan.

— ABD. LATIF MOHD. ARIPPIN, Ampang, Selangor.